



Laporan Tahunan 2016


Kandungan



Visi, Misi, Moto dan Hala Tuju	5
Falsafah Pendidikan dan Objektif	6
Sejarah	7
Canselor	9
Pro-Canselor	10
Lembaga Pengarah Universiti	13
Ahli Eksekutif	14
Senat	15
Tinta Naib Canselor	16
<i>Highlights</i> UTHM	21
Petunjuk Prestasi Utama	25
Tadbir Urus Universiti	27
Pengurusan dan Pembangunan Modal Insan	31
Akademik dan Pengantarabangsaan	51
Penyelidikan, Inovasi, Perundingan dan Penerbitan	65
Pembangunan Holistik Pelajar dan Kemajuan Alumni	81
Pembangunan, Pengurusan Fasiliti dan ICT	113
Jaringan Industri dan Hubungan Komuniti	127
Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah	141
Perpustakaan Tunku Tun Aminah	149
Laporan Kewangan	161

VISI

Menuju ke arah universiti bertaraf dunia dalam kejuruteraan, sains dan teknologi untuk pembangunan lestari



MISI

UTHM komited untuk mewujudkan dan menyebarkan pengetahuan bagi memenuhi keperluan industri dan komuniti serta menyuburkan modal insan yang kreatif dan berinovasi berasaskan paradigma tauhid

MOTO

Dengan Hikmah Kita Meneroka

HALA TUJU

Membangun Universiti Teknologi Lestari Masa Depan

FALSAFAH PENDIDIKAN UNIVERSITI



Pendidikan di Universiti ini adalah usaha berterusan untuk menerajui program akademik yang berorientasikan pasaran dan berfokuskan pelajar menerusi pembelajaran melalui pengalaman untuk menghasilkan sumber manusia terlatih dan profesional sebagai pemangkin ke arah kemajuan negara yang mampan

OBJEKTIF

- Melaksanakan program akademik yang diiktiraf dengan menggunakan kurikulum yang holistik melalui proses pengajaran dan pembelajaran berasaskan pengalaman
- Melaksanakan penyelidikan tersohor dalam bidang teras universiti serta menjana harta intelek
- Meningkatkan pengantarabangsaan Universiti melalui jalinan kerjasama strategik yang berkesan dengan Univeristi dan organisasi luar negara
- Meningkatkan hubungan dan kerjasama Universiti – Industri yang produktif dan lestari
- Mengurus dan membangun sumber manusia yang mencukupi dan berkualiti
- Menyediakan perkhidmatan dan menghasilkan produk yang memenuhi kehendak pelanggan
- Mempromosikan Universiti sebagai pusat kecemerlangan dan rujukan dalam bidang kejuruteraan dan teknologi
- Menyediakan prasarana dan kemudahan fizikal yang mencukupi selaras dengan budaya keilmuan Universiti



SEJARAH

Sejarah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia bermula pada 16 September 1993 dengan penubuhan Pusat Latihan Staf Politeknik (PLSP), yang bertujuan melahirkan dan melatih tenaga pengajar yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam pelbagai bidang kejuruteraan untuk ditempatkan di politeknik-politeknik seluruh negara.

Bagi memperkasakan lagi peranan institusi ini, PLSP telah dikenali sebagai Institut Teknologi Tun Hussein Onn (ITTHO) bermula dari 12 April 1996. Sebagai sebuah Institut, ITTHO telah memperkembangkan program-program akademiknya di samping mempertingkatkan jumlah pengambilan pelajar.

Kabinet Malaysia pada 27 September 2000 telah bersetuju menaiktaraf ITTHO kepada sebuah universiti awam di bawah Akta 30 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) dengan dikenali sebagai Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUITTHO).

Bagi meletakkan institusi ini sebaris dengan universiti-universiti awam lain di negara ini, bermula 1 Februari 2007 KUITTHO dijenamakan semula dengan dikenali sebagai Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Pada ketika ini, lebih 16 ribu orang pelajar sedang mengikuti pengajian dalam pelbagai bidang yang ditawarkan oleh lapan buah fakulti sedia ada. Daripada jumlah tersebut, lebih 500 orang daripadanya adalah pelajar-pelajar antarabangsa yang berasal dari lebih 24 buah negara seluruh dunia. Dalam tempoh 23 tahun usia penubuhannya, UTHM telah melahirkan lebih 30 ribu orang graduan yang kini sedang memainkan peranan penting di dalam pembangunan negara dan kemakmuran sejagat, sejajar dengan moto universiti, "Dengan Hikmah Kita Meneroka".



CANSELOR

DULI YANG MAHA MULIA SULTAN IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISKANDAR
Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim



PRO-CANSELOR

DULI YANG AMAT MULIA TUNKU ISMAIL IBNI SULTAN IBRAHIM
Tunku Mahkota Johor



PRO-CANSELOR

YBHG. TAN SRI DR. ALI HAMSA
Ketua Setiausaha Negara

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



PENGERUSI

YBhg. Tan Sri (Dr.) Ir. Jamilus bin Md Hussin

Pengerusi
KLIA Premier Holdings Sdn Bhd



AHLI

YBhg. Profesor Datuk Dr. Mohd Noh bin Dalimin

Naib Canselor
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
(Sehingga 15 Oktober 2016)



YBhg. Profesor Dr. Wahid Razzaly

Menjalankan Fungsi Naib Canselor
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
(Mulai 16 Oktober 2016)



YBhg. Tan Sri Dato' Sri Sufri bin Hj Mohd Zin

Pengarah Urusan Kumpulan
TRC Synergy Berhad



YB Dato' Hj. Nooh bin Gadot

Penasihat
Majlis Agama Islam Johor



YBhg. Datuk Dr. Pang Chau Leong

Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia



YBhg. Dato' Zainal Abidin bin Mat Nor

Timbalan Setiausaha Bahagian Pengurusan Aset Awam
Kementerian Kewangan Malaysia



YBhg. Datuk Mat Noor Nawi

Pengerusi
Exim Bank Berhad



YBhg. Profesor Dr. Mustafa bin Mat Deris

Profesor
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



YBrs. Profesor Madya Dr. Arham bin Abdullah

Pengarah
Bahagian Hubungan Industri
Kementerian Pendidikan Tinggi



Puan Mazula binti Sabudin

Pengarah
Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar
Jabatan Pengajian Tinggi,
Kementerian Pendidikan Tinggi



SETIAUSAHA

Encik Abdul Halim bin Abdul Rahman

Pendaftar
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

AHLI EKSEKUTIF



YBHG. PROFESOR DATUK DR. MOHD NOH BIN DALIMIN

Naib Canselor
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
(Sehingga 15 Oktober 2016)



YBHG. PROFESOR DR. WAHID RAZZALY

Menjalankan Fungsi Naib Canselor / Pengerusi
(Mulai 16 Oktober 2016)



PROFESOR DR. RUZAIRI BIN ABDUL RAHIM

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)



PROFESOR MADYA DR. ASRI BIN SELAMAT

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)



PROFESOR DR. AHMAD TARMIZI BIN ABD KARIM

Penolong Naib Canselor (Pembangunan, Pengurusan
Fasiliti dan ICT)



PROFESOR DATO' DR. ABDUL RAZAK BIN HJ. OMAR

Penolong Naib Canselor (Perhubungan Industri dan
Masyarakat)



ENCIK ABDUL HALIM BIN ABDUL RAHMAN

Pendaftar/Setiausaha



CIK AZIZAH BINTI NASRI

Pemangku Bendahari

SENAT

YBHG. PROFESOR DATUK DR. MOHD NOH BIN DALIMIN

Naib Canselor / Pengerusi
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
(Sehingga 15 Oktober 2016)

YBHG. PROFESOR DR. WAHID RAZZALY

Menjalankan Fungsi Naib Canselor / Pengerusi
(Mulai 16 Oktober 2016)

PROFESOR DR. RUZAIRI BIN ABDUL RAHIM

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

PROFESOR MADYA DR. ASRI BIN SELAMAT

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

PROFESOR DR. AHMAD TARMIZI BIN ABD KARIM

Penolong Naib Canselor (Pembangunan, Pengurusan Fasiliti dan ICT)

PROFESOR DATO' DR. ABDUL RAZAK BIN HJ. OMAR

Penolong Naib Canselor (Perhubungan Industri dan Masyarakat)

PROFESOR DR. HJ. ISMAIL BIN ABDUL RAHMAN

Dekan Pusat Pengajian Siswazah

PROFESOR MADYA DR. ABDUL HALID BIN ABDULLAH

Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar

PROFESOR MADYA DR. AFANDI BIN AHMAD

Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

PROFESOR MADYA DR. SHAHRUDDIN BIN MAHZAN@MOHD ZIN

Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

DR. MOHD. LIZAM BIN MOHD. DIAH

Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan

PROFESOR DR. AHMAD BIN ESA

Dekan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

PROFESOR MADYA DR. NAZRI BIN MOHD NAWI

Dekan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

PROF. MADYA DR. MOHD. KAMARULZAKI BIN MUSTAFA

Dekan Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan

PROFESOR MADYA DR. ISHAK BIN BABA

Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan

PROFESOR MADYA DR. MOHAMAD ZAKY BIN NOH

Dekan Pusat Pengajian Diploma

PROFESOR DR. AZME BIN KHAMIS

Dekan Pusat Pembangunan dan Latihan Akademik

PROFESOR DR. ROSMAN BIN MD YUSOFF

Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan

PUAN ROBIJAH BINTI KAMARULZAMAN

Dekan Pusat Pengajian Bahasa

PROFESOR DR. SULAIMAN BIN HJ HASAN

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

PROFESOR DR. YUSRI BIN YUSOF

Pengarah Pejabat Antarabangsa

PROFESOR DR. MAIZAM BINTI ALIAS

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

PROFESSOR DR. JAILANI BIN MD. YUNOS

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

PROFESOR DR. HJ. MUSTAFA BIN MAT DERIS

Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

PROFESOR DATIN DR. MARYATI BINTI MOHAMED

Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan

ENCIK ABDUL HALIM BIN ABDUL RAHMAN

Pendaftar/Setiausaha

CIK AZIZAH BINTI NASRI

Pemangku Bendahari

ENCIK BHARUN NAROSID BIN MAT ZIN

Ketua Pustakawan

TINTA NAIB CANSOLOR

Asalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadirat Illahi kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan inayahNya, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan seluruh warga kerja dan pelajarNya telah berjaya menyempurnakan segala peranan dan tanggungjawab sepanjang tahun 2016 ini.



Bagi mewakili seluruh warga UTHM, saya merakamkan setinggi-tinggi kasih dan penghargaan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim selaku Canselor UTHM dan kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor selaku Pro-Canselor UTHM kerana telah memainkan peranan yang sangat besar dan signifikan dalam pembangunan UTHM serta memberi tunjuk ajar, nasihat serta panduan buat seluruh warga UTHM dalam usaha menyemarakkan lagi budaya ilmu pengetahuan dan kesjaranaan. Peranan Baginda Tuanku dan Tunku Mahkota dalam merencanakan perjalanan UTHM amat besar impaknya kepada kejayaan yang dikecapi hingga kini. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada YBhg. Pro-Canselor, YB Menteri Pendidikan Tinggi, YAB Menteri Besar Johor, YBhg. Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah, Ahli-Ahli Senat, Pegawai-Pegawai Universiti serta seluruh warga UTHM yang telah begitu komited terhadap segala usaha meletakkan UTHM ke

arah kecemerlangan dan kegemilangan.

Dalam usaha menuju ke arah universiti bertaraf dunia dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi, pelbagai usaha giat dilaksanakan oleh pihak pengurusan UTHM. Alhamdulillah, UTHM berjaya memperoleh kuasa autonomi dalam empat bidang utama iaitu Institusi Governan, Kewangan dan Penjanaan pendapatan, Sumber Manusia dan Pengurusan Akademik dan Kemasukan Pelajar. Kejayaan ini telah meletakkan UTHM sebaris dengan beberapa buah Universiti Awam yang lain termasuklah Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia. Penganugerahan autonomi yang diberi oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ini adalah hasil kejayaan UTHM menjalani proses audit autonomi yang menggunakan instrument Code of University Good Governance (CUGG) dan University Good Governance Index (UCGI). Selain itu, UTHM turut berjaya mendapat pengiktirafan Malaysia Power Brand daripada Asia Entrepreneur Alliance di bawah kategori Established Brand Award. Pengiktirafan ini berjaya memberi impak terhadap penjenamaan UTHM secara langsung. UTHM melalui usaha-usaha pematuhan kriteria Standard Accounting for Government Agencies (SAGA) yang dijalankan oleh Pejabat Bendahari telah melayakkan UTHM memperolehi Sijil Pematuhan SAGA dari Jabatan Akauntan Negara. Ini sekaligus membuktikan keyakinan Kerajaan terhadap tadbir urus kewangan UTHM yang baik dan berkesan.

RANKING WEB OF UNIVERSITIES

Dari segi 'visibility' pula, pada tahun 2016, UTHM berada di kedudukan ke 9 dari 331 buah Institusi Pendidikan Tinggi dan Agensi Malaysia dan berada di kedudukan 1,360 daripada 25,000 IPT / Agensi di peringkat dunia dalam penarafan Webometrics.

Pada tahun 2016, sejumlah 16,938 pelajar mengikuti pengajian di pelbagai peringkat yang ditawarkan di UTHM dari peringkat Diploma hinggalah ke peringkat Doktor Falsafah. Daripada jumlah itu, seramai 521 pelajar merupakan pelajar antarabangsa yang berasal dari 24 buah Negara termasuklah Jepun,

Amerika Syarikat, China dan Negara-Negara Timur Tengah dan Afrika. UTHM turut berbangga apabila sehingga tahun 2016, lebih daripada 30,000 graduan berjaya dihasilkan oleh UTHM yang kini berada seluruh pelusuk Negara dan juga Negara Luar menabur bakti memainkan peranan penting dalam bidang masing-masing. Statistik kebolehpasaran graduan UTHM berdasarkan KP YB Menteri Pendidikan juga menunjukkan peningkatan yang sangat baik apabila mencapai 91.4% berbanding sasaran 85.0%. Justeru ini membuktikan graduan UTHM sentiasa mendapat tempat di kalangan warga industri dan agensi dalam dan luar Negara.



UTHM di bawah Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) amat menitikberatkan pengiktirafan program-program akademik yang ditawarkan. Kesemua program-program akademik yang ditawarkan telah diakreditasi oleh Malaysian Qualifications Agency (MQA) dan bagi program kejuruteraan pula ianya telah diiktiraf oleh Engineering Accreditation Council Malaysia (EAC). Terkini, Program Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian kendalian Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik telah berjaya mendapat pengiktirafan penuh 5 tahun bagi graduan bermula dari tahun 2014 hingga 2018. Selain itu, program-program akademik yang ditawarkan oleh UTHM turut diiktiraf oleh Royal Institution of Chartered Surveyors (RICS) dan Chartered Institute of Building (CIOB) yang berpangkalan di United Kingdom. UTHM kini memiliki sejumlah 551 orang staf akademik yang berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah atau pada kadar 67.69% dari jumlah keseluruhan pensyarah 814 orang. Kesemua tenaga pengajar di UTHM turut digalakkan untuk mengikuti program sangkutan industri bagi memperkasa kerjaya dan ilmu pengetahuan serta kemahiran dan seterusnya menyemarakkan lagi budaya keilmuan di kalangan warga UTHM.

UTHM berjaya merangkul penarafan 3 Bintang bagi sesi penilaian MyRA@2015 yang diadakan pada tahun 2016. Kejayaan ini melayakkan UTHM menerima bonus daripada KPT berjumlah RM1,732,830.38 dalam bentuk geran penyelidikan. Melaluinya, UTHM telah berjaya meningkatkan lagi bilangan projek penyelidikan

yang lebih berkualiti. Seajar dengan usaha ini, beberapa rancangan penambahbaikan sistem dan struktur pengurusan penyelidikan, inovasi, perundingan dan pengkomersilan di UTHM. Usaha-usaha para penyelidik UTHM untuk terus memartabatkan penyelidikan dan inovasi dapat dilihat daripada bilangan penyertaan penyelidik dan produk penyelidikan dalam pelbagai pameran dan pertandingan samada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ini termasuklah penyertaan di Seoul International Invention Fair (SIIF) 2016, Ekspo Penyelidikan dan Rekacipta Institut Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) 2016, Malaysia Technology Expo (MTE 2016) dan sebagainya.



MTE
Malaysia International
Technology Expo 2016

Kualiti penerbitan jurnal di UTHM juga turut dipertingkatkan dengan pencapaian penarafan Journal of Technical Education and Training (JTET) sebagai berindeks Scopus yang diterima pada 19 September 2016, selain daripada permohonan 2 lagi jurnal UTHM iaitu International Journal of Integrated Engineering (IJIE) dan Journal of Science and Technology (JSCET) untuk disenaraikan dalam Indeks Scopus. Sejumlah empat produk berjaya dikomersilkan dengan kerjasama syarikat dan industri tempatan. Produk tersebut adalah Fuel Gain Kit, Diabe Tea, Tooth Brush Simulator dan Praktikal Haji Mudah Alih (PAHAM).

Penglibatan para pelajar dalam persatuan profesional semasa pengajian adalah sangat signifikan dalam usaha memupuk nilai profesionalisme selain memberikan pendedahan terhadap cabaran sebenar di luar sana. Selain itu, pelbagai penglibatan aktif dalam aktiviti profesional berkaitan bukan sahaja membantu menajamkan kemahiran akademik para pelajar malah pastinya kemahiran insaniah (KI) para pelajar. Kejayaan dua pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE)

Universiti ini mengungguli pertandingan Young Professional Poster Competition anjuran Institute of Electrical and Electronics Engineer membuktikan kejayaan hasil pelaksanaan program pembangunan akademik, kemahiran insaniah dan pementapan sahsiah pelajar yang bersifat holistik. Seorang pelajar UTHM turut menerima anugerah 'Best Thesis Award 2016' dari Concrete Society Malaysia (CSM) dengan tajuk tesis 'Comprehensive and Tensile Strength of Concrete Containing Waste Rubber Particle As A Filler in Foam Concrete', manakala seorang graduan program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pembinaan) UTHM menerima anugerah Queen Elizabeth 2 dari The Chartered Institute of Building (CIOB), United Kingdom.

Atlit UTHM Nurul Hamira Yusma Yusri telah berjaya menyarung jersi skuad kebangsaan bola sepak wanita ke Kejuaraan AFF yang berlangsung pada 26 Julai hingga 4 Ogos lalu di Mandalay, Myanmar. Kejayaan Nurul Hamira mewakili skuad wanita senior kebangsaan telah mencapai sasaran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk melahirkan 30% atlit negara adalah dari atlit universiti yang digelar 'The Thinking Athlete'. Pasukan Mendayung UTHM pula merangkul Johan Keseluruhan dengan membawa pulang empat pingat emas, empat pingat perak dan dua gangsa dalam kejohanan UTeM Indoor Rowing Championship anjuran Universiti Teknikal Malaysia (UTeM) yang berlangsung pada bulan Mei 2016. Pingat Emas diraih oleh Mohd Zulfadli Bin Rozali (Men Open 2000m), Muhamed Ridhwan Yaacob (Men Open 1000m), Syed Muhammad Iskandar Putra Syed Abdul Fattah Sallahudin (Men Open 500m) serta Pasukan Men Relay 2000m – UTHM A. Manakala pingat Perak pula diraih oleh Ahmad Fuad Mat Yusoff (Men Open 500m), Syarifah Che Mahadi (Women Open 2000m), Fatin Syahirah Muhamed Yatim (Women Open 500m) dan Pasukan Men Relay 2000m – UTHM C. Dua pingat Gangsa pula dibawa pulang oleh Sarimatul Aziera Mohd Azmi (Women Open 500m) dan Pasukan Women Relay 2000m – UTHM A.

UTHM melalui Pejabat Hubungan Industri dan Masyarakat giat menjalin kerjasama yang padu dengan pihak Industri, Agensi Kerajaan dan Swasta serta masyarakat sekitar. Penganjuran program berbentuk keusahawanan yang dijalankan bersama dengan pelbagai agensi bukan sahaja dapat meningkatkan ilmu pengetahuan serta kemahiran kepada para peserta bahkan dapat menjana pendapatan kepada para peserta terbabit. Aktiviti seperti Friday Night Fever Mobile Fietsa Carboot Sale, Program Homestay Daerah Kluang, Program NBOS " My Best Buy", Program Pembangunan Ekonomi Komuniti Muar memperlihatkan

keberkesanan dan pencapaian objektif penganjurannya.



Dalam usaha menangani masalah penempatan mangsa banjir di Kuala Lipis, Pahang, UTHM berjaya membina dua unit Rumah Komuniti di kawasan berkenaan. Satu unit telah diserahkan kepada seorang penduduk golongan asnaf dan satu unit lagi diserahkan kepada penduduk Kampung Aur Gading, Kuala Lipis untuk dijadikan Rumah Komuniti yang akan digunakan sebagai pusat menjalankan aktiviti bagi penempatan mangsa banjir di kawasan berkenaan. UTHM juga telah membangunkan Aplikasi Internet of Things (IoT) Fertgasi Cili bagi Program Duta Jauhar 3.0 bagi Projek Mentransformasi Ekonomi Belia – Tanaman Cili Fertigasi di Parit Surau Darat, Parit Raja, Batu Pahat. Sistem pemantauan masa nyata yang dibangunkan menerusi aplikasi IoT ini membolehkan beberapa parameter penting seperti suhu persekitaran, kelembapan udara dan tanah, kawalan injap paip dipantau dan dioperasikan secara atas talian. Projek yang menggunakan pendekatan National Blue Ocean Strategy (NBOS) turut mendapat kerjasama dari Kerajaan Negeri Johor dan Yayasan Pelajaran Johor (YPJ). Sepanjang tahun 2016, sejumlah 58 Memorandum Persefahaman dan 13 Memorandum Perjanjian telah ditandatangani oleh UTM dengan pelbagai agensi dalam dan luar Negara. Kerjasama yang dijalankan ini akan memberi impak positif terhadap pembangunan program akademik, penyelidikan dan pembangunan teknologi dan juga penerbitan yang seharusnya dapat meningkatkan lagi reputasi dan jenama UTHM.

Kejayaan dan pencapaian yang dikecapi oleh UTHM merupakan hasil usaha bersama seluruh warga UTHM yang dipacu oleh Team Pengurusan UTHM yang dipimpin oleh mantan Naib Canselor yang berdedikasi. Sesungguhnya, khidmat bakti beliau dan pengorbanan beliau amat besar buat UTHM.



UTHM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada mantan Naib Canselor UTHM iaitu Prof. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin yang telah mentadbir dan mengurus UTHM selama lapan tahun ke arah kecemerlangan. Sepanjang tempoh perkhidmatannya, beliau telah melakar pelbagai kejayaan antaranya berjaya menaikkan rating dan ranking universiti di peringkat institut pengajian tinggi (IPT) Malaysia dan juga antarabangsa. Beliau juga telah melakukan beberapa transformasi dalam pentadbiran dan pembangunan universiti serta perkhidmatan staf sekali gus menjadikan universiti ini makin disegani

dalam kalangan IPT dan juga masyarakat. Beliau juga merupakan peneraju kepada cadangan pembukaan Kampus Pagoh di bawah pembangunan jangka panjang Hab Pendidikan Pagoh. Justeru, diatas pelan transformasi yang telah diterjemahkan oleh beliau, maka wajarlah beliau digelar 'Bapa Transformasi UTHM'.

Justeru, kejayaan yang ada ini haruslah dipertingkatkan lagi, banyak lagi yang perlu dilakukan demi memastikan UTHM menjadi sebuah 'Premier Technical University' dan menjadi pilihan utama dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi.

Highlights UTHM

Pengiktirafan



Pencapaian & Penghargaan

1. PENGHARGAAN

DARI MUSEUM OF NATURE AND HUMAN ACTIVITIES, HYOGO, JAPAN

2. ANUGERAH

QUEEN ELIZABETH 2 DARI THE CHARTERED INSTITUTE OF BUILDING, UK

3. BEST THESIS AWARD 2016

DARI CONCRETE SOCIETY MALAYSIA

4. YOUNG PROFESSIONAL POSTER COMPETITION

JOHAN & NAIB JOHAN
ANJURAN INSTITUTE OF ELECTRICAL AND ELECTRONICS ENGINEER


5. KONVENSYEN

2 EMAS
TEAM EXCELLENCE
WILAYAH SELATAN

2 EMAS
KIK UA

1 EMAS
INTERNATIONAL
CONVENTION ON
QUALITY CONTROL
CIRCLES

Fakta & Angka



Petunjuk Prestasi Utama

Petunjuk Prestasi dan Pencapaian UTHM Bagi Tahun 2016

BIL.	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) MENTERI PENDIDIKAN TINGGI	SASARAN	PENCAPAIAN
1.	Peratus graduan yang berstatus bekerja semasa konvokesyen	85%	91.4%
2.	Nisbah penerbitan oleh universiti dalam jurnal berindeks dan prosiding (Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia)	1.3	1.3
3.	Nisbah sitasi kumulatif oleh universiti (Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia)	8.0	11.3
4.	Peratus penjanaan pendapatan daripada jumlah perbelanjaan mengurus UA (Universiti Bukan Penyelidikan)	15.0%	18.8%
5.1	Kadar keciciran pelajar berdasarkan peringkat pengajian di Universiti Awam:		
	(i) Sarjana Muda	2.0%	0.5%
	(ii) Sarjana	18.0%	11.9%
	(iii) PhD	19.0%	32.3%
5.2.	Peratus pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan (iGOT)		
	(i) Sarjana Muda	85%	93.0%
	(ii) Sarjana	63.0%	58.9%
	(iii) PhD	28.0%	28.4%
6.	Peratus enrolmen pelajar dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal & Vokasional (TVET) di IPTA	100.0%	100.0%
7.	Kedudukan Universiti Awam di bawah penarafan QS Global Ranking.		
	(i) Pada kedudukan 50 teratas di QS Global Ranking.	-	-
	(ii) Pada kedudukan 200 teratas di QS Global Ranking.	-	-
8.	EPP# 12: Menjuarai Sebagai Jenama Pendidikan Malaysia di Peringkat Antarabangsa		
	(i) Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa	630	672
	(ii) Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa pasca -siswazah	440	472

Jadual 1: Petunjuk Prestasi dan Pencapaian UTHM 2016.

Tadbir Urus Universiti

TADBIR URUS UNIVERSITI

Profesor Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin Tamat Perkhidmatan Sebagai Naib Canselor



Profesor Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin tamat tempoh perkhidmatan pada 15 Oktober 2016 lalu setelah lapan tahun menerajui Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sebagai Naib Canselor. Sepanjang tempoh perkhidmatannya, pemegang Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari Imperial College London ini telah melakar pelbagai kejayaan antaranya berjaya menaikkan rating dan ranking universiti di peringkat institut pengajian tinggi (IPT) Malaysia dan juga antarabangsa. Beliau juga telah melakukan beberapa transformasi dalam pentadbiran dan pembangunan universiti serta perkhidmatan staf sekali gus menjadikan universiti ini makin disegani dalam kalangan IPT dan juga masyarakat. Bapa transformasi ini juga merupakan peneraju kepada cadangan

pembukaan Kampus Pagoh di bawah pembangunan jangka panjang Hab Pendidikan Pagoh.

Semasa menjawat jawatan Naib Canselor UTHM, anak jati kelahiran Batu Pahat, Johor ini juga pernah dilantik sebagai Pengerusi Jaringan Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dan Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM). Atas kepercayaan yang diberikan, beliau juga turut dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor (JKNCR) bagi Universiti Awam pada tahun ini sebelum menamatkan perkhidmatannya. Mohd Noh juga merupakan satu-satunya Naib Canselor yang pernah mentadbir dua universiti iaitu Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan UTHM.

Perlantikan Datuk Mat Noor Nawi Sebagai Ahli Lembaga Pengarah UTHM



Pengerusi Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) Datuk Mat Noor Nawi telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UTHM berkuatkuasa pada 1 Mei 2016. Pelantikan untuk tempoh tiga tahun ini dibuat oleh Menteri Pendidikan Tinggi Yang Berhormat Dato' Seri Idris Jusoh dan beliau akan mewakili sektor swasta di dalam Lembaga Pengarah Universiti. Datuk Mat Noor berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (Ekonomi Sumber) dari Universiti Putra Malaysia

pada tahun 1981 dan Ijazah Sarjana Sains (Dasar Ekonomi) dari University of Illinois Urbana-Champaign, Amerika Syarikat pada tahun 1991.

Memulakan kerjayanya dalam perkhidmatan awam Kerajaan sejak 1981, Datuk Mat Noor pernah berkhidmat di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dari tahun 1983 hingga 2011 sebelum bertukar ke Kementerian Kewangan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Sistem dan Kawalan) pada 19 Oktober 2011. Selain itu, beliau juga memegang jawatan sebagai Pengarah di beberapa institusi seperti Pengurusan Aset Air Berhad, Bintulu Port Holdings Berhad, Samalaju Industrial Port Sdn. Bhd., PRIMA Berhad, Pelaburan Hartanah Berhad, Kumpulan Wang Amanah Negara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Suruhanjaya Sekuriti, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia, Teraju Bumiputera Corporation, GovCo Holdings Berhad, Turus Pesawat Sdn. Bhd. dan Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Inovasi Malaysia.

Perlantikan Dato' Nooh Gadot Sebagai Ahli Lembaga Pengarah UTHM



Penasihat Majlis Agama Islam Johor, Yang Berhormat Dato' Haji Nooh bin Gadot telah dilantik secara rasmi sebagai Ahli Lembaga Pengarah (LPU) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berkuatkuasa 1 Oktober 2016 hingga 30 September 2019. Pelantikan Dato' Haji Nooh sebagai wakil masyarakat ini adalah bagi menggantikan Mejar Jeneral (B) Dato' Md.

Ismail Ahmad Khan yang telah tamat tempoh perkhidmatan pada 31 Disember 2015 lalu.

Dato' Haji Nooh, 70 merupakan graduan bidang syariah dan undang-undang dari Universiti Al-Azhar, Mesir. Beliau adalah seorang tokoh yang berjaya melaksanakan transformasi dalam mengislamisasikan bidang kerjaya dan pembangunan insan khususnya kepada masyarakat melayu Islam. Sumbangan ilmu dan buah fikiran beliau amat dihargai sehingga dilantik sebagai ahli Jumaah Majlis Diraja Johor dan Majlis Agama Islam Johor. Tokoh agama tersohor di Malaysia ini mempunyai pengalaman luas dalam amalan Islam dan Fiqh, metologi perundangan, hadis dan sains kerohanian setelah menjawat beberapa jawatan sebelum ini seperti Mufti Johor, Ketua Penolong Pengarah; Jabatan Pentadbiran Undang-undang Syariah, Pemangku Kadi, Peguam Syarie dan Pegawai Hal Ehwal Jabatan Agama di Jabatan Perdana Menteri.

Perlantikan Prof. Dr. Ruzairi Abdul Rahim Sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)



Profesor Dr. Ruzairi Abdul Rahim telah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berkuatkuasa mulai 1 Disember 2016. Pelantikan yang dibuat

oleh Menteri Pendidikan Tinggi itu adalah untuk tempoh tiga tahun iaitu sehingga 30 November 2019. Pelantikan Profesor Dr. Ruzairi Abdul Rahim adalah bagi mengisi jawatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTHM yang sebelum ini disandang oleh Profesor Dr. Hashim Saim yang telah tamat tempoh lantikannya.

Anak kelahiran Sungai Petani, Kedah ini merupakan seorang Profesor dalam bidang Kejuruteraan Instrumentasi Elektronik dan sebelum ini bertugas di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai sebagai Pengarah di Research Management Centre (RMC). Lulusan PhD. dari Sheffield Hallam University, United Kingdom ini mempunyai kepakaran dalam bidang Process Tomography & Sensor Technology sehingga pernah dinobatkan sebagai Top Research Scientist Malaysia 2013 oleh Academic Science Malaysia.

Penubuhan dua Entiti Akademik Baharu

Institut Transformasi Sosial dan Pembangunan Wilayah (TRANSFORM) ditubuhkan bertujuan untuk menjalankan aktiviti penyelidikan, perundingan dan penerbitan dalam bidang transformasi sosial dan pembangunan wilayah dan bagi menjana pendapatan untuk universiti melalui penyelidikan kontrak, perundingan dan program latihan. Pusat ini juga adalah untuk mewujudkan jaringan kepakaran dalam bidang transformasi sosial dan pembangunan wilayah di peringkat nasional dan global di samping menawarkan program pasca siswazah dan latihan. Penubuhan TRANSFORM juga akan terlibat dalam penawaran program dan kursus, penyelidikan, perundingan dan penerbitan. Program pengajian di peringkat Pasca Ijazah yang akan ditawarkan dengan kerjasama Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan adalah Doktor Falsafah Sains Secara Penyelidikan dan Sarjana Sains Secara Penyelidikan.

Manakala Pusat Pengajian Bahasa UTHM atau Centre for Language Studies (CLS) pula ditubuhkan bagi memberi ruang kepada UTHM untuk mengendalikan program baharu untuk masa hadapan seperti program peringkat

Sarjana Muda, Sarjana, dan PhD dalam bidang pengajian bahasa dan linguistik. Program tersebut bakal melatih lebih ramai tenaga mahir dalam bidang bahasa bagi memenuhi keperluan industri. Pusat ini juga akan dapat menjalin kerjasama dan menyelaras program sedia ada di kampus Pagoh di samping merancang program untuk masa hadapan. Pusat ini amat berpotensi tinggi memandangkan kedudukannya yang strategik untuk mendapat klien bagi program Pengajian Bahasa. Objektif CLS adalah mempertingkatkan kebolehan berkomunikasi dalam bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan bahasa Antarabangsa dalam kalangan pelajar UTHM dan staf untuk tujuan akademik, profesional dan sosial di samping menjalankan kerja penyelidikan dan penerbitan dalam bidang pembangunan, pengajaran dan pembelajaran pengajian bahasa dan komunikasi.

Dengan penubuhan dua entiti baharu tersebut, UTHM melangkah setapak lagi ke hadapan dalam mempertingkatkan lagi bidang pengajaran, pembelajaran, penyelidikan serta penerbitan.

Pengurusan dan Pembangunan Modal Insan

PERJAWATAN

Keseluruhan staf UTHM pada tahun 2016 adalah seramai 2,232 orang. Daripada jumlah tersebut sejumlah 1,049 orang adalah staf akademik dan 1,183 orang adalah staf pentadbiran. Jadual 2


dan Jadual 3 menunjukkan pecahan perjawatan berdasarkan gred dan kumpulan jawatan untuk tahun 2016.

Jadual 2: Pecahan Perjawatan Staf Akademik Mengikut Gred Jawatan

KUMPULAN JAWATAN	BILANGAN
Pengurusan Tertinggi	3
Profesor (VK5)	1
Profesor (VK6)	4
Profesor (VK7)	27
Felo Industri Kanan (DS53)	3
Profesor Madya (DS53)	19
Profesor Madya (DS54)	118
Pensyarah Kanan (DS52)	183
Pensyarah (DS51)	214
Felo Industri (DS51)	1
Pensyarah (DS45)	240
Guru Bahasa (DG48)	2
Guru Bahasa (DG44)	5
Guru Bahasa (DG41)	30
Tutor (DA41)	100
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (DG48)	1
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (DG32)	2
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (DG38)	1
Pegawai Latihan Vokasional (DV48)	2
Pegawai Latihan Vokasional (DV44)	36
Pegawai Latihan Vokasional (DV43)	3
Pengajar (DV41)	44
Penolong Pegawai Latihan Vokasional (DV29)	10
JUMLAH	1,049


Jadual 3: Pecahan Perjawatan Staf Pentadbiran Mengikut Kumpulan Jawatan

KUMPULAN JAWATAN	BILANGAN
Kumpulan Pengurusan & Profesional	162
Kumpulan Pelaksana	1021
JUMLAH KESELURUHAN	1,183

Rajah 1: Pecahan Perjawatan Staf Pentadbiran Mengikut Kumpulan Jawatan**STAF TAMAT PERKHIDMATAN**

Secara keseluruhan seramai 54 orang staf telah menamatkan perkhidmatan di UTHM bagi tahun 2016. Ini termasuklah 4 orang staf yang telah meninggal dunia dan seramai 6 orang staf telah bersara dengan 4 orang bersara wajib dan 2

orang bersara pilihan. Lain-lainnya ialah staf yang telah tamat tempoh kontrak, ditamatkan perkhidmatan dan telah meletak jawatan. Pecahan mengikut kategori jawatan adalah seperti berikut:

Rajah 2: Pecahan Staf Tamat Perkhidmatan

KENAIKAN PANGKAT

Pada tahun 2016, seramai 141 orang staf berdasarkan kumpulan jawatan adalah seperti daripada pelbagai gred jawatan telah di Jadual 4 dan Jadual 5. memperolehi kenaikan pangkat. Pecahan


Jadual 4: Kenaikan Pangkat Staf Akademik Tahun 2016


KUMPULAN JAWATAN	BILANGAN
Profesor VK5	1
Profesor VK6	2
Profesor VK7	4
Profesor Madya DS54	31
Pensyarah Kanan DS52	43
Pegawai Latihan Vokasional DV48	1
Pegawai Latihan Vokasional DV44	4
Guru Bahasa DG44	1
JUMLAH KESELURUHAN	87

Jadual 5: Kenaikan Pangkat Staf Pentadbiran Tahun 2016

KUMPULAN JAWATAN	BILANGAN
Kumpulan Pengurusan & Profesional	22
Kumpulan Pelaksana	32
JUMLAH KESELURUHAN	141

Rajah 3: Pecahan Kenaikan Pangkat Staf Pentadbiran Tahun 2016




Rajah 4: Pecahan Kenaikan Pangkat Staf Akademik Tahun 2016**CUTI BELAJAR**

Keseluruhan staf sedang cuti belajar sehingga 31 Disember 2016 adalah seramai 176 orang. Daripada jumlah tersebut sejumlah 140 orang adalah staf akademik, 7 orang adalah staf pentadbiran dan 29 orang adalah di bawah

Skim Tenaga Akademik Baru (STAB). Jadual 6 dan rajah 5 menunjukkan pecahan staf sedang cuti belajar berdasarkan gred jawatan dan peringkat pengajian:-

Jadual 6: Pecahan Staf Sedang Cuti Belajar mengikut Gred Jawatan

KUMPULAN JAWATAN	BILANGAN
Akademik	
Profesor Madya	3
Pensyarah Kanan	6
Pensyarah	33
Pengajar Kanan	8
Pengajar	3
Guru Bahasa	3
Tutor	84
Jumlah	140
Bukan Akademik	
Pengurusan & Profesional	5
Sokongan	2
Jumlah	7
Skim Tenaga Akademik Baru (STAB)	
STAB	29
JUMLAH KESELURUHAN	176

Rajah 5: Pecahan Staf Sedang Cuti Belajar mengikut Peringkat Pengajian

Sepanjang tahun 2016, seramai 30 orang telah diluluskan cuti belajar / melanjutkan pengajian seperti di Jadual 7:-

Jadual 7: Kelulusan Cuti Belajar 2016

BIL.	NAMA	JAWATAN	PERINGKAT	UNIVERSITI PENGAJIAN
1	Dr. Elmy Johana Binti Mohamad	Pensyarah Kanan	Post Doktoral	Agensi Nuklear Malaysia, Bangi
2	Dr. Noor Zahrinah Binti Mohd Tadza	Pensyarah	Post Doktoral	University of Information Science & Technology, Macedonia
3	Pn. Zarina Binti Tukiran	Pensyarah	Ph.D	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
4	En. Mohamed Ismail Bin K.P.Hj Pakir Mohamed	Pensyarah	Ph.D	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
5	Pn. Haidaliza Binti Masram	Pensyarah	Ph.D	Universiti Teknologi Malaysia
6	Pn. Nor Kamariah Binti Kamaruddin	Pensyarah	Ph.D	Universiti Teknologi Malaysia
7	Pn. Tasiransurini Binti Ab Rahman	Pensyarah	Ph.D	Universiti Malaysia Pahang
8	En. Ikram Syah Bin Mokhtar	Penolong Pendaftar Kanan	Ph.D	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
9	En. Shukur Bin Saleh	Jurutera	Sarjana	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
10	En. Nasarudin Bin Ismail	Pegawai Teknologi Maklumat Kanan	Ph.D	Universiti Teknologi Malaysia
11	En. Fashli Syafiq Bin Abd. Razak	STAB	Sarjana	Athlone Institute Of Technology, Ireland
12	Cik Nur Syabila Binti Zabidi	STAB	Sarjana	Universiti Putra Malaysia
13	Cik Hanis Salwan Binti Mobidin	STAB	Ph.D	Universiti Kebangsaan Malaysia
14	Pn. Masrianis Binti Ahmad	STAB	Ph.D	Universiti Kebangsaan Malaysia
15	Cik Nur Yuhannis Binti Ismon	STAB	Ph.D	Universiti Islam Antarabangsa
16	Pn. Mazidah Binti Mat Rejab	STAB	Ph.D	Universiti Teknologi Malaysia

BIL.	NAMA	JAWATAN	PERINGKAT	UNIVERSITI PENGAJIAN
17	Pn. Zainab Binti Zainal	STAB	Ph.D	Universiti Sains Malaysia
18	En. Azmal Bin Sabil	STAB	Ph.D	Universiti Putra Malaysia
19	Pn. Rosmamalmi Binti Mat Nawi	STAB	Ph.D	Universiti Kebangsaan Malaysia
20	Encik Syarizul Amri Bin Mohd Dzulkipli	STAB	Ph.D	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
21	Cik Zuraida Binti Ibrahim	STAB	Ph.D	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
22	Cik Nur Arzwin Binti Mohamed Aris	STAB	Ph.D	Universiti Teknologi Malaysia
23	Pn. Azuwien Aida Binti Bohari	STAB	Ph.D	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
24	Cik Siti Hajar Binti Arbain	STAB	Ph.D	Universiti Teknologi Malaysia, Skudai
25	Pn. Aswani Binti Ibrahim	STAB	Ph.D	Universiti Teknologi Malaysia
26	Cik Adrianne Farzanah Binti Mohd Sarofil	STAB	Ph.D	Universiti Putra Malaysia
27	Cik Suhailah Abdul Ghafar Rahman	STAB	Ph.D	Universiti Putra Malaysia
28	Pn. Rabatul Aduni Binti Sulaiman	STAB	Ph.D	Universiti Teknologi Malaysia, Skudai
29	En. Muhammad Faiz Bin Ramli	STAB	Ph.D	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
30	Cik Nur Ziadah Binti Harun	STAB	Ph.D	Universiti Putra Malaysia, Serdang

Lapor Diri Cuti Belajar

Sehingga 31 Disember 2016 seramai 61 orang staf melapor diri terdiri daripada cuti belajar, cuti sangkutan Industri dan cuti sabatikal. Jadual 8

menunjukkan pecahan staf telah melapor diri mengikut keputusan semasa pengajian:-

Jadual 8: Pecahan Staf Sedang Telah Melapor Diri Mengikut Keputusan Pengajian

Fakulti	Lulus	Tunggu Keputusan Rasmi	Belum Selesai	Gagal	Jumlah
FKAAS	4	0	10	0	14
FKEE	14	0	3	0	17
FKMP	6	0	7	0	13
FPTV	2	0	1	0	3
FPTP	1	0	0	1	2
FSKTM	0	1	4	0	5
FSTPi	2	0	1	0	3
FTK	0	0	1	0	1
PPB	1	1	1	0	3
PPUK	0	0	0	0	0
Jumlah Keseluruhan	30	2	28	1	61

Pencapaian Peratus Pensyarah Yang Memiliki Phd

Peratus pensyarah berkelayakan PhD sehingga 21 Disember 2016 adalah sebanyak 67.69%

iaitu 551 orang pensyarah daripada 814 orang keseluruhan pensyarah.

551 PhD (67.69%)


CUTI SANGKUTAN INDUSTRI DAN SABATIKAL

Keseluruhan staf yang mengikuti cuti sangkutan industri pada tahun 2016 adalah seramai 4 orang

dan staf yang mengikuti cuti sabatikal adalah seorang. Jadual 6 menunjukkan pecahan staf:-

Jadual 9: Sangkutan Industri dan Cuti Sabatikal

JENIS	NAMA	FAKULTI
Cuti Sangkutan Industri	1) Prof. Madya Dr. Md Saidin Bin Wahab	FKMP
	2) Dr. Shahrul Niza Bin Mokhtar	FKAAS
	3) Dr. Sri Yulis Binti M Amin	FKMP
Cuti Sabatikal	1) Prof. Madya Dr. Rozaini Bin Roslan	FSTPi



Jadual 6: Staf yang mengikuti cuti sangkutan industri dan sabatikal

Kerjasama di antara UTHM dan Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi tujuan Cuti Sangkutan Industri

Program kerjasama di antara UTHM dan JKR telah diluluskan oleh Jawatankuasa Eksekutif pada 15 September 2016. Hasrat utama program ini adalah bagi memenuhi keperluan dan syarat Professional Engineer (P.E).

Mekanikal dan Elektrik yang akan ditempatkan di JKR mengikut bidang masing-masing selama 12 bulan.

Dengan kelulusan tersebut, pihak UTHM akan menghantar seramai 11 orang staf akademik daripada bidang Kejuruteraan Awam,

Staf akan diberi pendedahan di dalam skop reka bentuk, pengurusan projek dan bidang lain yang berkaitan bagi mendapatkan kelayakan Professional Engineer (P.E) dari Board of Engineers Malaysia (BEM).




PERSARAAN


Staf Tamat Perkhidmatan

Secara keseluruhan seramai 54 orang staf telah menamatkan perkhidmatan di UTHM bagi tahun 2016. Ini termasuklah 4 orang staf yang telah meninggal dunia dan seramai 6 orang staf telah bersara dengan 4 orang bersara wajib dan 2

orang bersara pilihan. Lain-lainnya ialah staf yang telah tamat tempoh kontrak dan telah berhenti daripada perkhidmatan. Pecahan mengikut kategori jawatan adalah seperti berikut:



Rajah 7: Pecahan Staf Akademik Tamat Perkhidmatan



Rajah 8: Pecahan Staf Pentadbiran Tamat Perkhidmatan

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN ANUGERAH JASA BAKTI

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015 telah berlangsung pada 5 Mei 2016. Seramai 160 orang staf pelbagai skim perkhidmatan telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015. Majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara selaku Pro-Canselor UTHM. YBhg. Tan Sri turut menyampaikan ucapan bagi Program CEO@Faculty. Di dalam majlis tersebut turut diraikan

ialah staf yang telah berkhidmat genap 10 tahun dan 20 tahun masing-masing melalui Anugerah Jasa Bakti dan Anugerah Taat Setia. Turut menerima anugerah ialah staf-staf yang dipilih melalui Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) iaitu seramai 13 orang yang menerima Anugerah Khas PPSM. Majlis juga turut meraikan 14 orang pesara UTHM yang telah bersara pada tahun 2015.



YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara sedang menyampaikan ucapan di Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015.

PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN STAF

Pada tahun 2016, UTHM telah menjalankan Peperiksaan Perkhidmatan Staf kepada semua staf baharu yang melapor diri bagi lantikan tetap dan masih dalam tempoh percubaan. Seramai 23 orang staf yang terdiri daripada pelbagai gred


jawatan telah menduduki peperiksaan tersebut. Perincian calon yang menduduki peperiksaan tersebut dan keputusan peperiksaan adalah seperti di Jadual 10 di bawah.

Jadual 10: Perincian Peperiksaan perkhidmatan Staf 2016

BIL	NAMA JAWATAN	BIL. STAF	GRED
1	Pen. Peg. Senireka , Pen. Artis Budaya	1	B27
2	Pengajar	1	J41
3	Pen. Pendaftar	2	N41
4	Pegawai Psikologi	1	S41
5	Pen. Jurutera , Pen. Peg. Senireka , Pen. Juruukur Bahan	5	JA29
6	Pen. Peg. Tadbir	1	N27
7	Pen. Peg. Keselamatan	1	KP27
8	PTPO	7	N17
9	Pembantu Makmal	1	C17
10	Pengawal Keselamatan	3	KP11
Jumlah		23	

Jadual 11: Keputusan Peperiksaan Perkhidmatan Staf 2016

KESELURUHAN KEPUTUSAN CALON		
STATUS	BIL. CALON	PERATUSAN (%)
Lulus	19	83
Kandas	3	13
Tarik Diri	1	4
Jumlah Calon	23	100

**Rajah 9:** Pecahan Keputusan Peperiksaan Perkhidmatan Staf 2016

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pejabat Pendaftar komited dalam menyediakan latihan-latihan yang membawa kepada kemajuan diri, menepati aspirasi dan hala tuju Universiti untuk mewujudkan staf yang profesional, berdaya saing dan berinovasi yang menyumbang kepada kecemerlangan Universiti. Latihan-latihan yang dianjurkan oleh Pejabat Pendaftar adalah bersifat menyeluruh dan bersesuaian dengan keperluan staf dan jawatan. Keperluan latihan-latihan staf dikenalpasti melalui konsep "Training Need Analysis" iaitu senarai latihan-latihan yang dimajukan oleh setiap Pusat Tanggungjawab serta "Training Road Map" iaitu

senarai keperluan latihan mengikut skim jawatan. Pada tahun 2016 Pejabat Pendaftar telah menganjurkan sebanyak 44 kursus yang meliputi beberapa kluster program iaitu:

1. Program Kepimpinan dan Pembangunan Eksekutif
2. Program Pembangunan Diri dan Modal Insan
3. Program Teknikal dan Teknologi Maklumat
4. Program Gaya Hidup Sihat dan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dan
5. Kursus Asas Staf Baharu dan Wajib Perkhidmatan

Jadual 12: Program Kepimpinan dan Pembangunan Eksekutif

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH	KEHADIRAN
1.	Kursus Kesedaran Akta Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) untuk Ketua Jabatan	16 - 17 Februari 2016	41
2.	Kursus Pengurusan Perubahan	29 - 30 Mac 2016	37
3.	Kursus Kemahiran Membuat Keputusan	17 - 18 April 2016	39
4.	Transformasi Sektor Kerajaan: Menerobos Strategi Korporat ke Arah Menjana Pendapatan Tinggi	25 - 29 April 2016	5
5.	Kursus Pemikiran Strategik	17 - 18 Julai 2016	29
6.	Program Neuro Linguistic Programming (NLP) Asas Coaching Tahap 1	24 - 26 Ogos 2016	25
7.	Kursus Pengurusan dan Perancangan Strategik	28 - 29 Ogos 2016	35
8.	Kursus Train of Trainer	18 - 19 Oktober 2016	20

Jadual 13: Program Pembangunan Diri Dan Modal Insan

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH	KEHADIRAN
1.	Kursus Perisai untuk Wanita	25 Mei 2016	126
2.	Pengurusan Acara dan Majlis Berprestij	27 - 28 Mac 2016	11
3.	Kursus Pengurusan Stress di Tempat Kerja	16 - 18 Mac 2016	37
4.	Kursus Perkhidmatan Kaunter Berkesan	10 - 11 April 2016	31
5.	Kursus Budaya Kerja Cemerlang: Bengkel Pemantapan Kejaya	12 - 13 April 2016	27
6.	Kursus Pemantapan Daulatkan Islam Agama Negara	29 - 30 Mei 2016	68
7.	Kursus Pegawai Pengiring Konvokesyen	15 - 17 Jun 2016	46
8.	Kursus Perkhidmatan Kaunter Berkesan	27 September 2016	23
9.	Kursus Penakrafan Jurnal Ke Pangkalan Data Scopus	23 - 24 Oktober 2016	17
10.	Kursus Penulisan Tesis	25 - 26 Oktober 2016	24
11.	Kursus Agensi Kaunseling Pengurusan Kredit	16 - 17 Mei 2016	55
12.	Seminar Menjejak Pintu Ar Rayyan "Meneroka Hikmah Ramadan Dalam Kerja Sehari-hari" Tahun 2016	31 Mei 2016	70
13.	Kursus Penulisan Berita/Buletin	7 Jun 2016	17
14.	Seminar Isu Semasa Bersama SPRM dan SKMM	19 - 20 Julai 2016	193
15.	Kursus Pemanduan Berhemah	14 April 2016	14
16.	Kursus Pengurusan Masa yang Terbaik	22 - 23 Ogos 2016	28
17.	Kursus Budaya Kerja Cemerlang: Transformasi Kecemerlangan Staf	19 - 20 September 2016	28
18.	Program Rezeki Barakah Keluarga Mahabah	31 Oktober - 1 November 2016	40
19.	Kursus Kefahaman Akta Pemberi Maklumat	15 November 2016	33
20.	Konvensyen Mini KIK	20 - 21 Mac 2016	224

Jadual 14: Program Teknikal dan Teknologi Maklumat

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH	KEHADIRAN
1.	Kursus Adobe Photoshop	20 - 21 Mac 2016	19
2.	Kursus Adobe Illustrator	10 - 11 April 2016	34
3.	Autocad Basic	31 Mei - 1 Jun 2016	18
4.	Konvensyen Pentadbir (ICT) 2016 (KPICT 2016)	26 – 28 Julai 2016	90
5.	Kursus Pengaturcaraan Powerbuilder	26 - 27 September 2016	13
6.	Kursus Pengaturcaraan Codeigniter	19 - 20 September 2016	18
7.	Kursus Oracle SQL	3 - 4 Oktober 2016	18

Jadual 15: Program Gaya Hidup Sihat dan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH	KEHADIRAN
1.	Kursus Inspirasi Sihat - Gaya Hidup Sihat	21 - 22 Februari 2016	67
2.	Kursus Asas Pertolongan Cemas	9 - 10 Ogos 2016	30
3.	Kursus Pengurusan Makmal Efektif	5 - 7 September 2016	15

Jadual 16: Program Asas Staf Baru dan Wajib Perkhidmatan

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH	KEHADIRAN
1.	Program Transformasi Minda	14 - 18 Februari 2016	48
2.	Kursus Asas Perkhidmatan Staf	20 - 21 Mac 2016	27
3.	Kursus Kewangan Universiti	17 - 18 Mei 2016	33
4.	Kursus Asas Aplikasi ICT	19 - 20 Julai 2016	28
5.	Kursus Metodologi Penyelidikan	14 - 17 Ogos 2016	14
6.	Kursus MS ISO dan 5S	28 - 29 Ogos 2016	32
7.	Kursus MPK & FM	14 - 15 November 2016	18
8.	Program Transformasi Minda	13 - 17 November 2016	47

Jadual 17: Kursus-kursus Komersial Anjuran Pejabat Pendaftar 2016

Bil	Nama Kursus	Tarikh	Tempat
1.	Kursus Pengurusan Majlis Dan Acara Berprestij	16 Hingga 18 Mac 2016	HIG HOTEL LANGKAWI
2.	Kursus Transformasi Sektor Kerajaan : Menerobos Strategi Korporat Ke Arah Menjana Pendapatan Tinggi	25 Hingga 29 April 2016	BANDUNG INDONESIA
3.	Senarai Peserta Luar Kursus Pengurusan Makmal Efektif Dan Efisien	5-7 September 2016	THE REGENCY SCHOLARS INN UTM KUALA LUMPUR
4.	Konvensyen Pentadbir Ict	26-28 Julai 2016	M Suites Hotel Johor Darul Ta'zim

Kursus-kursus yang dianjurkan oleh Pejabat Pendaftar turut disertai oleh peserta dari universiti-universiti awam yang lain. Kursus-kursus komersial

ini telah dilaksanakan dengan jayanya dan telah menjana pendapatan Universiti sebanyak RM 181,600.00

AKTIVITI KUMPULAN INOVASI DAN KREATIF

- i) Nama Aktiviti : Mini Konvensyen KIK UTHM 2016
 Tarikh : 25 Mei 2016
 Masa : 8.00 Pagi - Selesai
 Tempat : Dewan 3, UTHM
 Peserta : i) Q-PPD, Pusat Pengajian Diploma, UTHM
 ii) Renaissance, Pusat Kesihatan Universiti, UTHM
 iii) Mosfet, Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, UTHM
 iv) BOSS, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UTHM
- ii) Nama Aktiviti : Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (UA) Kali Ke-12
 Tarikh : 02 - 04 Ogos 2016
 Tempat : Kompleks Kuliah Pusat, Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
 Peserta i) : Q-PPD, Pusat Pengajian Diploma, UTHM
 Tajuk Projek : Sesi Perundingan Pengiraan GPA/CPA Mengambil Masa Yang Lama
 Peserta ii) : Renaissance, Pusat Kesihatan Universiti, UTHM
 Tajuk Projek : Pengambilan Darah Mengambil Masa Yang Lama
- iii) Nama Aktiviti : Konvensyen Team Excellence Wilayah Selatan 2016
 Tarikh : 15 - 16 Ogos 2016
 Tempat : KSL Resort Hotel, Johor Bahru
 Peserta i) : i) Mosfet, Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, UTHM
 Tajuk Projek : Permohonan Komponen Elektronik Secara Online
 Peserta ii) : BOSS, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UTHM
 Tajuk Projek : Kesukaran Penyediaan (RMH) dalam (PLM)
- iv) Nama Aktiviti : ICQCC 2016
 Tarikh : 23 - 26 Ogos 2016
 Tempat : The Centara Grand Plaza Ladprao Bangkok Hotel, Thailand
 Peserta : Q-PPD, Pusat Pengajian Diploma, UTHM
 Tajuk Projek : Prolonged GPA/CPA Calculation Process During Academic Consultation
- v) Nama Aktiviti : Konvensyen Team Excellence (ICC/QE) Kebangsaan 2016
 Tarikh : 25 - 27 Oktober 2016
 Tempat : Putrajaya International Convensyen Conference (PICC)
 Peserta : BOSS, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UTHM
 Tajuk Projek : Sesi Perundingan Pengiraan GPA/CPA Mengambil Masa Yang Lama

KEJAYAAN, PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN KUMPULAN KIK UTHM

Bil.	Keterangan Aktiviti	Nama Kumpulan	Pencapaian
1.	Mini Konvensyen KIK Tahun 2016 (Peringkat UTHM) Tarikh: 25 Mei 2016 Tempat: Dewan 3	1. RENAISSANCE 2. Q-PPD 3. MOSFET 4. BOSS	Johan (Kategori Teknikal) Johan (Kategori Pengurusan) Perak (Kategori Pengurusan) Perak (Kategori Pengurusan)
2.	Konvensyen KIK UA Kali Ke -12 Tahun 2016 Tarikh: 2 – 5 Ogos 2016 Tempat: Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	1. RENAISSANCE 2. Q-PPQ	Emas (Kategori Teknikal) Emas (Kategori Pengurusan)
3.	Konvensyen ICC 2016 Peringkat Zon Selatan Tarikh: 15 – 16 Ogos 2016 Tempat: KSL Resort Hotel, Johor Bahru	1. MOSFET 2. BOSS	Emas (Kategori Pengurusan)
4.	International Convention on Quality Control Circles (ICQCC) 2016, Tarikh: 23 - 26 Ogos 2016 Tempat: Bangkok, Thailand	Q-PPD	Emas
5.	Konvensyen ICC 2016 Peringkat Kebangsaan Tarikh: 25 -27 Oktober 2016 Tempat: PICC, Putrajaya	BOSS	Emas 3 Bintang

Tajuk Projek KIK (Mengikut Kumpulan):

- | | |
|----------------|---|
| 1. Q-PPD | - Sesi Perundingan Pengiraan GPA/CPA Mengambil Masa Yang Lama |
| 2. RENAISSANCE | - Pengambilan Darah Mengambil Masa Yang Lama |
| 3. MOSFET | - Permohonan Komponen Elektronik Secara Online |
| 4. BOSS | - Kesukaran Penyediaan Rancangan Mengajar Harian (RMH) dalam Program Latihan Mengajar (PLM) |



Kumpulan Renaissance



Kumpulan Q-PPD



Kumpulan BOSS



Kumpulan MOSFET

PERASMIAN PUSAT MINDA EMAS

Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Idris bin Jusoh telah mengumumkan nama baharu bagi Pusat Latihan dan Kegiatan Luar (PUSKEP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) semasa berucap di Majlis Perasmian pusat tersebut yang telah diadakan pada 25 Ogos 2016 yang lalu. Ketika berucap, beliau mengambil contoh semangat jaguh berbasikal negara Mohd. Azizulhasni Awang yang mempunyai minda emas dan hanya menasarkannya pingat emas sehingga akhirnya berjaya memperoleh pingat dan mengharumkan nama Malaysia di persada antarabangsa. Beliau menegaskan pencapaian yang dicapai bergantung kepada minda seseorang, jika emas yang difikirkan maka emaslah yang akan dicapai. Mengambil intipati dari kemenangan jaguh berbasikal negara, beliau seterusnya mengumumkan nama baharu bagi PUSKEP iaitu Pusat Minda Emas (PuMAS). Lokasi PuMAS ini juga terletak bersebelahan Lapangan Terbang Tanjong Laboh, iaitu sebuah lapangan terbang lama yang pernah digunakan semasa perang dunia kedua dahulu. Mengikut perancangan, UTHM akan menjadikan lapangan terbang ini dan kawasan sekitarnya

bagi kegunaan latihan dan pengajaran program Aeronautik yang pada ketika ini beroperasi di Kampus Parit Raja dan pusat-pusat latihan penerbangan yang dilantik.

Kemudahan yang disediakan di PuMAS adalah merangkumi sebuah Dewan Seminar (Bilik Seminar Rafflesia), dua bilik latihan (Bilik Latihan Allamanda 1 & 2), sebuah Dewan Makan, sebuah Surau, Blok Penginapan Lelaki (Blok Penginapan Lavender) dan Blok Penginapan Wanita (Blok Penginapan Jasmine), Blok Penginapan VIP & Jurulatih (Blok Penginapan Bougainvillea), fasiliti halangan "Outdoor Team Building" dan meredah hutan (Jungle Trekking).


PuMAS ini menjadi pusat latihan dan kegiatan luar yang kondusif dengan pelbagai kemudahan setaraf pusat latihan luar yang lain dan berupaya dijadikan pilihan utama kepada warga universiti yang ingin melaksanakan aktiviti Pusat Tanggungjawab dan pelajar masing-masing secara berpusat dan menjimatkan dari segi masa dan tenaga. Selain itu, PuMAS juga menjadi salah satu fasiliti Universiti yang dikongsi bersama masyarakat setempat.



Perasmian PuMAS



Bilik Latihan Allamanda



Penginapan Asrama



Dewan Makan



Bilik Seminar Rafflesia

Akademik dan Pengantarabangsaan

AKADEMIK DAN PENGANTARABANGSAAN

UTHM sebagai salah sebuah Universiti Teknikal di bawah Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) komited mendokong hasrat mengarusperdanakan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negara. UTHM dilihat mempunyai tiga bidang yang bersinergi dalam usaha melahir dan mentransformasikan graduan TVET yang berkualiti untuk memenuhi keperluan industry tanahair. Tiga bidang yang dimaksudkan itu adalah;

- Bidang Kejuruteraan (*Professional Engineer, Designer*)
- Bidang Teknologi Kejuruteraan (*Professional Engineering Technologist, Fabricators*)
- Bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional (*TVET Practitioners*)


Penubuhan empat buah *Centre for Technology* (Cft) baharu iaitu *Centre for Technology (Oil and Gas)*, *Centre for Technology (Furniture Innovation Technology)*, *Centre for Technology (Information Technology and Computing)* dan *Centre for Technology (Technology and Law)* merupakan sebahagian daripada inisiatif UTHM untuk menyumbang kepada penghasilan graduan TVET berkualiti serta mampu bertindak sebagai perantara di antara UTHM dan Industri.



UTHM turut dimanahkan untuk membangun dan merajui Hab Pendidikan Tinggi Pagoh (HPTP) dengan pelaksanaan Program Teknologi Kejuruteraan di samping bidang-bidang yang lain. Penempatan *Centre for Technology (Furniture Innovation Technology)* di HPTP akan menjadi *flagship* UTHM Kampus Pagoh. Usaha ini perlu dilihat sebagai persediaan ke arah pelaksanaan program akademik yang berkonsepkan "2u+2i" atau "3u+1i".

PENAWARAN PROGRAM

UTHM turut komited dalam menawarkan program akademik yang bukan sahaja diiktiraf tetapi juga memenuhi kehendak pasaran dan pemegang taruh. Program akademik yang ditawarkan adalah dibangunkan dengan menggunakan kurikulum yang holistik melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan pengalaman. Sehingga Disember 2016, sejumlah 94 program telah ditawarkan oleh 10 buah Fakulti dan Pusat Pengajian di UTHM.



Program Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian (BEJ) yang ditawarkan oleh Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik berjaya mendapat pengiktirafan penuh lima tahun untuk graduan bermula dari tahun 2014 hingga 2018. Pencapaian cemerlang ini telah dimaklumkan secara rasmi oleh Pendaftar Lembaga Jurutera Malaysia (LJM).



Pada tahun 2016 juga, terdapat dua program baharu yang telah diluluskan penawarannya oleh Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT), Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia iaitu Sarjana Sains (Kimia Bahan) Secara Mod Campuran (Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan) dan Sarjana Muda Sains Senibina (Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar). Senarai penuh program yang ditawarkan oleh Fakulti dan Pusat Pengajian adalah seperti di **Lampiran 1**.


ENROLMEN, PENGAMBILAN DAN GRADUAN 2016

Sehingga Disember 2016, seramai 16,940 pelajar mengikuti pelbagai peringkat pengajian di UTHM. Daripada jumlah itu, seramai 521 pelajar merupakan pelajar antarabangsa dari 24 buah Negara termasuk Negara Jepun, Amerika Syarikat, China, Maldives dan Negara-Negara


Timur Tengah dan Afrika. **Rajah 10, 11 dan 12** berikut menunjukkan maklumat berkaitan Enrolmen, Pengambilan dan Graduan UTHM bagi tahun 2016. Manakala **Rajah 13** menunjukkan Statistik Pelajar Antarabangsa mengikut Negara.



Rajah 10: Enrolmen Pelajar 2016





Rajah 11: Pengambilan Pelajar 2016



Rajah 12: Graduan 2016

PELAJAR ANTARABANGSA



Rajah 13 : Statistik Pelajar Antarabangsa Mengikut Negara

MAJLIS KONVOKESYEN UTHM

Majlis Konvokesyen Kali Ke-16 UTHM telah diadakan pada 8, 9 dan 10 Oktober 2016 bertempat di Dewan Sultan Ibrahim. Seramai 3,503 orang graduan telah diraikan dalam majlis tersebut yang melibatkan 5 sidang. Majlis ini juga turut meraikan 2 orang penerima Anugerah Profesor Emeritus dan seorang penerima Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah iaitu dalam bidang Pengurusan Harta Tanah dan

Fasiliti. Seramai 27 orang graduan UTHM juga turut menerima Anugerah Akademik yang terdiri daripada Anugerah Sultan Ibrahim, Anugerah Pelajaran DiRaja (Pingat Jaya Cemerlang), Anugerah Canselor, Anugerah Tan Sri Dato' Paduka Hjh. Aishah Ghani, Anugerah Hadiah Buku Yayasan UTHM, Anugerah Projek Sarjana Muda Terbaik, Anugerah Khas Alumni UTHM (Kategori Pelajar), Anugerah Koperasi UTHM dan juga Anugerah UTHM Holdings.



Gadis Tular 'Nasi Lemak Anak Dara' Terima Ijazah Di Majlis Konvokesyen Ke 16 UTHM

MAJLIS PEMAKAIAN HUD GRADUAN SISWAZAH

Majlis pemakaian hud graduan siswazah merupakan satu majlis khas yang diadakan oleh UTHM untuk graduan-graduan siswazah yang menerima Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan Di majlis ini para penyelia graduan tersebut diberi penghormatan dan

pengiktirafan untuk memakaikan hud bagi meraikan kejayaan pelajar mereka menamatkan pengajian. Majlis yang eksklusif ini telah diadakan pada 7 Oktober 2016. Seramai 119 orang pelajar pascasiswazah yang terlibat dimana 48 orang graduan PhD dan 71 graduan sarjana secara penyelidikan telah raikan.



Sekitar Majlis Pemakaian Hud Graduan Siswazah




PEMBANGUNAN PROFESIONALISME STAF AKADEMIK

Untuk meningkatkan lagi profesionalisme staf akademik, beberapa siri seminar, kursus dan latihan telah dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan dan Latihan Akademik dan

Fakulti / Pusat Pengajian. Diantara seminar, kursus dan latihan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2016 adalah seperti berikut;

1. Seminar Penaksiran dalam Pembelajaran dan Pengajaran bertajuk '*Complex Problem Solving from the view of Engineering Accreditation Council (EAC)*'.
2. Seminar Pembelajaran Teradun (Blended Learning)
3. Seminar Pembangunan Kursus Bagi Pelaksanaan *Massive Open Online Courses (MOOC)*
4. Kursus 1st Specialized Workshop on Rethinking Teaching - Redesigning Learning : Designing & Delivering An Engaging MOOC
5. Kursus Authoring Tools For MOOC Video
6. Anugerah Pengajaran UTHM Tahun 2015
7. Bengkel Membuat Skrip dan Storyboard MOOC
8. Bengkel Pemurnian dan Penyelarasan Beban Tugas Akademik Bil. 1/2016
9. Kursus Nurturing Learner Through Effective Teaching
10. Kursus E-Learning Workshop : Open Learning Platform
11. Bengkel Pelaksanaan Sistem Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (iCGPA) di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
12. Kursus Sistem E-Pembelajaran Author
13. Kursus Augmented Reality : Fantasy or Reality
14. Kursus Ada Apa Dengan Google Drive
15. Kursus YNWA Edmodo
16. Taklimat Pengenalan Kepada Sistem Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (iCGPA) UTHM
17. Seminar on Digital Content & Copyright
18. Problem-Based Learning (Level)
19. Project-Oriented Problem Based Learning (Level II)
20. E-learning Workshop Series 2016: Screencasting Tools -Camtasia
21. E-learning Workshop Series 2016: Animation Tools – Powtoon
22. E-learning Workshop Series 2016: Learning Platforms –Openlearning



LAWATAN DELEGASI DALAM DAN LUAR NEGARA

BIL	TARIKH	PELAWAT
1.	27 April 2016	Lawatan Dari Politeknik Batam, Indonesia
2.	21 Ogos 2016	Lawatan Dari Politeknik Port Dickson
3.	14 September 2016	Lawatan Dari National Instruments dan VISITAS Sdn Bhd
4.	6-8 Disember 2016	Lawatan Delegasi Shizuoka University, Japan
5.	22 Disember 2016	Lawatan Dari Yamaguchi University, Japan.
6.	1 - 15 Mei 2016	Lawatan Dari Yogyakarta State University
7.	18 Oktober 2016	Department of Education Ningxia Autonomous
8.	21 September 2016	Lawatan Delegasi Department of Education Sri Lanka
9.	19 September 2016	Lawatan Delegasi dari Westminster Kingsway College, UK
10.	26 Oktober -2 November 2016	Aktiviti Profesor Pelawat: Professor Dr. Roger Harris




Sekitar Lawatan Delegasi Luar Negara

PROGRAM MOBILITI PELAJAR

UTHM turut memberi peluang kepada pelajarannya untuk memperluaskan pengalaman pendidikan serta meningkatkan kefahaman mereka mengenai isu dan perspektif global berkaitan dengan pengajian yang diceburi. Program Mobiliti Pelajar (Outbound) Berkredit dan Tidak berkredit yang dijalankan turut membolehkan pelajar bertindak sebagai Duta Kecil UTHM dan Malaysia.

Disamping itu juga, UTHM turut menerima penglibatan seramai 27 orang pelajar daripada tiga buah Universiti Awam tempatan dan sebuah universiti daripada Negara Indonesia untuk mengikuti Program Mobiliti (Inbound) Berkredit di UTHM. Universiti-universiti berkenaan adalah Universiti Malaysia Pahang, Universiti Malaysia Perlis, Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Universitas Muhammadiyah Surakarta, Indonesia.



LATIHAN INDUSTRI LUAR NEGARA

Pada tahun 2016, UTHM telah menghantar 2 orang pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik serta 4 orang pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan untuk menjalani Latihan Industri di Nagaoka University of Technology (NUT), Jepun dan di PT PJB Unit Pembangunan Brantas PLTA Sutami, Malang

Karangates, Indonesia. Peluang menjalani Latihan Industri di Negara terbabit telah memberi peluang kepada pelajar tersebut untuk memperolehi dan seterusnya mengaplikasikan ilmu pengetahuan serta kemahiran baharu selain mempelajari budaya masyarakat tempatan.



Latihan industri pelajar UTHM di Jepun dan Indonesia

PROGRAM JERAYAWARA KERJASAMA ANTARABANGSA DAN PROMOSI PENDIDIKAN

Pejabat Antarabangsa melalui langkah 12 Strategi Pengantarabangsaan telah mengadakan program Jerayawara Kerjasama Antarabangsa dan Promosi Pendidikan di 6 negara serata dunia. Program jerayawara ini adalah bertujuan untuk meluaskan dan mengukuhkan jaringan kerjasama antarabangsa UTHM selain mengadakan siri promosi pendidikan di luar negara. Negara-negara yang telah dilawati terdiri dari negara ASEAN seperti Indonesia dan Thailand, China, Pakistan dan negara-negara benua Afrika seperti Sudan dan Nigeria. Pemilihan negara-negara untuk

dilawati ini adalah berdasarkan potensi untuk mendapatkan pelajar antarabangsa dari negara tersebut selain jumlah Alumni antarabangsa UTHM yang tinggi di negara tersebut.

Usaha untuk mengukuhkan hubungan dua hala bersama Indonesia telah dilaksanakan antaranya melalui penganjuran Seminar Pengantarabangsaan 2016 di Universitas Gadjah Mada, Jogjakarta selain mengaturkan Kuliah Umum Naib Canselor UTHM di Universitas Islam Negeri (UIN) Sunan Kalijaga, Jogjakarta.



Kuliah Umum Y. Bhg. Datuk Naib Canselor di UIN Sunan Kalijaga, Indonesia



Seminar Pengantarabangsaan di Universitas Gadjah Mada, Jogjakarta

AKTIVITI PROMOSI DALAM NEGARA

BIL	TARIKH	PROGRAM	LOKASI
1	18-19 Februari 2016	Seminar Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM 2016)	Sekitar UTHM
2	22 – 24 Februari 2016	Hari Terbuka dan Karnival Kerjaya	Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Arau
3	23 Februari 2016	Taklimat Promosi	Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin
4	4 Mac 2016	Taklimat Promosi Sempena Majlis Konvokesyen	Politeknik Merlimau Melaka
5	31 Mac 2016	Karnival Kebitaraan Kebangsaan	SMK Tinggi Batu Pahat
6	19 Mei 2016	Taklimat Promosi	Pusat Pengajian Diploma, UTHM
7	21 Jun 2016	Taklimat Promosi	Politeknik Kuching
8	20 Ogos 2016	Majlis Konvokesyen	Politeknik Ungku Omar, Ipoh
9	5 September 2016	Taklimat Promosi	Politeknik Ungku Omar, Ipoh
10	29 September 2016	Taklimat Promosi	Politeknik Ibrahim Sultan, Pasir Gudang
11	12 Oktober 2016	Taklimat Promosi	IPG Temenggung Ibrahim, Johor
12	8 Disember 2016	Taklimat Promosi	Pusat Pengajian Diploma, UTHM



AKTIVITI PROMOSI LUAR NEGARA

Langkah untuk meningkatkan keterlihatan UTHM di China telah diambil melalui promosi pendidikan di Chengdu dengan kerjasama Dongfang International. Wakil dari Pejabat

Antarabangsa dan Pejabat Pengurusan Akademik telah mengadakan promosi di lebih 12 sekolah menengah dan tinggi di sekitar Chengdu.



Sesi Penerangan Bersama Dong Fang International, China

UTHM turut melebarkan jaringan kerjasama ke Abuja, Bauchi dan Kano di Nigeria sepanjang tahun 2016 dan sebanyak 8 Surat Hasrat ditandatangani di sana. Sebanyak 2 Surat Hasrat telah ditandatangani di Pakistan yang diketuai Dr. Mohd Hisyam Bin Abdul Rahim, dan sebanyak 4 Surat Hasrat di Sudan diketui Prof. Madya Dr. Hj. Rozaida Binti Ghazali. Pejabat Antarabangsa turut mengambil inisiatif ini untuk bertemu dengan

alumni UTHM di negara-negara tersebut dan membincangkan pelbagai prospek kerjasama dengan institusi pendidikan tinggi serta agensi-agensi kerajaan tempatan seperti dalam bidang pertukaran pelajar dan staf, penyeliaan bersama, penyelidikan dan penerbitan bersama dan lain-lain lagi. Langkah untuk melebarkan jaringan kerjasama ini meningkatkan lagi peluang UTHM untuk memberi sumbangan kepakaran dan tenaga bagi kemajuan pendidikan tinggi dan

teknologi di negara-negara berkenaan.



SENARAI PENAWARAN PROGRAM TAHUN 2016

FAKULTI / PUSAT PENGAJIAN	NAMA PROGRAM
Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar	<ol style="list-style-type: none"> 1. Doktor Falsafah Kejuruteraan Awam Secara Penyelidikan 2. Sarjana Kejuruteraan Awam Secara Penyelidikan 3. Sarjana Kejuruteraan Awam Secara Kerja Kursus 4. Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dengan Kepujian 5. Sarjana Muda Sains Senibina
Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	<ol style="list-style-type: none"> 1. Doktor Falsafah Kejuruteraan Elektrik Secara Penyelidikan 2. Sarjana Kejuruteraan Elektrik Secara Penyelidikan 3. Sarjana Kejuruteraan Elektrik Secara Kerja Kursus 4. Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian 5. Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Doktor Falsafah Kejuruteraan Mekanikal Secara Penyelidikan 2. Sarjana Kejuruteraan Mekanikal Secara Penyelidikan 3. Sarjana Kejuruteraan Mekanikal Secara Kerja Kursus 4. Sarjana Sains Kejuruteraan Bahan Secara Mod Campuran 5. Sarjana Sains Kejuruteraan Pembuatan Secara Mod Campuran 6. Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Dengan Kepujian 7. Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik (Penerbangan Profesional) dengan Kepujian 8. Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik (Penyenggaraan Pesawat Terbang) dengan Kepujian 9. Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik (Kawalan Trafik Udara)
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Doktor Falsafah Pengurusan Harta Tanah dan Fasiliti Secara Penyelidikan 2. Doktor Falsafah Pengurusan Teknologi Secara Penyelidikan 3. Sarjana Sains Harta Tanah dan Fasiliti Secara Penyelidikan 4. Sarjana Sains Pengurusan Teknologi Secara Penyelidikan 5. Sarjana Sains Pengurusan Teknologi Pembinaan Secara Kerja Kursus 6. Sarjana Pentadbiran Perniagaan 7. Sarjana Muda Pengurusan Teknologi dengan Kepujian 8. Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pengeluaran & Operasi) dengan Kepujian 9. Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pembinaan) dengan Kepujian 10. Sarjana Muda Pengurusan Harta Tanah dengan Kepujian 11. Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Rekabentuk dan Pembuatan Perabot)

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional	<ol style="list-style-type: none"> 1. Doktor Falsafah Pendidikan Teknik dan Vokasional (Secara Penyelidikan) 2. Doktor Falsafah Pendidikan (Secara Penyelidikan) 3. Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional Secara Penyelidikan 4. Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional Secara Kerja Kursus 5. Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Awam) Secara Kerja Kursus 6. Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Elektrik) Secara Kerja Kursus 7. Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Mekanikal) Secara Kerja Kursus 8. Sarjana Pendidikan Teknikal (Rekabentuk Instruksional dan Teknologi) Secara Kerja Kursus 9. Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Pemesinan Am) dengan Kepujian 10. Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Elektrik dan Elektronik) dengan Kepujian 11. Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Katering) dengan Kepujian 12. Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Binaan Bangunan) dengan Kepujian 13. Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Kimpalan dan Fabrikasi Logam) dengan Kepujian 14. Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Multimedia Kreatif) dengan Kepujian 15. Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara) dengan Kepujian 16. Sarjana Muda Pendidikan (Pengurusan Pendidikan) dengan Kepujian 17. Sarjana Muda Pendidikan (Sekolah Rendah) dengan Kepujian 18. Sarjana Muda Pendidikan Teknik & Vokasional
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Doktor Falsafah Teknologi Maklumat Secara Penyelidikan 2. Sarjana Teknologi Maklumat Secara Penyelidikan 3. Sarjana Sains Komputer (Keselamatan Maklumat) Secara Mod Campuran 4. Sarjana Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) Secara Mod Campuran 5. Sarjana Sains Komputer (Teknologi Web) Secara Mod Campuran 6. Sarjana Sains Komputer (Pengkomputeran Lembut) Secara Mod Campuran 7. Sarjana Muda Teknologi Maklumat 8. Sarjana Muda Sains Komputer (Pengkomputeran Multimedia) dengan Kepujian 9. Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) dengan Kepujian 10. Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Maklumat) dengan Kepujian 11. Sarjana Muda Sains Komputer (Teknologi Web) dengan Kepujian
Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan (FSTPi)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Doktor Falsafah Sains (Secara Penyelidikan) 2. Sarjana Sains (Secara Penyelidikan) 3. Sarjana Sains (Matematik Gunaan) Secara Kerja Kursus 4. Sarjana Sains (Statistik Industri) Secara Kerja Kursus 5. Sarjana Sains (Pemuliharaan dan Kepelbagaian Biologi) Secara Mod Campuran 6. Sarjana Sains (Kimia Bahan) secara Mod Campuran 7. Sarjana Muda Sains (Matematik Teknologi) dengan Kepujian 8. Sarjana Muda Sains (Fizik Gunaan) dengan Kepujian 9. Sarjana Muda Sains (Teknologi Makanan) dengan Kepujian 10. Sarjana Muda Sains (Statistik Industri) dengan Kepujian 11. Sarjana Muda Sains (Kepelbagaian Biologi dan Pemuliharaan) dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kejuruteraan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Doktor Falsafah Teknologi Kejuruteraan Secara Penyelidikan 2. Sarjana Teknologi Kejuruteraan Secara Penyelidikan 3. Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Perkhidmatan Bangunan) dengan Kepujian 4. Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Automasi Industri) dengan Kepujian 5. Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Tekstil Industri) dengan Kepujian 6. Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pembungkusan Industri) dengan Kepujian 7. Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Loji) dengan Kepujian 8. Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi) dengan Kepujian 9. Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) dengan Kepujian 10. Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) dengan Kepujian 11. Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Elektrik) dengan Kepujian 12. Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Alam Sekitar) dengan Kepujian 13. Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Pembinaan) dengan Kepujian 14. Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi dan Komputer) dengan Kepujian
Pusat Pengajian Siswazah	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sarjana Sains Kejuruteraan Pengangkutan Rel Secara Mod Campuran
Pusat Pengajian Diploma	<ol style="list-style-type: none"> 1. Diploma Kejuruteraan Awam 2. Diploma Teknologi Kejuruteraan Awam 3. Diploma Kejuruteraan Elektrik 4. Diploma Teknologi Kejuruteraan Elektrik 5. Diploma Kejuruteraan Mekanikal 6. Diploma Teknologi Kejuruteraan Mekanikal 7. Diploma Teknologi Maklumat 8. Diploma Teknologi Kejuruteraan Kimia 9. Diploma Sains Gunaan

Penyelidikan, Inovasi, Perundingan dan Penerbitan

PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Kejayaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) merangkul penarafan 3 bintang dalam tahun 2016 bagi sesi penilaian MyRA@2015 telah melayakkan UTHM menerima bonus daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berjumlah **RM1,732,830.38** juta. Proses penilaian MyRA telah dilaksanakan bertempat di Hotel Everly Putrajaya pada 2 Jun 2016. Tahun 2016 juga telah menyaksikan struktur pengurusan penyelidikan disusun semula bagi mempertingkatkan daya saing penyelidikan di UTHM dengan penaiktarafan MyExpert dan Sistem Maklumat Penerbitan Universiti (SMPU) bagi memastikan penggunaan sistem berkenaan adalah selari dengan keperluan dan pengurusan penyelidikan dan penyelidik itu sendiri. Struktur pengurusan inovasi, perundingan dan pengkomersilan di UTHM turut direncana dan diimplimentasi bagi memastikan UTHM mempunyai stuktur pengurusan mantap dan berdaya saing yang dapat diterjemahkan dengan pelaksanaan penambahbaikan proses kerja Perundingan, Pengujian dan Pengkomersilan di UTHM secara keseluruhannya.




Usaha penyelidik UTHM untuk terus memartabatkan penyelidikan dan inovasi dapat dilihat daripada bilangan penyertaan penyelidikan dan produk penyelidikan dalam pelbagai pameran dan pertandingan samada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ini termasuk menyertai *Seoul International Invention Fair (SIIF) 2016*, Ekspo Penyelidikan dan Rekacipta Institut Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) 2016, *Malaysia Technology Expo (MTE 2016)* dan sebagainya. Kualiti penerbitan jurnal di UTHM turut dipertingkatkan dengan pencapaian penarafan *Journal of Technical Education and Training (JTET)* sebagai berindeks Scopus yang diterima pada 19 September 2016, selain daripada permohonan 2 lagi jurnal UTHM iaitu *International Journal of Integrated Engineering (IJIE)* dan *Journal of Science and Technology (JSCET)* untuk disenaraikan dalam Indeks Scopus. Strategi komprehensif untuk memperhebat dan memperkasa penyelidik UTHM telah dibentuk dan diterjemahkan dengan pelaksanaan beberapa kursus pendek seperti *Sesi Perkongsian Ilmu 'What is Scopus, ISI and How to Increase the Citations, Taklimat Science Fund, Teh Tarik Session: Information Sharing on Best Practices* dan sebagainya. Penambahbaikan prasarana penyelidikan, inovasi, perundingan dan pengkomersilan di UTHM turut direncanakan dalam Rancangan Malaysia ke-11 dengan cadangan membangunkan bangunan serbaguna yang menempatkan semua pejabat pengurusan penyelidikan, inovasi, perundingan, pengkomersilan, Pusat Pengajian Siswazah, Pusat Kecemerlangan (CoE) dan makmal di bawah satu bumbung.

PENYELIDIKAN

BIDANG TUJAHAN PENYELIDIKAN (NICHE RESEARCH AREAS)

Terdapat 10 bidang tujuan penyelidikan telah dikenalpasti merentas disiplin fakulti di universiti iaitu:

1. **Green Technology**
2. **Nano Technology**
3. **Sustainable Consumption and Productions**
4. **Advanced Materials**
5. **Environmental Engineering**
6. **TVET-Teacher Education**
7. **Soft Computing and Data Engineering**
8. **Technology and Facility Management**
9. **Tauhidic Human Development**
10. **Rural Innovation**





INFRASTRUKTUR AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN INOVASI PUSAT-PUSAT KECEMERLANGAN (COE)

Empat (4) buah Pusat Kecemerlangan UTHM Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan telah dinaiktaraf pada tahun 2012 dan telah Perundingan iaitu: distrukturkan di bawah Pejabat Pengurusan

BIL.	NAMA PUSAT	TAHUN PENUBUHAN	
1	Pusat Penyelidikan Shamsuddin - Mikroelektronik dan Nano-Teknologi	<i>Microelectronics and Nano-Technology - Shamsuddin Research Centre (MiNT-SRC)</i>	2012
2	Pusat Penyelidikan Tanah Lembut	<i>Research Centre for Soft Soil (RECESS)</i>	2012
3	Pusat Penyelidikan Elektromagnet Gunaan	<i>Research Centre for Applied Electromagnetics (EMCentre)</i>	2012
4	Pusat Pembuatan dan Bahan Termaju	<i>Advanced Manufacturing and Materials Centre (AMMC)</i>	2012



Antara Kemudahan DI CoE UTHM



PUSAT-PUSAT PENYELIDIKAN (COR)

Sehingga 31 Disember 2016, UTHM telah mempunyai 13 buah Pusat Penyelidikan (CoR) seperti berikut:

BIL.	NAMA PUSAT	TAHUN PENUBUHAN	FAKULTI
1	Pusat Teknologi Lanjutan/ <i>Advanced Technology Centre (ATC)</i>	2002	FTK
2	Pusat Kecemerlangan Pengurusan Fasilitas/ <i>Centre of Excellence for Facility Management (CEFM)</i>	2003	FPTP
3	Pusat Penyelidikan Wireless dan Sains Radio/ <i>Wireless and Radio Science Centre (WARAS)</i>	2004	FKEE
4	Pusat Pendidikan Teknik dan Vokasional Termaju/ <i>Advanced Center for Technical and Vocational Education (ACTIVE)</i>	2004	FPTV
5	Pusat Perisian dan Multimedia/ <i>Software and Multimedia Centre (SMC)</i>	2006	FSKTM
6	Pusat Kajian Tenaga dan Persekitaran Industri/ <i>Centre for Energy and Industrial Environment Studies (CEIES)</i>	2010	FKMP
7	Pusat Penyelidikan Aplikasi Matematik Berkomputer/ <i>Center for Research in Computational Mathematics (CERCOM)</i>	2011	FSTPi
8	Pusat Penyelidikan Pemuliharaan dan Penggunaan Mapan Sumber-Sumber Semulajadi/ <i>Centre of Research for Sustainable Uses of Natural Resources (SUNR)</i>	2012	FSTPi
9	Pusat Penyelidikan Jamilus/ <i>Jamilus Research Centre (JRC)</i>	2012	FKAAS
10	Pusat Penyelidikan Pemanduan Bijak/ <i>Smart Driving Research Centre (SDRC)</i>	2012	FKAAS
11	Pusat Penyelidikan Pencemar Mikro/ <i>Micro-Pollution Research Centre (MPRC)</i>	2012	FKAAS
12	Pusat Penyelidikan Pemesinan Jitu/ <i>Precision Machining Research Center (PREMACH)</i>	2015	FKMP
13	Pusat Penyelidikan Pencegahan Kegagalan Mekanikal dan Kebolehpercayaan/ <i>Center of Research for Mechanical Failure Prevention and Reliability (MPROVE)</i>	2016	FKMP

KUMPULAN FOKUS PENYELIDIKAN (FG)

Sehingga 31 Disember 2016, UTHM telah mempunyai 81 buah Kumpulan Fokus (FG) di bawah Fakulti-Fakulti seperti berikut:

KUMPULAN FOKUS PENYELIDIKAN	
FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM DAN ALAM SEKITAR (FKAAS)	
1	<i>Advance Construction Material and Masonry</i>
2	<i>Repair, Rehabilitation and Strengthening of Structures</i>
3	<i>Advance Technology and Smart Building</i>
4	<i>Sustainable Construction Management</i>
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (FKEE)	
1	<i>Power and Renewable Energy Team</i>
2	<i>Optical Communication and Network</i>
3	<i>Advanced Mechatronic Research Group</i>
4	<i>Embedded Computing Systems</i>
5	<i>Biomedical Engineering Modelling and Simulation Research Group</i>
6	<i>Nano Simulation Research Group</i>

FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL DAN PEMBUATAN (FKMP)	
1	<i>Energy Technologies Research Group</i>
2	<i>Automotive Research Group</i>
3	<i>Industrial and Indoor Environment Research Group</i>
4	<i>Flow Analysis, Simulation, and Turbulence Research Group</i>
5	<i>Combustion Research Group</i>
6	<i>Bioactive Material</i>
7	<i>Nano Structure and Surface Modification</i>
8	<i>Functional Composite Structure</i>
9	<i>Structural Integrity and Monitoring Research Group</i>
10	<i>Advanced Dynamic Control Research Group</i>
11	<i>Noise and Vibration Analysis Research Group</i>
12	<i>Industrial and System Engineering</i>
13	<i>Engineering Design Research Group</i>
14	<i>Advanced Forming Research Group</i>
15	<i>Additive Manufacturing Research Group</i>
16	<i>Crashworthiness and Collisions Research Group</i>
17	<i>Sports and Engineering Advance Research</i>
18	<i>Smart Structures & System</i>
19	<i>Aircraft System and Design Research</i>
20	<i>Aerodynamics and Propulsion Research</i>
FAKULTI PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (FPTV)	
1	<i>Cognitive Science</i>
FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN (FTK)	
1	<i>Green Environmental Technology</i>
2	<i>Sustainable Green Building Technology and Management</i>
3	<i>Automation and Control Technology</i>
4	<i>Electrical Energy and Power Systems</i>
5	<i>Telecommunications</i>
6	<i>Biotechnology</i>
7	<i>Biodiesel</i>
8	<i>Safety and Health</i>
9	<i>Manufacturing Process, System and Materials</i>
FAKULTI SAINS, TEKNOLOGI DAN PEMBANGUNAN INSAN (FSTPI)	
1	<i>Social Cohesion</i>
2	<i>Integrati & Good Governance</i>
3	<i>Civilization and Culture</i>
4	<i>Computational Fluid Dynamics</i>
5	<i>Fuzzy Modelling and Analysis</i>
6	<i>Statistical Modelling and Analysis</i>
7	<i>Mathematical Modelling and Analysis</i>
8	<i>Computational Operational Research</i>
9	<i>Opto Fiber Laser Technology</i>
10	<i>Solid State Material Processing</i>
11	<i>Surface Science</i>
12	<i>Applied Chemistry</i>
13	<i>Environmental Radiation Monitoring and Protection</i>
14	<i>Herbal Science, Technology & Medicine</i>
15	<i>Microbial Biotechnology & Bioprocess</i>


FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (FSKTM)	
1	<i>Information Security Special Interest</i>
2	<i>Sensor and Internet of Things</i>
3	<i>Software Engineering</i>
4	<i>Multimedia</i>
FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN PERNIAGAAN (FPTP)	
1	<i>Services & Operations Management</i>
2	<i>Manufacturing Technology Management</i>
3	<i>Construction Management Innovation</i>
4	<i>Sustainable Infrastructure Management</i>
5	<i>Human Habitat Management</i>
6	<i>Virtual Construction</i>
7	<i>Technology and Innovation Management</i>
8	<i>Economics and Management</i>
9	<i>Contemporary Real Estate</i>
10	<i>Sustainable Urban Development</i>
11	<i>Resilient Built Environment</i>
12	<i>Entrepreneurship, Finance and Law</i>
PUSAT PENGAJIAN BAHASA (PPB)	
1	<i>Problem Based Learning</i>
2	<i>English for Specific Purposes</i>
3	<i>Language & Culture</i>
4	<i>Language Teaching & Learning</i>
5	<i>Translation</i>
6	<i>Motivation & Communication</i>
7	<i>Workplace Communication</i>
8	<i>Social Media & Mobile Learning</i>
9	<i>Creativity & Learning</i>
10	<i>Language Pragmatics</i>

AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN


Pada tahun 2016, keseluruhan geran penyelidikan yang diterima oleh UTHM adalah berjumlah **RM 16,371,434.61**. **Jadual 18** dan **Rajah 14** menunjukkan Jumlah Dana Geran Penyelidikan Tahun 2016 yang telah diterima oleh UTHM dan Peratusan Dana Geran Penyelidikan Mengikut Agensi.

Jadual 18: Jumlah Dana Geran Penyelidikan Tahun 2016

BIL.	KATEGORI PEMBIAYA	JUMLAH DANA (RM)	JUMLAH PROJEK
1	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPT)	9,248,566.04	93
2	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)	152,250.00	1
3	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	6,300,000.00	261
5	Agensi Kerajaan (lain-lain) dan Swasta Malaysia	501,696.90	5
6	Agensi Antarabangsa	168,921.67	3
JUMLAH		16,371,434.61	363



Rajah 14: Peratusan Geran Penyelidikan Tahun 2016 Mengikut Agensi**PEROLEHAN DANA PENYELIDIKAN MENGIKUT FAKULTI / PUSAT**

FAKULTI/PUSAT	JUMLAH DANA (RM)
Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (FKAAS)	3,349,765.00
Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE)	1,924,600.00
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP)	3,213,143.00
Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan (FSTPi)	906,200.00
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP)	1,376,561.21
Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV)	483,600.00
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM)	1,067,375.00
Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)	1,113,426.00
Pusat Pengajian Diploma (PPD)	810,680.00
Pusat Pengajian Bahasa (PPB)	45,000.00
Pusat Pengajian Umum dan KoKurikulum	80,600.00



PEROLEHAN DANA PENYELIDIKAN MENGIKUT PUSAT KECEMERLANGAN

FAKULTI/PUSAT	JUMLAH DANA (RM)
Pusat Penyelidikan Tanah Lempu (RECEES)	239,000.00
Pusat Keserasian Elektromagnet (EMCenter)	411,000.00
Pusat Penyelidikan Shamsuddin - Mikroelektronik dan Nano-Teknologi (MiNT-SRC)	346,100.00
Pusat Pembuatan dan Bahan Termaju (AMMC)	424,300.00



PENGIKTIRAFAN HASIL PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Pada tahun 2016, UTHM berjaya memperolehi **pingat** dalam pelbagai pertandingan penyelidikan dan antarabangsa dalam dan luar Negara seperti berikut:

BIL.	NAMA PAMERAN	PINGAT			ANUGERAH KHAS	KOS KESELURUHAN PAMERAN
		Emas	Perak	Gangsa		
1	MTE 2016	0	2	4	0	40,394.42
2	ITEX 2016	14	10	0	2	130,740.50
3	SIIF 2016	2	3	5	0	61,820.00
JUMLAH KESELURUHAN		16	15	9	2	232,954.92

Berikut adalah maklumat terperinci berkaitan Anugerah Khas yang diterima:

BIL.	PENYELIDIK	ANUGERAH	NAMA PAMERAN/ PENGANJUR
1	Prof. Madya Dr. Mohammad Faiz Liew Abdullah	International Federation of Inventors Associations (IFIA)	ITEX 2016
2.	Prof. Madya Dr. Anika Zafiah Mohd. Rus	Best Invention Universities/ Educational Institutions Category	ITEX 2016

KERJASAMA PENYELIDIKAN

KERJASAMA INDUSTRI DALAM NEGARA

BIL.	NAMA AGENSI	PENYELIDIK / PUSAT
1	Country Garden Pacificview Sdn. Bhd	Dr. Hazel Monica Matial-Peralta (FSTPI)
2	Gates IT Solution Sdn. Bhd.	Dr. Shahreen Kasim (FSKTM)

3	BP Renal Care	Prof. Dr. Ismail Abdul Rahman (FKAAS)
4	Koperasi Industri Produk Ikan Desa Johor Berhad	Dr. Muhammad Akmal Johar (FKMP)
5	Preston Shipyard Sdn. Bhd.	Dr. Mohd. Zainizan Sahdan (MiNT-SRC)

8	ECLIMO Sdn. Bhd.	Prof. Madya Ir. Dr Erwan Bin Sulaiman (EMCenter)
9	Jabatan Kerja Raya	Prof. Madya Dr Saiful Azhar Bin Ahmad Tajudin (RECESS)
10	CIDB Malaysia	Prof. Madya Dr Saiful Azhar Bin Ahmad Tajudin (RECESS)

KERJASAMA LUAR NEGARA

BIL.	NAMA AGENSI	NAMA PENYELIDIK
1	University of Salford	Dr. Noralfishah Sulaiman (FPTP)
2	GIZ Germany	Prof. Madya Dr. Razali Hassan (FPTV)
3	Universitas Lanchang Kuning, Indonesia (UNILAK)	Dr. Khairunesa Isa (PPUK)
4	Nagoya Institute of Technology	Dr. Mohd. Zainizan Sahdan (MiNT-SRC)
5	Universitas Sebelas Maret (UNS)	Dr. Mohd. Zainizan Sahdan (MiNT-SRC)
6	UNPAR Indonesia	Prof. Madya Dr. Saiful Azhar Ahmad Tajudin (RECESS)

PERLINDUNGAN HARTA INTELEK UTHM

Secara kumulatif, sehingga 31 Disember 2016, UTHM memiliki sejumlah **260 harta intelek** yang telah berjaya dilindungi. Jumlah keseluruhan harta intelek yang dimiliki ini boleh dikategorikan seperti berikut:

BIL.	PERKARA	JUMLAH
1	Paten (Granted)	26
2	Paten (Pending)	129
	Utiliti Innovation	9
	-Kebangsaan (129)	
	- Antarabangsa (0)	4
3	Hakcipta (Copyright)	50
4	Cap Dagangan (Trademark)	23
5	Rekabentuk Industri (Industrial Design)	19
JUMLAH		260

Jumlah keseluruhan harta intelek yang berjaya dilindungi oleh UTHM pada tahun 2016 adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	JUMLAH
1	Paten (Granted)	5
2	Paten (Pending)	21
	Utiliti Innovation	3
	- Kebangsaan (21)	
	- Antarabangsa (0)	
3	Hakcipta (Copyright)	4
4	Cap Dagangan (Trademark)	2
5	Rekabentuk Industri (Industrial Design)	1
JUMLAH		36

PERUNDINGAN MELALUI UCSB

Sehingga 31 Disember 2016, pihak UCSB telah menguruskan 10 projek perundingan yang berjumlah **RM893, 793.17** secara keseluruhannya sepertimana berikut:

BIL.	NAMA PROJEK	KLIEN	*NILAI PROJEK (RM)
1	Kajian Impak Dan Keberkesanan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)	Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan	287, 398.77
2	Portable Conveyor for Carding System	Universiti Putra Malaysia	5, 957.20
3	Kajian Pelan Tindakan Banjir Negeri Johor	Spatialworks Sdn. Bhd.	14, 300.00
4	YJACK Validation Test	YJACK Technology Sdn Bhd	162, 000.00
5	Kajian Penilaian Keberkesanan Dasar Awam dan Undang-undang	Institut Integriti Malaysia	118, 211.20
6	Conduct Test on a Collapsed Concrete Effluent Water Tank	Approved Forensics Sdn. Bhd.	5, 194.00
7	Kajian Kos-Manfaat Kompleks Sukan MSN Pagoh	Majlis Sukan Negara Malaysia	31, 800.00
8	Kerja-kerja Ujian Bahan untuk Pemeriksaan Lanjut Keutuhan di Istana Zahrah, Johor Bahru, Johor	Jabatan Kerja Raya Johor	88, 192.00
9	Kajian Pasaran Program Baru Diploma Teknologi Agro	UTHM	30, 740.00
10	YJACK Validation Test 2.0	YJACK Technology Sdn. Bhd.	150, 000.00

PERUNDINGAN MELALUI ICC

Sehingga 31 Disember 2016, Pusat Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ICC) telah menguruskan 25 Projek Perundingan Sendiri yang berjumlah **RM540,381.15** secara keseluruhannya sepertimana berikut :

BIL.	NAMA PROJEK	KLIEN	* NILAI PROJEK (RM)
1	Perkhidmatan Perundingan Penilaian Keberintangan Elektrik Di Kawasan Pencawang Pembahagian Utama (PPU) 33/11KV, Sendayan Tech. Valley No. 1, Seremban, Negeri Sembilan	Impian MNI Sdn. Bhd.	4, 716.98
2	Design Failure and Effect Analysis	APT Touch Sdn. Bhd.	1, 415.09
3	Consultation for Utilization of Quarry Dust into Unfired Brick	Bina Kuari (K) Sdn. Bhd.	18, 424.00
4	Perkhidmatan Perundingan Penilaian Keberintangan Elektrik Untuk Mengenalpasti Potensi Airbumi Mineral di Kawasan Ulu Yam, Selangor	Sabgold Enterprise	8, 000.00
5	Consultation on Reducing Conducted Emission on Lighthing Equipment	Yeh Brothers Electronic Works (M) Sdn. Bhd.	530.00
6	Consultation on Basic Boilerman Course	Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) Bioteknologi, Fakulti Sains & Teknologi Industri, Universiti Malaysia Pahang (UMP)	27, 000.00

BIL.	NAMA PROJEK	KLIEN	* NILAI PROJEK (RM)
7	Perkhidmatan Perundingan Penilaian Potensi Air Bumi di Kawasan Skudai, Johor	Kejuruteraan Tempua Usaha Sdn. Bhd.	5, 660.38
8	Consultation on "Resilience in Aging" KANZU Research-Knowledge Transfer Programme 2016-2018 (Participant 1: Puan Jalidah binti Salim)	Rumah Ehsan Kuala Kubu Baru, Selangor	900.00
9	Consultation on "Resilience in Aging" KANZU Research-Knowledge Transfer Programme 2016-2018 (Participant 1: Puan Syazwani binti Suhaimi)	Rumah Seri Kenangan Cheras	900.00
10	Perundingan Bengkel Inovasi dan Pembuatan Produk Sekolah Menengah Sains Muar (SAMURA)	Sekolah Menengah Sains Muar (SAMURA)	4, 716.98
11	Consultation on Technical Advice on the Filling Time for the Kahang Dam	Asia Baru Construction Sdn. Bhd.	700.00
12	Perkhidmatan Perundingan Dalam Bidang Keserasian Elektromagnet	Sapura Research Sdn. Bhd.	18, 018.87
13	Consultation Service on YSZ Thin Film Deposition Using RF Magnetron Sputtering Plasma System	UTM Razak School of Engineering & Advanced Technology, UTM	4, 500.00
14	Pre and Post Construction Study and Testing According To JKR Standard Specification	Lembaga Getah Malaysia	3, 880.00
15	Perkhidmatan Perundingan Pasukan Penyiasatan Tanah Bagi Membina Jambatan Menghubungkan Bagan Datoh ke Kampung Sejangap, Daerah Hilir Perak, Perak	Impian MNI Sdn. Bhd.	12, 264.15
16	Perkhidmatan Perundingan Bagi Mengenalpasti Potensi Air Bumi Menggunakan Alat Keberintangan Elektrik	Razmaju Sdn. Bhd.	8, 490.57
17	Consultation Service on Platinum and YSZ Thin Film Deposition Using DC and RF Magnetron Sputtering Plasma System	UTM Skudai, Faculty of Science	4, 500.00
18	Consultation for Facilitation on Pedagogy Training (Microteaching)	University of Kuala Lumpur (UniKL)	2, 264.15
19	Consultation on Training of Trainers (ToT) on Business Excellence for SMEs	Asian Productivity Organization (APO)	7, 792.45
20	Perundingan Pembangunan Inokulan Pokok Karas	Agarwood Technologies Plantation Sdn. Bhd.	9, 433.96
21	Consultation on Ergonomic & Manual Handling (EMH) Training Program	National Institute of Occupational Safety & Health (NIOSH)	1, 320.75
22	Projek Perundingan - Asas Dandang Stim (Boilerman)	Johor Biotechnology and Biodiversity Corporation (J-Biotech)	17, 594.34
23	Consultation on Development of a Productivity Doctor Framework	Malaysia Productivity Corporation (MPC)	28, 301.89
24	Perundingan Polisi TVET (Definisi TVET dan Employabiliti Graduan) Bagi Keperluan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia	Bahagian Perancangan Penyelidikan dan Penyelaras Dasar (Kementerian Pengajian Tinggi)	141, 509.43
25	Penjanaan Sisa Pembinaan & Perobohan serta Penghasilan Sisa Pembinaan & Perobohan yang di Kitar Semula pada tahun 2016	Lembagan Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB Malaysia)	207,547.16

GERAN PEMBANGUNAN PRODUK (GPP) DAN GERAN INNOVATION, COMMERCIALIZATION AND INCUBATOR (ICI)

Geran Pembangunan Produk (GPP) atau Geran *Innovation, Commercialization and Incubator (ICI)* merupakan dana yang diwujudkan bagi pembangunan produk untuk merapatkan jurang di antara penemuan penyelidikan sehingga sebelum pra-pengkomersilan. Pada tahun 2016, Pusat Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan telah menawarkan GPP Fasa 6 (Mei 2016) sebanyak

7 projek berjumlah RM100,000.00, GPP Fasa 7 (November 2016) sebanyak 8 projek berjumlah RM223,820.00 dan ICI Fasa 2 sebanyak 3 projek berjumlah RM149,680.00. Sebanyak 18 projek yang dibiayai oleh Geran Pembangunan Produk (GPP) dan Innovation, Commercialization and Incubator (ICI) melibatkan peruntukan berjumlah **RM473,500.00**.

GERAN PUBLIC PRIVATE RESEARCH NETWORK (PPRN)

Geran *Public Private Research Network (PPRN)* merupakan satu usaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam usaha menjalinkan hubungan industri dengan penyelidik IPT bagi menyelesaikan masalah industri dengan kepakaran para

penyelidik IPT. Pada tahun 2016, sebanyak 42 projek PPRN berjumlah **RM1,398,558.50** telah diuruskan oleh Pusat Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan.

PENGGOMERSILAN HASIL PENYELIDIKAN DAN INOVASI

BIL.	NAMA PENYELIDIK	NAMA PRODUK	NO. PENDAFTARAN HARTA INTELEK	NAMA SYARIKAT	NILAI PENDAPATAN (RM)
1	Prof. Madya Dr. Mustafa bin Ibrahim	<i>Holy Scriptures Incinerator With Ash Collecting Means</i>	P12016704238	IBTIKAR KIK SDN BHD	15,000.00
2	En. Shahir bin Yahya	<i>Portable Training Set For Hajj Course</i>	CRAR00000695	FEIJOA RESOURCES SDN BHD	15,000.00
3.	Prof. Madya Dr. Salihatun Md Salleh	<i>Tooth Brush Simulator</i>	16-E0183-0101	FNS PLT	2,500.00
4.	Prof Madya Dr. Fadzelly Abu Bakar	<i>Diabe Tea</i>	2016006688	Hero Heros Enterprises	10,000.00
JUMLAH					42,500.00

ENDOWMEN DAN HADIAH

Penubuhan Tabung Endowmen Universiti Tun Hussein Onn Malaysia secara umumnya bertujuan membantu Universiti dalam meningkatkan penjana pendapatan. Pendekatan ini sedikit sebanyak dapat menyemai semangat kekitaan dan permuafakatan dalam mengumpul dana endowmen universiti bagi tujuan berikut:

1. Membiayai aktiviti-aktiviti yang melibatkan penyelidikan dan inovasi.
2. Membiayai aktiviti-aktiviti yang berteraskan kepada kebajikan pelajar UTHM.
3. Membiayai kos berkaitan pembentukan Kursi Profesor seperti membayar elaun dan aktiviti penyelidikan.
4. Membiayai insentif pencapaian pegawai yang terlibat dengan penjana dana endowmen tertakluk kepada kadar yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pemegang Amanah Universiti.
5. Membiayai kos pengurusan dan operasi berkaitan endowmen (tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Pemegang Amanah Endowmen Universiti/Jawatankuasa baharu yang ditubuhkan).
6. Membiayai aktiviti yang difikirkan sesuai tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Amanah Endowmen Universiti.

ENDOWMEN (TUNAI/ IN-KIND)

Jumlah endowmen tunai dan in-kind sehingga pada 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

BIL.	SUMBANGAN ENDOWMEN	JUMLAH/ NILAI (RM)
1	Tunai	426,948.74
2	In-Kind	983,242.00
JUMLAH		1,410,190.74

PENERBITAN**SENARAI PENERBITAN JURNAL UTHM 2016**

BIL.	ISSN	NAMA JURNAL	JILID
1	1985-854X	<i>International Journal of Integrated Engineering</i>	Vol 8, No 1 (2016) Vol 8, No 2 (2016)
2	2229-8460	<i>Journal of Science and Technology</i>	-
3	2229-8932	<i>Journal of Technical Education and Training</i>	Vol 8, No 1 (2016)
4	2229-8940	<i>Journal of Techno Social</i>	VOL 8, NO 1 (2016)
5	2180-3242	<i>International Journal of Sustainable Construction Engineering and Technology</i>	Vol 7, No 2 (2016) Vol 7, No 1 (2016)
6.	2289-7224	<i>Journal of Technology Management and Business</i>	Vol 3, No 2 (2016) Vol 3, No 1 (2016)

SENARAI PENERBITAN MODUL TAHUN 2016

BIL	ID PENERBITAN	TAJUK MODUL	KOD KURSUS	FAKULTI
1	10-0142	Mandarin Language Level 1	UWB 11702	PPB
2	10-0143	Japanese Language Level 1 (2016 Edition)	UWB 10802	PPB
3	10-0144	Module De Francais Niveau I	UWB 11402	PPB
4	08-0145	Projek Diploma	DAT 21104	PPD
5	08-0146	Hydrology	DAC 20902	PPD
6	02-0147	Electrical Engineering Laboratory Ii	BEF 24201	FKEE
7	08-0148	Dot Net Programming	DAT 20903	PPD
8	10-0149	La Lengua Española - Nivel 1	UWB 11902	PPB
9	10-0150	La Lengua Española - Nivel 1	UWB 11102	PPB
10	08-0151	Fundamentals Of Computer Architecture	DAT 10403	PPD
11	02-0152	Electrical Engineering Laboratory I	BEF 23401	FKEE
12	02-0153	Power Engineering Laboratory Iv	BEF 45401	FKEE
13	02-0154	Digital Signal Processing	BEE 30503	FKEE
14	08-0155	Engineering Laboratory I	DAM20601	PPD
15	06-0156	Pengurusan Projek	BBP 20402	FPTV
16	08-0157	Geotechnical Technology	DAB 20402	PPD
17	05-0158	Engineering Drawing	BPD 10102	FPTP
18	01-0159	Nature Conservation	BFC 10202	FKAAS
19	02-0160	Power Engineering Laboratory Iii	BEF 45101	FKEE
20	10-0161	Japanese Language Level 2 (Edition 2016)	UWB 20802	PPB

21	08-0162	Highway And Geotechnical Engineering Laboratory	DAC 31601	PPD
22	08-0163	Computer Algorithm	DAT 13303	PPD
23	08-0164	Engineering Drawing	DAC 10103	PPD
24	08-0165	Hidraulik	DAC 21003	PPD
25	11-0166	Construction Engineering Technology And Management V1	BNP21103	FTK
26	11-0167	Construction Engineering Technology And Management V2	BNP21104	FTK
27	06-0168	Kepimpinan Dan Penyeliaan	BBP 20302	FPTV
28	08-0169	Structural Analysis	DAC 31502	PPD
29	08-0170	Construction Technology	DAB 20503	PPD
30	10-0171	Kenegaraan Dan Pembangunan Mutakhir Malaysia Versi Ke-3	UWS 10103	PEJABAT LAIN
31	08-0172	Bahan Kejuruteraan Awam	DAC 10402	PPD

SENARAI PENERBITAN BUKU TAHUN 2016

BIL	KATEGORI BUKU	ISBN	INSITUSI	E-BOOK
1	Karya Asli	978-967-0764-40-5	FPTP	
2	Karya Suntingan	978-967-0764-32-0	USM	
3	Karya Suntingan	978-967-0764-33-7	USM	
4	Karya Asli	978-967-0764-44-3	FPTP	
5	Karya Asli	978-967-0764-50-4	FPTP	
6	Karya Asli	978-967-0764-51-1	FPTP	
7	Karya Suntingan	978-967-0764-39-9	FPTP	
8	Karya Asli	978-967-0764-55-9	FSTPI	
9	Karya Asli	978-967-0764-53-5	FKMP	
10	Karya Asli	978-967-0764-57-3	UiTM PERAK	
11	Karya Asli	978-967-0764-59-7	UPSI	
12	Karya Asli	978-967-0764-69-6	PPD	
13	Karya Penyelidikan	978-967-0764-67-2	FSKTM	
14	Karya Penyelidikan	978-967-0764-58-0	FSTPI	Ya
15	Karya Penyelidikan	978-967-0764-61-0	FKEE	
16	Karya Penyelidikan	978-967-0764-62-7	FKEE	
17	Karya Asli	978-967-0764-68-9	UPM	
18	Karya Suntingan	978-967-0764-70-2	UMS	
19	Karya Asli (SLDN)	978-967-0764-60-3	Kolej Kemahiran Tinggi Kuantan	
20	Karya Asli (SLDN)	978-967-0764-66-5	MARA	

PERSIDANGAN

BIL.	TAJUK PERSIDANGAN	ANJURAN	TARIKH PERSIDANGAN
1	Persidangan Antarabangsa Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan 2016 (ICME 2016)	FKMP	01 - 03 Ogos 2016
2	Persidangan Kebangsaan Autisme Malaysia 2016 (PEKA 2016)	FKMP/PHUM/PHUI	01 - 03 April 2016
3	International Conference on Herbal Science, Technology and Medicine 2016 (HerbSTeM 2016)	FSTPi	29 November - 01 Disember 2016
4	Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan Kali Ketiga 2016 (INSAN 2016)	FSTPi	15 - 16 November 2016
5	2nd International Conference on The Application of Science and Mathematics 2016 (SCIEMATHIC 2016)	FSTPi	29 - 30 November 2016
6	5th World Congress on TVET 2016 (WoCTVET 2016)	FPTV	01 - 02 November 2016
7	International Symposium of Civil and Environmental Engineering 2016 (ISCEE 2016)	FKAAS	05 - 06 Disember 2016
8	Persidangan Antarabangsa 5th International Conference and Entrepreneurship 2016 (5th ICTMBE 2016)	FPTP	10 - 11 November 2016
9	Seminar Kebangsaan MACFEA 2016	TRANSFORM	01 - 02 Disember 2016

Pembangunan Holistik Pelajar dan Kemajuan Alumni

PEMBANGUNAN HOLISTIK PELAJAR DAN KEMAJUAN ALUMNI

UTHM Catat Kutipan Dana Tertinggi Bagi Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor



UTHM melakar sejarah tersendiri apabila menjadi Institut Pengajian Tinggi yang berjaya mengumpulkan dana tertinggi sebanyak RM10,010.50 daripada kutipan aktiviti pelajar kokurikulum untuk Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor (YKTLJ).

Kutipan yang dijalankan ini bertujuan membantu

mengurangkan beban dan sebagai tanda sokongan kepada pesakit kanser.

Wang kutipan dana diserahkan oleh Pengarah Program FIESKOM 2016 yang merupakan pelajar kokurikulum UTHM tahun pertama kepada Raja Zarith Sofiah pada majlis penutup FIESKOM 2016 ini.

UTHM Lancar Kumpulan Perintis Sukarelawan Kanser Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor



UTHM menjadi perintis melahirkan sukarelawan yang berfungsi sebagai duta yayasan dan membantu pesakit kanser serta kerja-kerja amal yang dianjurkan di bawah YKTLJ.

Kumpulan perintis yang dikenali sebagai

Sekretariat Sukarelawan UTHM Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor ini dilancarkan pada majlis perasmian penutup FIESKOM2016 oleh Permaisuri Johor, DYMM Raja Zarith Sofiah.

Atlit UTHM wakili Pasukan Bolasepak Wanita Senior Malaysia ke Kejuaaraan AFF 2016, Myanmar



Atlit UTHM Nurul Hamira Yusma Yusri telah berjaya menyarung jersi skuad kebangsaan bola sepak wanita ke Kejuaaraan AFF yang berlangsung pada 26 Julai hingga 4 Ogos lalu di Mandalay, Myanmar. Kejayaan Nurul Hamira mewakili skuad wanita senior kebangsaan telah mencapai sasaran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk melahirkan 30% atlit negara adalah dari atlit universiti yang digelar 'The Thinking Athlete'.

Kejohanan yang disertai 8 buah negara itu merupakan kejohanan tahunan berprestij

anjuran Asean Football Federation (AFF). Dalam kejohanan tersebut Malaysia menamatkan cabaran kumpulan B ditempat ketiga di belakang Vietnam dan Australia B20. Lebih membanggakan, Nurul Hamira merupakan satu-satunya pelajar universiti yang terpilih dalam skuad kebangsaan yang rata-ratanya dibarisi pemain daripada skuad negeri. Selain itu, Nurul Hamira juga bakal beraksi di temasya Sukan SEA 2017 yang akan berlangsung di Kuala Lumpur tahun hadapan.

Anugerah Pelajar UTHM 2015 iktiraf kecemerlangan pelajar, kelab dan persatuan

Majlis Anugerah Pelajar UTHM 2015 (AP 2015) anjuran Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bersama dengan Pusat-pusat tanggungjawab (PTJ) di bawah HEPA telah diadakan pada 18 Mei 2016 lalu bertempat di Dewan Tunku Mahkota Ismail, UTHM. Selain memberi penganugerahan dan pengiktirafan di peringkat universiti kepada para pelajar yang telah bergiat aktif dalam bidang ko-kurikulum, beberapa kriteria baru juga ditekankan dalam menilai pencalonan yang dikemukakan iaitu tahap impak hasil daripada penganjuran sesuatu program selain keupayaan menjana sumber kewangan bagi membiayai pelaksanaan aktiviti tersebut.

Majlis yang bertemakan Bangsawan mempertandingkan sebanyak 17 kategori iaitu Anugerah Program Terbaik (Akademik),

Anugerah Program Terbaik (Rekreasi), Anugerah Program Terbaik (Khidmat Masyarakat/Sosial/Kebajikan), Anugerah Program Terbaik (Kebudayaan dan Kesenian), Anugerah Program Terbaik (Latihan dan Kepimpinan), Anugerah Program Terbaik (Keusahawanan), Anugerah Pemimpin Harapan, Anugerah Usahawan Siswa Terbaik, Anugerah Pemimpin Kesukarelawan Terbaik, Anugerah Pemimpin Badan Beruniform Terbaik, Anugerah Kelab/Persatuan Terbaik, Anugerah Pemimpin Pertubuhan Pelajar Terbaik, Anugerah Pengarah Program Terbaik, Anugerah Pasukan Kebudayaan Terbaik dan Anugerah Seni Budaya Terbaik. Turut dipertandingkan ialah Anugerah Rakan HEPA dan Anugerah Khas TNC (HEPA) yang mana pelajar dipilih oleh Ketua-ketua PTJ di bawah HEPA dan Timbalan Naib Canselor HEPA berdasarkan kriteria-kriteria tertentu.

Anugerah Kolej Kediaman 2016

Kolej Kediaman merupakan tempat penginapan pelajar yang menyediakan kemudahan dan perkhidmatan untuk kegunaan pelajar bagi meningkatkan pembangunan akademik dan pembangunan modal insan. Menyedari kepentingan Kolej Kediaman dalam pembangunan pelajar UTHM, Majlis Pengetua Kolej-Kolej Kediaman UTHM telah menganjurkan Anugerah Kolej Kediaman 2016 (AKK'16) bagi mengiktiraf dan menghargai komitmen serta

prestasi cemerlang Barisan Kepimpinan Kolej Kediaman dalam menganjurkan program-program demi pembangunan mahasiswa. Majlis anugerah tersebut menyaksikan Kolej Kediaman Perwira telah dinobatkan sebagai Kolej Kediaman Terbaik 2016 dan berjaya membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM500, Piala Pusingan serta Piala Iringan dan Sijil Penghargaan.

Kor SISPA UTHM mendominasi pembentangan oral dan poster di Majlis Seminar Kebangsaan Kor Sipsa

Kor Sipsa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mendominasi 3 Anugerah terbaik daripada bagi semua kategori pertandingan sempena Majlis Seminar Kebangsaan Kor Sipsa Kali ke 5 Tahun 2016 di Universiti Malaysia Pahang Kampus Gambang pada 27 November lalu. Program ini telah bermula pada 25 hingga majlis kemuncak pada 27 November 2016 yang melibatkan seramai 244 kadet Kor Sipsa dan

peserta Angkatan Pertahanan Awam (APM) dari 8 buah universiti awam dan 2 institusi pengajian tinggi swasta. Majlis ini disempurnakan oleh YAS Pesuruhjaya (PA) Datuk Haji Selamat bin Haji Dahalan, Pemangku Ketua Pesuruhjaya, APM di Majlis Penutupan Rasmi Seminar Kebangsaan Kor Sipsa IPT Kali ke 5, 2016 pada 27 November 2016 Di Dewan ASTAKA, UMP Gambang.

Program Kepimpinan Harapan XIV 2016 perkasakan Majlis Kepimpinan Pelajar Kolej Kediaman



Bagi memperkasakan lagi Majlis Kepimpinan Pelajar (MPK) kolej-kolej kediaman Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), seramai 138 orang pelajar telah menyertai Program Kepimpinan Harapan XIV 2016 (PKH XIV 2016) kali ke-14 yang berlangsung pada 17 hingga 19 November lalu bertempat di Kem Bina Negara, Ulu Sepri, Negeri Sembilan. PKH XIV 2016 merupakan satu program pemantapan organisasi Majlis Kepimpinan Pelajar (MKP) kolej-kolej kediaman di peringkat kolej kediaman. Program tahunan Majlis Pengetua-Pengetua Kolej Kediaman ini

telah diselenggarakan oleh Kolej kediaman Tun Fatimah bersama beberapa kolej kediaman lain.

Para peserta terbabit datang dari lima organisasi kolej kediaman yang terdiri daripada Kolej Kediaman Tun Fatimah (KKTF), Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail (KKTDI), Kolej Kediaman Tun Syed Nasir (KKTSN), Kolej Kediaman Perwira (KKP) dan Kolej Kediaman Taman Universiti serta Pelajar Tanpa Asrama. Sepanjang tiga hari program berlangsung, MKP telah didedahkan dengan pelbagai modul sama ada berbentuk latihan dalam kumpulan yang bertujuan membentuk kerjasama pasukan, sehinggalah siri-siri ceramah yang berkisar berkenaan kepimpinan dan etika berorganisasi. Antara modul yang paling mencabar dan memberi impak tinggi ialah modul Amazing PKH XIV, iaitu satu modul explorace dan khidmat masyarakat yang telah disatukan, tugas dalam modul ini memerlukan pelajar untuk menyelesaikan empat checkpoint explorace dan dalam masa yang sama menjalankan khidmat masyarakat sekitar Rembau bagi tujuan mengumpul dana sebanyak RM500 setiap satu kumpulan.

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) anjur Karnival Sukan Muafakat FKMP 2016



Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) buat julung kalinya telah menganjurkan Karnival Sukan Muafakat FKMP 2016. Karnival ini telah dianjurkan oleh Kelab Kebajikan dan Rekreasi Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (MechClub) dengan kerjasama Persatuan Pelajar Mekanikal (PPM). Karnival Sukan Muafakat FKMP 2016 ini telah berlangsung pada 2 hingga 26 November 2016.

Sepanjang karnival sukan ini berlangsung sebanyak 12 acara telah dipertandingkan iaitu bola sepak, tenis, futsal, badminton, bola jaring, ping-pong, bola tampar, bola keranjang, sepak takraw, Dota 2, tarik tali dan diakhiri dengan Larian Muafakat FKMP.

Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri edisi ke-7

Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri 2016 yang berlangsung selama lima hari bermula pada 25 hingga 30 September 2016 ini mendapat sambutan luar dugaan apabila berjaya menarik sejumlah 55 pasukan dari dalam dan luar negara yang berlangsung di Square One Shopping Mall, Batu Pahat, Johor. Kejohanan yang sudah memasuki edisi ketujuh itu mendapat penyertaan cukup

memberangsangkan apabila disertai 870 peserta dengan 42 pasukan tempatan dan 13 pasukan luar negara yang sudah berkampung di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Kejohanan anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi dan UTHM dengan kerjasama Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan RM8,000.00 dan piala.

Malam Kelana Puisi 'Berlari Ke Langit Merdeka' 2016 bawa konsep Muafakat Johor

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menganjurkan program Malam Kelana Puisi "Berlari ke Langit" 2016 yang menampilkan penyair, penulis dan pelajar serta pemimpin kerajaan dan badan bukan kerajaan bagi menyemarakkan lagi sambutan Bulan Kebangsaan. Turut serta para pelajar dan guru daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Tun

Ismail, Parit Raja. Program yang dikelola oleh Unit Seni Budaya dan Warisan, Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTHM ini merupakan anjuran bersama Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Selatan (DBP), Persatuan Penulis Johor (PPJ), Persatuan Sejarah Daerah Batu Pahat (PS), Institut Pendidikan Guru Tun Hussein (IPG), dan Majlis Kebudayaan Daerah (MKD) Batu Pahat.

Pasukan Mendayung UTHM bawa pulang 10 pingat di Kejohanan UTeM Indoor Rowing Championship



Pasukan Mendayung Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) merangkul Johan Keseluruhan dengan membawa pulang empat pingat emas, empat pingat perak dan dua gangsa dalam kejohanan UTeM Indoor Rowing Championship anjuran Universiti Teknikal Malaysia (UTeM) yang berlangsung pada 6 hingga 8 Mei 2016.

Pingat Emas diraih oleh Mohd Zulfadli Bin Rozali (Men Open 2000m), Muhamed Ridhwan Yaacob (Men Open 1000m), Syed Muhammad

Iskandar Putra Syed Abdul Fattah Sallahudin (Men Open 500m) serta Pasukan Men Relay 2000m – UTHM A. Manakala pingat Perak pula diraih oleh Ahmad Fuad Mat Yusoff (Men Open 500m), Syarifah Che Mahadi (Women Open 2000m), Fatim Syahirah Muhamed Yatim (Women Open 500m) dan Pasukan Men Relay 2000m – UTHM C. Dua pingat Gangsa pula dibawa pulang oleh Sarimatul Aziera Mohd Azmi (Women Open 500m) dan Pasukan Women Relay 2000m – UTHM A.

Lawatan Kerja Delegasi Universiti Lancang Kuning ke Kolej Kediaman Tun Dr Ismail.



Lawatan Kerja Delegasi Universiti Lancang Kuning (Unilak) ke Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail ini telah memberi impak yang positif serta memberi pendedahan yang baik bukan sahaja kepada para pelajar namun para jemputan dari pihak UTHM sendiri yang menyertai program ini. Hal ini kerana, program ini mewujudkan hubungan

dua hala melangkaui sempadan antara UTHM serta UNILAK. Sehubungan dari itu, banyak ilmu baru yang dapat ditimba memandangkan cara organisasi di Indonesia dan Malaysia adalah berbeza sama sekali. Dalam pada itu, program ini dapat menimba pengalaman kepada mahasiswa dan mahasiswi.

Titisan Kasih Autisme



Program "TITISAN KASIH AUTISME" dikendalikan oleh Biro Akademik dan Intelktual serta Biro Kerohanian dan Etika, Jawatankuasa Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia yang diadakan pada 14 Oktober 2016 sehingga 15 Oktober 2016 di Pusat Psikologi dan Rehabilitasi Atfal Jannah, Selangor telah dilaksanakan dengan jayanya. Seramai 40 orang telah mengikuti program ini, termasuk Felo, Pembantu Felo dan Majlis Kepimpianan Pelajar. Idea ini telah dilontarkan oleh jawatankuasa kolej kediaman untuk melaksanakan satu program yang memberi peluang kepada penglibatan ahli jawatankuasa Kolej Kediaman Tun Dr Ismail dengan pihak Atfal Jannah. Program ini juga dapat mewujudkan dan meningkatkan kesedaran tentang kanak-kanak Autism kepada mahasiswa.

Program Thailand Entrepreneurship And Academic Mobility 2016 (TEAM 2016)



Program mobiliti keluar negara ini disertai seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada 24 orang pelajar dan 6 orang pengiring telah mengikuti satu program mobiliti iaitu Program Thailand Entrepreneurship Mobility 2016 anjuran Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail UTHM. Ia merupakan lawatan keusahawanan sambil belajar yang berada di sekitar Hatyai, Thailand. Program ini berlangsung selama 4 hari 3 malam bermula dari 20 hingga 23 Oktober 2016.

Stateless People in Sabah (STEPS)



Negeri Sabah mempunyai banyak komuniti yang terdiri daripada suku kaum Bajau yang kebanyakannya berasal dari Filipina dan majoriti masih tidak mendapat sebarang kerakyatan serta keperluan hidup yang lengkap. Usaha mahasiswa/i untuk membantu mereka terutamanya kanak-kanak dari segi makanan,

pakaian, pendidikan, wang serta tenaga kerja bagi memulihkan keadaan tempat tinggal mereka dilihat sebagai salah satu inisiatif terbaik yang boleh dilaksanakan dari peringkat akar umbi lagi. Program ini diadakan pada 3 hingga 5 November 2016 di salah satu kampung air di Kota Kinabalu, Sabah.

Melalui program ini, mahasiswa/i menunjukkan kecaknaan terhadap kepentingan perkhidmatan kepada komuniti serta berinteraksi dalam pelbagai medium bagi mendapatkan kata sepakat daripada kelompok berbeza. Selain daripada itu, memupuk semangat kecintaan terhadap budaya tolong-menolong, bantu-membantu sesama masyarakat serta berganding bahu dengan badan kerajaan dan bukan kerajaan dalam menjaga kebajikan komuniti Bajau di Sabah.

Orang Kita, Bakti Kita



Program yang disertai oleh mahasiswa/i UTHM ini bertujuan untuk mendekati komuniti orang asli Kampung Pos Raya, Simpang Pulai Perak pada 10 hingga 12 November 2016. Antara aktiviti sepanjang di kampung orang asli termasuklah gotong-royang sebelum diteruskan dengan penyampaian sumbangan ke 5 buah rumah penduduk. Hari kedua dan ketiga pula para peserta dibawa untuk menerokai Gua Tempurung serta diberikan peluang untuk merasai sendiri aktiviti lasak water rafting. Program ini melibatkan peserta seramai 40 orang dari Majlis Kepimpinan Pelajar KK Tun Dr. Ismail, pelajar KKTDI dan pelajar tanpa asrama.

Gerakan Subuh Berjemaah



Program ini dijalankan bagi meningkatkan kesedaran pelajar berkenaan dengan kepentingan solat berjemaah dan memperkukuhkan paradigma tauhid pelajar. Program dijalankan di semua surau Kolej Kediaman dan dijalankan secara berperingkat sebanyak 2 fasa.

New Beautiful Me

Program yang diadakan pada 25 November 2016 dianjurkan bertujuan untuk memberi peransang kepada pelajar wanita di dalam pembentukan diri yang sempurna dan hebat. Program dimulakan dengan ceramah ringkas daripada pihak pakar perunding kecantikan mengenai kecantikan luaran dan dalaman seorang wanita. Seterusnya, program berjalan dengan aktiviti tutorial kecantikan yang dijalankan oleh pakar perunding kecantikan dan aktiviti ini dijalankan dalam lebih kurang 1 jam. Kemudian, satu pertandingan mengenai kecantikan dijalankan. Penyertaan melibatkan 50 orang peserta bersama 15 orang perunding kecantikan.



4th K-Car Mega Gathering



Program yang diadakan berkonsepkan Khidmat Masyarakat ini pada 21 Mei 2016, bertempat di Padang Kawad UTHM dihadiri lebih dari 300 buah kereta Perodua Kancil. Program ini bertujuan mengumpulkan pelbagai jenis kenderaan dari Zon Selatan. Pelbagai aktiviti dijalankan

antaranya adalah pameran kesemua jenis ubah suai yang dibuat ke atas kenderaan bersama jualan di dalam kereta atau Car Booth Sale. Sebanyak 916 buah kenderaan berjaya dibawa masuk dengan kunjungan sebanyak 1500 orang bagi memeriahkan program ini.

Derma Darah " Share Life, Give Blood"



Program bertemakan "Share Life, Give Blood" ini merupakan program derma darah yang berlangsung pada 22 November dan 20 Disember 2016 dan berlangsung setiap bulan bagi mengikut keperluan pada pihak hospital. Pihak hospital yang terlibat bagi pengumpulan darah adalah Hospital Enche Besar Hajjah

Kalsom, Kluang dan berjaya mengumpulkan sebanyak 60 beg darah mengikut keperluan pihak hospital. Program ini berlangsung dari jam 9.00 pagi sehingga jam 3 petang dan ia nya mendapat sambutan yang sangat baik dari para pelajar dan staf UTHM.

Go Green TF 2016

Program berkonsepkan rekreasi dan khidmat masyarakat, Go Green TF 2016 berlangsung pada 25 Mac 2016 bertempat di Sekitar Kolej Kediaman Tun Fatimah telah berjaya menanam pelbagai pokok buah-buahan dan bunga. Penyertaan seramai 250 ini berjaya menanam dan mewujudkan taman kaktus.



Program Forum Pernikahan Vs Pelajaran



Forum "Pernikahan vs Pelajaran" ini merupakan program kemasyarakatan yang dianjurkan oleh Biro Kerohanian dan Etika (BKE) Majlis Kepimpinan Pelajar, Kolej Kediaman Tun Fatimah (MKP KKTf). Program ini berlangsung pada 20 Mei 2016 (Jumaat) di Parkir kenderaan Kolej Kediaman Tun Fatimah dan Tun Dr Ismail. Pengisian disampaikan oleh Ustazah Fatimah Syarha dan Dr Farhan Hadi sebagai panel jemputan.

Kem Motivasi Smart Khalifah



Program Smart Khalifah ini, dijalankan pada 21 hingga 23 April 2016. Seramai 10 Orang Pelajar Dari Sk Seri Mendapat, 10 Orang Dari Pelajar Sk Sabak Uni, 10 Orang Dari Sk Pintas Puding Dan 10 Orang Dari Sk Jelutong mengikuti program ini.

A. AKTIVITI PELAJAR FAKULTI/PTJ BERKAITAN

BIL	NAMA PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT	PENCAPAIAN / ANUGERAH DIPEROLEHI	RINGKASAN PROGRAM
1	Program aktiviti pelajar P3P	Jan- Dis	Pelbagai tempat	Program telah dilaksanakan	39
2	Program aktiviti FKAAS	Jan- Dis	Pelbagai tempat	Program telah dilaksanakan	31
3	Program aktiviti pelajar FKMP	Jan- Dis	Pelbagai tempat	Program telah dilaksanakan	25
4	Program aktiviti pelajar FKEE	Jan- Dis	Pelbagai tempat	Program telah dilaksanakan	24
5	Program aktiviti pelajar FPTV	Jan- Dis	Pelbagai tempat	Program telah dilaksanakan	68
6	Program aktiviti pelajar FPTP	Jan- Dis	Pelbagai tempat	Program telah dilaksanakan	26
7	Program aktiviti pelajar FSKTM	Jan- Dis	Pelbagai tempat	Program telah dilaksanakan	13
8	Program aktiviti pelajar FSTPI	Jan- Dis	Pelbagai tempat	Program telah dilaksanakan	18
9	Program aktiviti pelajar PPD	Jan- Dis	Pelbagai tempat	Program telah dilaksanakan	18
10	Program aktiviti pelajar FTK	Jan- Dis	Pelbagai tempat	Program telah dilaksanakan	42
JUMLAH KESELURUHAN					304

MOBILITI PELAJAR KE LUAR NEGARA

BIL	NAMA PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
1	Bridge Design Competition NTU Singapore	19 - 20 Mac 2016	Singapura
2	Mobiliti Outbound Pelajar FSTPi/PPB Ke Hokkaido dan Nagaoka	7 - 14 April 2016	Jepun
3	Mobiliti Outbound Pelajar FKAAS ke Vietnam	27 April - 2 Mei 2016	Vietnam
4	Latihan Mengajar Pelajar FPTV ke Yogyakarta Indonesia	24 Julai - 19 Ogos	Indonesia
5	Mobiliti Outbound Pelajar FPTP ke Korea Selatan	8 - 13 Oktober 2016	Korea Selatan
6	Mobiliti Outbound Pelajar FTK ke Perth	17 - 24 November 2016	Australia
7	Mobiliti Outbound Pelajar FKEE ke Taiwan	24 - 28 Oktober 2016	Taiwan
8	Mobiliti Outbound Kor Sispa ke Aceh	28 - 31 Oktober 2016	Indonesia
9	Mobiliti Outbound Pelajar FSTPi/ Krabi Entrepreneurship and Academic Mobility (KREAM)	25 November - 4 Disember 2016	Thailand
10	Mobiliti Outbound Pelajar FPTV ke Korea Selatan	1 - 6 Disember 2016	Korea Selatan
11	Program Mobiliti Pelajar (Outbound) Ke Luar Negara 2016 (Singapura)	Oktober - Disember 2016	Singapura
12	Mobiliti Inbound Pelajar Universitas Negeri Yogyakarta ke FPTV	Julai - Ogos 2016	Indonesia
13	Mobiliti Inbound Pelajar Muhammadiyah Surakarta ke FKAAS	28 Ogos - 14 Januari 2017	Indonesia
14	Kejohanan Silat Seni Asli (Singapura - 3 pelajar; Indonesia - 21 pelajar)	13 - 14 Mei 2016	Singapura dan Indonesia
15	Lawatan Institut Zikir Yala ke UTHM	Mei 2016	Indonesia
16	Mobiliti "World Calss Teachers 2016" FPTV ke Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta	16 - 21 Disember 2016	Indonesia
17	Mobiliti Outbound Latihan Industri Ke Luar Negara, Yogyakarta	3 - 31 Disember 2016	Indonesia

SUMBANGAN AKTIVITI PELAJAR KEPADA MASYARAKAT

BIL	NAMA PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
1	Program Khidmat Masyarakat 10 Daerah Negeri Johor (Pusat Pembangunan dan Pengembangan Pelajar)	24 - 26 November 2016	Felda Chemplak Labis, Segamat
2	Program Khidmat Masyarakat 10 Daerah Negeri Johor (Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar)	8 - 10 Disember 2016	Kg. Hj. Ghaffar, Yong Peng
3	Program Khidmat Masyarakat 10 Daerah Negeri Johor (Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan)	8 - 9 Disember 2016	Kg. Sedili Kechil, Tanjung Sedili, Kota Tinggi
4	Program Khidmat Masyarakat 10 Daerah Negeri Johor (Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat)	24 - 26 November 2016	Kg. Johor Lama, Kota Tinggi
5	Program Khidmat Masyarakat 10 Daerah Negeri Johor (Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan)	8 - 10 Disember 2016	Kg. Orang Asli, Taman Desa Seri Banang, Batu Pahat
6	Program Khidmat Masyarakat 10 Daerah Negeri Johor (Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional)	8 - 10 Disember 2016	Kg. Parit Tengah, Rengit
7	Program Khidmat Masyarakat 10 Daerah Negeri Johor (Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan)	8 - 10 Disember 2016	Kg Shari, Simpang Renggam
8	Program Khidmat Masyarakat 10 Daerah Negeri Johor (Fakulti Teknologi Kejuruteraan)	15 - 17 September 2016	Kg. Felda Tungal, Kota Tinggi
9	Program Khidmat Masyarakat 10 Daerah Negeri Johor (Pusat Pengajian Diploma)	16 - 17 Disember 2016	Felda Maakil, Labis
10	Program Khidmat Masyarakat "Pembinaan Diutamakan, Beban Diringankan, Senyuman Diukirkan"	25 - 26 Disember 2016	Jln. Baru, Parit Raja, Batu Pahat
11	Sinar Aidiladha di Medan, Kelab Kaunseling dan Kerjaya KKDK	9 - 13 September 2016	Medan, Indonesia


BIL	PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
1	Graduate Employability Awareness Refinement (GEAR) - Batch 3	Bilik Tutorial 7, Perpustakaan UTHM	17 - 30 Januari 2016
2	Bengkel "Graduate Employability" (GE)	Dewan Jemah, Perpustakaan UTHM	27 Januari 2016
3	Program Jejak Alumni UTHM Industri 2016, Zon Selatan Siri 1	Country Garden Danga Bay, UEM Sunrise Nusajaya	16 Februari 2016
4	Bengkel Karnival Kerjaya UTHM 2016	Bilik Seminar 1, FKEE	22 Februari 2016
5	Program Grooming to Success	Al-Jazari Auditorium, Perpustakaan UTHM	14 Mac 2016
6	Program Lawatan Karnival Kerjaya UTM 2016	Dewan Sultan Iskandar, UTM	21 Mac 2016
7	Program Jejak Alumni UTHM Industri 2016, Zon Selatan Siri 2	Gerbang Nusajaya, Country Garden Forest City	22 Mac 2016
8	Program Lawatan Career Fair SFCF - Northern Region 2016 UniMAP	Dewan Ilmu, Pauh Perlis	24 - 25 April 2016
9	Program I'm The Pilot of My Future	Dewan Tunku Mahkota Ismail (DTMI) UTHM	8 Mei 2016
10	Campus Interview JST Connectors Sdn. Bhd.	UTHM/JST Connectors	24 Mei 2016
11	Program Big Data Analytics Hackathon 2016 Training Programme	Makmal PTM 1, UTHM	19 Julai - 3 Ogos 2016
12	Program National Big Data Analytics Hackathon 2016 Competition	UTM	3 - 4 Ogos 2016
13	Program Lawatan Sector Focus Career Fair UPSI 2016	Dewan SITC, Kampus Sultan Abdul Jalil, UPSI	25 - 26 September 2016
14	Temuduga Kerjaya SLIM Peringkat Zon Selatan	Persada Johor, Johor Bahru	12 - 13 Oktober 2016
15	Campus Interview Malayan Flour Mills (M) Berhad	Bilik Mesyuarat P3P, UTHM	17-Nov-16
16	Program Boot Camp Oil and Gas	Dewan 1 dan Dewan Kuliah A, UTHM	18 - 19 November 2016
17	Program Khidmat Masyarakat 10 Daerah Negeri Johor 2016	10 Daerah Negeri Johor	Oktober hingga November 2016
18	Program Mobiliti Pelajar (Outbound) Ke Luar Negara 2016 (Singapura)	Singapura	Oktober hingga November 2016
19	Temuduga Dyson	Dyson Johor Bahru	16 Ogos 2016
20	Temuduga Coca-cola Malaysia	Coca-Cola Malaysia, Bandar Enstek	27 Julai 2016
21	Temuduga Starson Industry Sdn Bhd	Starson Industry, Senai, Johor	13 Mei 2016
22	Temuduga Gleneagles Kota Kinabalu	Gleneagles Kota Kinabalu	16-Apr-16
23	Temuduga Country Garden	Country Garden Johor Bahru	15-Nov-16

BIL	NAMA PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
1	Program Starting School	18 Februari 2016,	B6 Bilik kuliah PNS, UTHM.
2	Kem Total Recall	25-27 Februari 2016	Kem Solok Sengkuang D, Village, Rembau Negeri Sembilan
3	Program Academic Excellence (untuk pelajar Diploma)	10 hingga 13 Mac 2016	Hotel 11@ Century, Johor Bharu, Johor
4	Program Academic Excellence (Untuk pelajar Ijazah)	17 hingga 19 Mac 2016	Hotel 11@ Century, Johor Bharu, Johor
5	Program Let,s Do It 2016	10- 12 Mac 2016	Kem Solok Sengkuang D, Village, Rembau Negeri Sembilan
6	Program Pemantapan Kerjaya, Program untuk staf UTHM	15-17 Mav 2016,	Chalet Bina Rabiatul Adawiyah, Durian Tunggul, Melaka
7	Let,s Have Some English	17-19 Mac 2016	Century Hotel, Johor Bahru
8	Program Academic Excellence (Sarjana Muda)	31 Mac – 02 Apr 2016	Hotel 11@ Century, Johor Bahru, Johor
9	Program Stres & Anger Management	31 Mac – 02 Apr 2016	Savannah Hill Resort, Ulu Tiram, Johor Bahru
10	Program paradigma insan hebat	30-Mar-16	Dewan Al Farabi, Pusat Islam
11	IPT Young Motivator Competition 2016 (I-MAC 2016) Peringkat Akhir UTHM	16 April 2016,	Ruang Legar, Bangunan Hal Ehwal Pelajar UTHM
12	Program Selangkah ke Menara Gading 2016	14 – 16 Apr 2016	Sekitar UTHM
13	Program Kaunseling Di Hati	21 – 23 April 2016	Hotel 11@ Century, Johor Bahru, Johor
14	Program Better Your Self	05 – 07 Mei 2016	Solok Sengkuang D'Village Rembau, Negeri Sembilan
15	Program Ready to Success	12 – 14 Mei 2016	Hotel 11@ Century, Johor Bahru, Johor
16	Program Towards First Class Bersama NLP UTHM	18-May-16	Dewan Al-Farabi, Pusat Islam UTHM
17	Program Sakinah D'IPT 2016 (Menuju Cinta Sakinah)	26-May-16	Dewan Tunku Ibrahim Ismail (DTMI) UTHM
18	Fully Charged	19 – 21 Mei 2016	Solok Sengkuang D'Village Rembau, Negeri Sembilan
19	Program Starting School	03-Jun-16	B6 Bilik kuliah PNS, UTHM.
20	Bengkel TOT Starting School	10-Aug-16	Bertempat di Bilik Seminar, Pejabat Pendaftar, UTHM
21	Penyediaan Modul Baru Program Starting School	22-24 Ogos 2016	Dewan 4, UTHM
22	Program Starting School (Kumpulan Engineering)	02 September 2016,	bilik-bilik kuliah di Bangunan G3, Blok B6 dan Blok PNS
23	Program Starting School (Kumpulan Non Engineering)	03-Sep-16	Bangunan G3, Blok B6 dan Blok PNS
24	Seminar Adam dan Hawa	05-Sep-16	Makmal Studio Pendidikan, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
25	Seminar Sharing Is Caring	20-Sep-16	Makmal Studio Pendidikan, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
26	Program Towards 1st Class	29 September – 01 Oktober 2016	D' Nelayan Beach Resort, Melaka
27	Program Academic Excellence (Diploma)	13 – 15 Oktober 2016	D' Nelayan Beach Resort, Melaka
28	Program Khidmat masyarakat Di Medan, Indonesia	8-13 September 2016	Medan, Indonesia
29	Pembimbing Rakan Sebaya	22-24 September 2016	Kem Nur Bukit Unggul, Sepang

30	Program Jati Diri	13-15 Oktober 2016	Solok Sengkuang D'village Camp
31	Jom Jumpa Kaunselor	02-Nov-16	Ruang legar, Bangunan Hal Ehwal Pelajar UTHM
32	Program Usahawanan Muda " Jom Niaga"	10-12 November 2016	Savanna Hill Resort, Ulu Tiram, Johor Bahru, Johor
33	Seminar "Jiwa Ok, Semua Ok"	14-Nov-16	Dewan Al- Farabi. UTHM
34	Program Academic Excellence (Pelajar Ijazah)	3-5 November 2016	Savanna Hill Resort, Ulu Tiram, Johor Bahru, Johor
35	Program Last Sprint	10-13 November 2016	PD Sanctuary Camp dan Apartment, Negeri Sembilan

STATISTIK ALUMNI 2016

Pada tahun 2016 bilangan graduan UTHM berjumlah 35,167 orang dan daripada jumlah tersebut 31,388 adalah jumlah Alumni UTHM. Sehingga berakhir tahun 2016, UTHM berjaya mengesan Alumni UTHM berjumlah 23,059 daripada jumlah keseluruhan Alumni.



Rajah 15: Statistik Alumni UTHM 2016

STATISTIK MENGIKUT SEKTOR PEKERJAAN

Jadual 19 : Statistik Alumni Mengikut Sektor Pekerjaan

SEKTOR PEKERJAAN	JUM. (%)
KERAJAAN	45.27
SWASTA	20.26
USAHAWAN	1.12
MELANJUTKAN PELAJARAN	12.16
LAIN-LAIN***	21.16

***Tidak Bekerja, Tidak Dikesan & Tiada Maklumat


Jadual 19 di atas menunjukkan Alumni UTHM mengikut sektor pekerjaan berdasarkan kepada Alumni yang telah membuat pengemaskinian maklumat dan alumni yang dikesan sehingga 31 Disember 2016. Berdasarkan statistik ini

menunjukkan Sektor Kerajaan mempunyai bilangan Alumni UTHM yang ramai bekerja di sektor tersebut yang mewakili 45.27 % dengan diikuti sektor Swasta iaitu 20.26% dan usahawan atau bekerja sendiri hanya 1.12% sahaja.

STATISTIK KAJIAN PENGESANAN GRADUAN (SKPG) KPT GRADUAN UTHM SEMASA KONVOKESYEN 2016

Jadual 20: Kadar Respons Graduan UTHM 2016


Bulan Konvo	Graduan	Responden	Kadar Respons
10	3,503	3,412	97.40
Jumlah	3,503	3,412	97.40



Jadual 20 adalah menunjukkan statistik bilangan graduan UTHM pada tahun 2016 iaitu seramai 3,503 graduan. Daripada jumlah tersebut seramai 3,412 graduan bersamaan dengan 97.40 % telah

menjawab Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) semasa Konvokesyen 2016 yang berakhir pada 31 Disember 2016.


Rajah 16: Status Pekerjaan Graduan 2016



Rajah 16 adalah menunjukkan pecahan graduan mengikut status pekerjaan daripada jumlah keseluruhan graduan yang telah menjawab kajian ini iaitu 47.60% graduan telah mendapat pekerjaan manakala graduan yang belum bekerja ialah 24.41%. Daripada statistik ini juga graduan UTHM tidak bekerja adalah disebabkan mereka sedang melanjutkan pengajian yang lebih tinggi dan juga mengikuti latihan meningkat kemahiran yang masing-

masing mewakili 21.66% dan 2.66%. Graduan yang masih menunggu penempatan pekerjaan adalah 4.07% sahaja. Walau bagaimanapun status graduan yang Melanjutkan Pengajian, Meningkatkan Kemahiran dan Menunggu Penempatan Pekerjaan adalah dikira dalam kategori Telah Bekerja dan ianya telah mewakili keseluruhan Kebolehpasaran Graduan (GE) UTHM semasa Konvokesyen 2016 ialah **75.59%**.

STATISTIK KEMAMPUAN KERJA GRADUAN (GE) GRADUAN UTHM KONVOKESYEN 2015 YANG DIKEMASKINI SEHINGGA 31 DISEMBER 2016



Rajah 17 : Statistik Kebolehpasaran Graduan (GE) UTHM Graduan KONvokesyen 2015 Yang Dikemaskini Sehingga 31 Disember 2016

Rajah 17 di atas adalah statistik GE graduan UTHM yang berkonvokesyen pada tahun 2016 yang telah dikemaskini maklumat pekerjaan mereka sehingga 31 DseMBER 2016 mengikut fakulti. Graf berwarna biru adalah data GE semasa Konvokesyen 2015 manakala yang Berbelang Merah adalah data GE yang telah dibuat pengemaskiniaan status pekerjaan mereka

sehingga 31 Disember 2016. Berdasarkan jadual di atas GE UTHM secara keseluruhan semasa konvokesyen 2015 yang dikeluarkan oleh KPT adalah 74.41% . Selepas dibuat pengemaskinian maklumat status pekerjaan mereka sehingga 31 Disember 2016 GE UTHM telah meningkat kepada 91.41%.

JEJAK ALUMNI INDUSTRI 2016, SIRI 1 ZON SELATAN

COUNTRY GARDEN

Program Jejak Alumni Industri 2016, Siri 1 Zon Johor kali ini membuka tirai menerusi lawatan Pusat Kemajuan Dan Hubungan Alumni (CARE) bersama Jabatan Kerjaya Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, (UTHM) ke industri terkemuka di negeri Johor.

Perjumpaan bersama alumni dan pengurusan industri diketuai oleh Pengarah CARE, Prof. Madya Dr. Adnan Zainorabidin dan Ketua Jabatan Kerjaya, Dr. Khalid Isa telah menyentuh pelbagai aspek antaranya seperti peluang kerjaya dan maklumat data alumni selain merapatkan Jalinan Hubungan Industri.

Program bermula dengan lawatan Jejak Alumni yang bekerja di Country Garden, Danga Bay, Johor Bahru di mana menerusi lawatan itu pihak CARE telah bertemu dengan 2 alumni yang berkhidmat di sana iaitu Ting Tieu Hun, sebagai



UEM SUNRISE

Eksekutif Pengurusan Harta dan Chai Meng Lee, Eksekutif Projek.

Pertemuan ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat alumni-alumni lain yang turut berkhidmat di sana, selain mendapatkan informasi berkaitan peluang kerjaya yang boleh ditawarkan kepada graduan UTHM. Hasil daripada perjumpaan itu pihak CARE telah dimaklumkan seramai 6 lagi alumni turut bekerja di situ.

Jejak Alumni kemudian berkunjung ke UEM Sunrise Berhad bagi mengadakan perbincangan di sana bersama Pn. Sharifah Haryati Syed Mahmood, Pengurus. Turut bersama 4 orang alumni yang bekerja di situ iaitu Mohamad Syafiq Ridhwan, Muhamad Abdul Hakim Nasurudin, Muhamad Yusri Sapieh dan Mohd Syazwan Zakaria.

BENKEL PERANCANGAN PELAN STRATEGIK ALUMNI 2016-2020

Seramai 40 alumni Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dari pelbagai latar belakang merangkumi sektor dan komuniti alumni yang terdiri daripada Jawatankuasa Hubungan Alumni Fakulti, Sekretariat Alumni Mahasiswa UTHM (UTHMass), Ketua Hubungan Alumni Negeri, wakil-wakil alumni sektor usahawan, industri dan swasta serta Persatuan Alumni UTHM (UTHMa) telah terlibat dalam Bengkel Pelan Strategik Alumni 2016-2020 bertempat di Bilik Seminar Sri Jati 4, Hotel Klana Resort, Seremban.

JEJAK ALUMNI INDUSTRI 2016, SIRI 2 ZON SELATAN



Pusat Kemajuan Dan Hubungan Alumni (CARE), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bersama Jabatan Kerjaya UTHM telah singgah ke syarikat Gerbang Nusajaya Sdn. Bhd dan Forest City pada program Jejak Alumni Industri 2016, Siri 2 Zon Selatan untuk bertemu alumni yang bertugas di sana.

Kunjungan bermula di syarikat Gerbang Nusajaya Sdn. Bhd. yang terletak di Taman Kempas Utama, Johor Bahru itu telah menemukan delegasi lawatan bersama dengan 2 dari 6 orang alumni UTHM yang bekerja di sana iaitu Muhammad Syakir Mohd Wazir sebagai Corporate Executive Planning dan Siti Nur' Hamidah Nordin sebagai Executive.

Pada sesi perjumpaan alumni telah turut serta Pengarah Eksekutif, En. Ahmad Fakhru-Din Mat Ghaneer yang menerima baik kehadiran pihak UTHM yang sentiasa mengambil berat hal ehwal berkaitan alumni UTHM yang berkhidmat di syarikat itu.

Menurut beliau, Gerbang Nusajaya sentiasa komited menyediakan peluang kerjaya kepada graduan dari UTHM khususnya dalam bidang kejuruteraan untuk diserap bekerja di bawah syarikat tersebut atas faktor kualiti dan disiplin yang tinggi ditunjukkan oleh setiap alumni UTHM. Dalam perkembangan berkaitan, Gerbang Nusajaya merupakan sebuah syarikat kejuruteraan awam dan pembinaan syarikat yang dinamik yang menyediakan sokongan penting kepada sektor industri utama seperti pembangunan infrastruktur, bangunan, pembinaan dan telekomunikasi.

Delegasi lawatan seterusnya berkunjung ke syarikat Forest City yang terletak di Gelang Patah, Johor. CARE telah bertemu dan beramah mesra dengan alumni yang berkhidmat di sana dan menyampaikan cenderahati sebagai tanda penghargaan dari pihak universiti.

JEJAK ALUMNI INDUSTRI 2016, SIRI 3 ZON SELATAN



Program Jejak Alumni Industri 2016 Siri 3 Zon Selatan, Pusat Kemajuan Dan Hubungan Alumni (CARE) telah bertemu alumni yang bekerja di Syarikat Proharta Consultancy Sdn. Bhd negeri Melaka cawangan Bukit Piatu.

Delegasi CARE diketuai oleh Pengarah, Prof. Madya Dr. Adnan Zainorabidin yang tiba pada pukul 10 pagi itu telah disambut mesra oleh kakitangannya yang rata-rata merupakan alumni dari UTHM.

Menerusi perjumpaan ini, CARE telah dapat mengenal pasti seramai 25 orang alumni UTHM dari Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Perniagaan (FPTP) berkhidmat di syarikat tersebut dalam pelbagai skop jawatan antaranya seperti Valuer, Pelukis Pelan dan Pegawai Penilai.

Seterusnya, lawatan kedua CARE pada siri kali ini telah singgah di syarikat Mohaz Engineering &



Technology (M) Sdn. Bhd yang dimiliki oleh alumni UTHM graduan tahun 1997, jurusan Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Mekatronik) Dengan Kepujian, Fakulti Kejuruteraan iaitu Encik. Azian Md. Rasol

Dalam lawatan itu, CARE telah mengadakan perjumpaan santai bersama En. Azian dan membincangkan tentang perkembangan terkini beliau dan juga syarikat yang ditubuhkan sejak tahun 2003 itu.

Mohaz Engineering & Technology Sdn. Bhd merupakan syarikat kontraktor bumiputera yang menyediakan perkhidmatan yang memenuhi keperluan permintaan pasaran masa kini terutamanya dalam bidang kejuruteraan sektor awam, mekanikal dan juga elektrik.

TENPIN BOLING SEKRETARIAT ALUMNI MAHASISWA UTHM (UTHMAS)



Satu pertandingan boling persahabatan di antara Ahli Jawatankuasa Sekretariat Alumni Mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHMas), Gen-7 telah berlangsung dengan jayanya pada Jumaat, 25 Mac 2016.

bertempat di Pacific Bowl, Batu Pahat Mall. Acara itu mempertandingkan hadiah bagi 3 kategori iaitu Juara Longkang, Pemain Paling Ceria dan Juara Keseluruhan Berkumpulan mengikut jumlah mata yang berjaya dikumpul.

Perlawanan yang melibatkan penyertaan sebanyak 12 kumpulan itu telah berlangsung meriah bermula pada jam 3.00 petang

JEJAK ALUMNI INDUSTRI 2016, SIRI 4 ZON SELATAN



Pusat Kemajuan Dan Hubungan Alumni (CARE), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah mengadakan lawatan ke syarikat Rd3D Studio yang diusahakan oleh alumni UTHM bertempat



di Melaka. Pada program Jejak Alumni Industri 2016, Siri 4 Zon Selatan CARE turut singgah ke ST Micoelectronics Muar bertemu 7 alumni yang berkhidmat di sana.

JALINAN MUHIBBAH ALUMNI DI POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH



Pusat Kemajuan Dan Hubungan Alumni (CARE) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan kerjasama Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA) Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) telah mengadakan program Jalinan Muhibbah Alumni UTHM bersama kakitangan akademik JKA dan alumni UTHM yang bertugas di sana.

Perjumpaan CARE bersama alumni telah dihadiri oleh seramai 30 orang alumni dan staf akademik PSAS dalam Majlis Hi-Tea dan ramah mesra alumni.

Pra Alumni Sem 2, 2015/2016 Fakulti Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik (FKEE)



Pra Alumni Sem 2, 2015/2016 buat pelajar semester akhir Fakulti Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik (FKEE) telah berlangsung dengan jayanya pada 1 Jun yang lalu bertempat di Bilik Seminar 2, FKEE.

Program anjuran bersama Pusat Kemajuan Dan Hubungan Alumni (CARE) itu telah menjemput 3 alumni dari pelbagai sektor pekerjaan antaranya sektor awam yang diwakili oleh alumni graduan 2004 dan 2005, Syamsul Bahri Mohamad yang kini bekerja sebagai Pensyarah di Politeknik Merlimau, Melaka.

Mewakili sektor industri pula ialah alumni graduan tahun 2008 iaitu Ir. Abdul Rahman Bahasa yang

kini menjawat jawatan sebagai Jurutera Projek di syarikat Technip Geoproduction (M) Sdn. Bhd dan telah berkhidmat hampir 8 tahun di syarikat tersebut.

Bagi sektor usahawan, FKEE telah mengundang Suria Affendi Amiruddin, alumni graduan tahun 2008 yang kini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan pemilik kepada syarikat ASP Pro Sdn. Bhd yang menjalankan aktiviti perniagaan aksesori gadget telefon pintar yang mengetengahkan jenamanya sendiri yang dikenali sebagai Universal Mobile Accessories (UMORIE).

Pra Alumni Sem 2, 2015/2016 Fakulti Pendidikan Teknik Dan Vokasional (FPTV)



Alumni dari Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional (FPTV) Encik Zaidi Shariff yang kini bertugas sebagai Pengarah di Kolej Komuniti Kluang telah diundang ke Program Pra Alumni FPTV sem 2 2015/2016 buat pelajar tahun akhir yang berlangsung pada 1 Jun yang lalu.

Program yang berlangsung di Studio Pendidikan FPTV itu turut mengundang seorang lagi alumni FPTV iaitu Dr. Ghalip Spahat yang kini bekerja sebagai Timbalan Pengarah di Jabatan

Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia.

Kehadiran kedua-dua panel alumni itu adalah bertujuan untuk mendekatkan lagi pelajar bersama alumni UTHM yang dijemput khas untuk bersama-sama berkongsi pandangan, ilmu pengetahuan dan juga pengalaman dalam bidang kerjaya yang diceburi sama ada dalam sektor kerajaan, swasta mahupun usahawan.

ALUMNI BERAMAH MESRA BERSAMA MENTERI PENDIDIKAN



Alumni Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mengambil peluang untuk beramah mesra bersama Menteri Pendidikan Tinggi

Malaysia, Datuk Seri Idris Jusoh dalam satu majlis Penyampaian Surat Tawaran Kemasukan Ke Politeknik Dan Penyerahan Wang Pendahuluan Pembiayaan PTPTN Sesi Jun 2016 bertempat di Dewan Sekolah Menengah Agama (SMKA) Sabak Bernam, Selangor pada 10 Jun 2016.

Antara alumni UTHM yang hadir dalam majlis tersebut adalah terdiri daripada alumni yang berkhidmat di Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) dan juga Kolej Komuniti berhampiran. Pada majlis tersebut alumni turut berbuka puasa bersama-sama di sana.

MAJLIS RAMAH MESRA ALUMNI BERSAMA NAIB CANSOLOR DI POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH (PSIS)



Seramai 40 alumni Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang berkhidmat di Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) dan Kolej Komuniti Teluk Intan telah hadir ke Sesi Ramah Mesra Bersama Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin sempena Program Jalinan Muhibbah Alumni UTHM yang berlangsung pada 10 Jun lalu bertempat di Dewan Syarahan Utama, PSIS.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni (HEPA) UTHM, Prof. Madya Dr. Asri bin Selamat; Pengarah CARE, Prof. Madya Dr. Adnan Zainorabidin; Timbalan Pengarah Akademik PSIS, Wan Yasima Mohamad Amin dan Presiden Persatuan Alumni UTHM (UTHMa), Zan Aizuwan Zainal Abidin.

PERTANDINGAN GOLF AMAL ALUMNI UTHM 2016



Pusat Kemajuan & Hubungan Alumni (CARE) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan anjuran bersama Koperasi Alumni UTHM dan Biro Golf UTHM telah menganjurkan satu Pertandingan Golf Amal Alumni UTHM pada 30 Julai 2016 bertempat di A' Famosa Golf Resort, Melaka.

Pertandingan tersebut telah mendapat penyertaan sebanyak 14 Flight yang terdiri daripada 56 peserta daripada Alumni-alumni UTHM, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Majlis Sukan Kolej Komuniti, Agensi-agensi Korporat, Syarikat-syarikat dan Orang Perseorangan.

KLUSTER STAF ALUMNI BERSAMA MENTERI MENTOR UTHM DATUK SERI HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN



Seramai 200 kluster staf alumni UTHM menyambut ketibaan Menteri Pertahanan Malaysia merangkap Menteri Mentor UTHM dalam satu sesi pertemuan ringkas dan ramah mesra yang

diadakan pada 30 Ogos 2016 bertempat di Dewan Sultan Ibrahim (DSI) bersempena dengan Minggu Haluan Siswa (MHS).



PERJUMPAAN BERSAMA DATUK PANG CHAU LEONG



Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Pusat Kemajuan Dan Hubungan Alumni (CARE) telah mengadakan kunjungan hormat ke pejabat, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia untuk bertemu dengan YBhg. Datuk Dr. Pang Chau Leong, yang juga merupakan alumni UTHM Graduan Phd. TVET 2010 merangkap Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU).

Delegasi UTHM diketuai oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni (HEPA)

YBhg. Prof. Madya Dr. Asri Selamat dan diiringi oleh Pengarah CARE, Prof. Madya Dr. Adnan Zainorabidin, serta Ketua Penolong Pengarah Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (Wakil Alumni -Putrajaya), En. Ishamuddin Ishak.

Kunjungan tersebut bertujuan untuk membincangkan beberapa aspek yang berkaitan dengan Pembangunan dan Kemajuan alumni UTHM antaranya seperti Tabung Sumbangan Alumni dan Majlis Penasihat Alumni UTHM.

PERASMIAN KAD ALUMNI DALAM MAJLIS SANTAI PETANG ALUMNI STAF



Seramai 200 alumni yang bekerja di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menghadiri Pelancaran Kad Alumni dan E-Payment yang telah berlangsung dalam satu Majlis Santai Minum Petang Alumni Staf yang diadakan pada 20 September lalu bertempat di Dewan F2, UTHM. Majlis Pelancaran tersebut telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin dengan diiringi oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni, Prof. Madya Dr. Asri Selamat serta Pengarah Pusat Kemajuan Dan Hubungan Alumni (CARE), Prof. Madya Dr. Adnan Zainorabidin.

25 ALUMNI JEMPUTAN KHAS SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN KE-16 UTHM



25 Alumni yang dijemput khas dalam Majlis Konvokesyen UTHM kali ke 16 untuk bersama-sama meraikan graduan.



MAJLIS MAKAN MALAM JALINAN KASIH ALUMNI SEMPENA KONVOKESYEN KE-16 DAN PELANCARAN KAD DEBIT ALUMNI



Majlis Makan Malam Jalinan Kasih Alumni sempena Konvokesyen ke-16 dan Pelancaran Kad Debit Alumni dihadiri hampir 200 alumni yang terdiri daripada 25 Alumni Jemputan Khas, Alumni Staf dan Alumni-alumni yang berada di sekitar Batu Pahat.

Dalam majlis itu turut berlangsung pelancaran Kad Debit alumni UTHM yang disempurnakan

oleh Pengarah, Jabatan Pembangunan Dan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia, Datuk Pang Chau Leong.

Turut diadakan sesi Penyerahan Replika Cek Sumbangan bernilai RM 5,000 yang disumbangkan oleh pihak Bank Islam Malaysia Berhad.

PAMERAN PHOTOBOOTH ALUMNI SEMPENA KONVOKESYEN KE 16 UTHM



Sempena Majlis Konvokesyen Ke 16 UTHM, Pusat Kemajuan Dan Hubungan Alumni telah menyediakan Photo Booth Alumni yang

memaparkan kejayaan dan kata-kata semangat dari alumni-alumni berjaya kepada graduan.

KURSUS PENGUKUHAN PASUKAN DAN ORGANISASI UTHMAs



Kursus Pengurusan Pasukan Dan Organisasi Sekretariat Alumni Mahasiswa (UTHMas) telah diadakan pada 22 Oktober 2016, bertempat

di Pulau Bidong Terengganu bagi tujuan memantapkan lagi hubungan antara Ahli Jawatankuasa.



PROGRAM SUPER MID BRAIN UNTUK ANAK-ANAK ALUMNI



Program Super Mid Brain anjuran Pusat Kemajuan Dan Hubungan Alumni dibantu oleh Sekretariat Mahasiswa Alumni (UTHMas) dianjurkan khas buat anak-anak staf alumni, staf bagi memberi

pendedahan berkaitan kepentingan otak tengah. Program telah berlangsung selama 2 hari bermula pada 19 dan 20 Disember 2016.

Pembangunan, Pengurusan Fasiliti Dan ICT

PEMBANGUNAN, PENGURUSAN FASILITI DAN ICT**PEMBANGUNAN FIZIKAL UTHM TAHUN 2016****Prestasi Perbelanjaan Pembangunan UTHM Sehingga Disember 2016**

Jumlah Peruntukan 2015 (DE RMK-10)	82,000,000.00
Peruntukan diterima RP 4	82,000,000.00
Perbelanjaan	44,584,973.00
Peratusan Perbelanjaan	54.37%

Jumlah Peruntukan 2016 (DE RMK-11)	42,000,000.00
Peruntukan diterima RP 1	42,000,000.00
Perbelanjaan	2,783,832.00
Peratusan Perbelanjaan	6.63%

JADUAL RINGKASAN PROJEK DI BAHAGIAN PEMBANGUNAN

PERUNTUKAN	PEMBANGUNAN (DE)	MENGURUS	REZAB	PFI/PPP	JUMLAH
PERANCANGAN (Projek Baru)	9+1 (ECER)	-	2	2	14
BINA (Projek Baru)	2	-	2	-	4
SIAP (Projek Baru)	1	-	1	-	2
JUMLAH (Projek Baru)	13	-	5	2	20

Status Semasa Projek RMK-11 Peruntukan Yang Diluluskan (1st Rolling Plan)

PROJEK RMK-11 (1 st Rolling)	PERUNTUKAN YANG DI MOHON	2016	2017	2018	2019	2020
PERMOHONAN PERALATAN KAMPUS UTHM PAGOH	RM 60,000,000.00	RM 40,000,000.00	RM 20,000,000.00			
PERMOHONAN PEMBELIAN ALATAN UNTUK BANGUNAN PUSAT KECEMERLANGAN MIKROELEKTRONIK DAN NANOTEKNOLOGI –SHAMSUDDIN RESEARCH CENTER DAN PEMBELIAN PERALATAN KELENGKAPAN STRONG FLOOR DAN STRONG WALL BAGI PUSAT PENYELIDIKAN JAMILUS, FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM DAN ALAMSEKITAR UTHM	RM 12,400,000.00	RM 2,000,000.00	RM 2,400,000.00	RM 8,000,000.00		
PROJEK PEMBINAAN BANGUNAN GUNASAMA UNTUK PENGURUSAN PENYELIDIKAN, INOVASI, PENGKOMERSILAN, PERUNDINGAN DAN PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH UTHM	RM 20,000,000.00	-	RM 1,000,000.00	RM 7,000,000.00	RM 7,000,000.00	RM 5,000,000.00

Status Semasa Projek RMK10(DE), PFI, Rezab & OE**Perancangan (Projek RMK 10 (2014 – 2015))**

Bil	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)	PERUNTUKAN DITERIMA (RM)	PERBELANJAAN SEMASA + KOMITMEN	BAKI SEMASA (RM)	STATUS SEMASA
A	PERUNTUKAN DE (RP 4)					
1.	PEMBANGUNAN LANDSKAP TEBATAN BANJIR KAMPUS UTHM PARITRAJA	1,500,000.00	-	-	-	Mesyuarat Tender Board telah diadakan pada 10hb September 2015 telah memutuskan untuk di tender semula memandangkan hanya 1 syarikat sahaja yang menawarkan harga dan melebihi siling projek. Dicadang untuk menggunakan wang OE memandangkan ianya menggunakan peruntukan yang sama bagi Projek Tebatan Banjir yang kini tiada wang lebihan untuk meneruskan projek ini dengan peruntukan DE.
2.	BANGUNAN GUNASAMA KEGIATAN PELAJAR DAN KAFETARIA PUSAT	8,000,000.00	8,000,000.00	-	8,000,000.00	Skop projek telah diluluskan oleh JSK EPU pada 4 Mac 2016. Bahagian Pengurusan Kontrak sedang menguruskan Mesyuarat Jawatankuasa Perlantikan Perunding
B	PERUNTUKAN DE (RP 4)-NBOS DI BAWAH EAST COAST ECONOMIC REGION (ECER)					
1.	PEMBANGUNAN MAKMAL PENYELIDIKAN SAINS BIO FIZIKAL HUTAN HUJAN TANAH RENDAH ENDAU ROMPIN UTHM DI BAWAH PROJEK 'PETA RAIN FOREST DISCOVERY CENTER' - ECERDC	3,200,000.00	-	-	-	Dokumen tender telah siap untyuk dijual oleh ECERDC. Namun begitu terdapat isu pertikaian tanah antara orang asal dan pihak PTNJ /ECERDC. Projek ditangguh sementara menunggu keputusan rayuan mahkamah berkenaan isu tanah

Bil.	NAMA PROJEK	KOS PROJEK	PERUNTUKAN DITERIMA	PERBELANJAAN SEMASA + KOMITMEN	BAKI SEMASA	STATUS SEMASA
PERUNTUKAN WANG REZAB						
1.	Projek Gantian Pusat Penyelenggaraan alat di Parit Karjo	7,600,000.00	-	-	-	Telah ditender dan ditutup pada 16 Oktober 2016. Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan (A) Tender Kerja pada 22hb Disember 2016.
2.	Cadangan Pembinaan Hangar Penerbangan Pesawat di Tanjung Laboh	8,000,000.00	8,000,000.00	-	-	Telah diluluskan jawatankuasa Teknikal Tender pada 11 November 2015. Masih lagi belum ditenderkan oleh pihak Bendahari sehingga kini. Permohonan semula peruntukan wang rezab diperlukan sekiranya projek ini perlu dijalankan.
PERUNTUKAN PFI						
1.	Cadangan Asrama 6000 Pelajar	150,000,000.00				Dokumen <i>Need Statement</i> untuk di iklankan bagi perolehan secara ' <i>Request of Proposals</i> ' telah mendapat kelulusan Mesyuarat jawatankuasa Eksekutif dan kelulusan JJPF. Sehingga kini masih lagi menunggu pertukaran status tanah kepada PTP.
2.	Pusat Teknologi Aeronautik Tanjung Laboh	60,000,000.00				Dokumen <i>Need Statement</i> untuk di iklankan bagi perolehan secara ' <i>Request of Proposals</i> ' telah mendapat kelulusan Mesyuarat jawatankuasa Eksekutif dan kelulusan JPPF. Sehingga kini masih lagi menunggu pertukaran status tanah kepada PTP.

PEMBINAAN SENARAI PROJEK DALAM PEMBINAAN

BIL	NAMA PROJEK	KOS PROJEK	PERUNTUKAN DITERIMA	PERBELANJAAN SEMASA	BAKI SEMASA	STATUS SEMASA
REZAB						
1.	CADANGAN PEMBINAAN LALUAN PEJALAN KAKI BERBUMBUNG DARIPADA KOLEJ KEDIAMAN TUN FATIMAH KE BANGUNAN FKMP BLOK G2	2,000,000.00	1,880,581.62	-	1,880,581.62	35% (-5%)
2.	PEMBINAAN PAGAR ANTI CLIMB DI KAWASAN TANAH TANJUNG LABOH	2,000,000.00	1,868,838.30	1,317,878.00	550,960.30	96% (-4%)
PERUNTUKAN DE (SAMBUNGAN RMK-10)						
1.	FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (BANGUNAN PENTADBIRAN DAN AKADEMIK)	45,000,000.00	45,000,000.00	17,958,400.00	27,041,600.00	23% (+11%)

SIAP (DLP)

• WANG REZAB



PROJEK PEMBANGUNAN KAMPUS TETAP UTHM – PROJEK PEMBINAAN SUB STATION DI TAPAK PPA DI PARIT KARJO

Peraksana	: UTHM
Jenis Tender	: Tender Terbuka
Tarikh Mula	: 20/5/2013
Tarikh Siap	: 21/7/2013
Nama Kontraktor	: NORMIEIDHAM ENTERPRISE
Kos Projek	: RM 418,190.90
Kemajuan Kerja (J / S)	: 100%
Status	: CPC telah dikeluarkan oleh pihak perunding bertarikh 05/05/2015.



PROJEK PEMBANGUNAN KAMPUS TETAP UTHM – PROJEK GANTIAN KOMPLEKS MOA DI PARIT KARJO

No. 14 Digit	: P41050170090004
Peraksana	: UTHM
Jenis Tender	: Tender Terbuka
Tarikh Mula	: 13 / 2 / 2012 - 16 / 06 / 2013
Tarikh Siap	: EOT No. 2 : 3 Dis 2013
Nama Kontraktor	: WARISAN HARMONI SDN BHD
Kos Projek	: RM 7,600,000.00
Kemajuan Kerja (J / S)	: 100%
Status	: Telah tamat tempoh tanggungan kecacatan pada 5/5/2016. CCC sedang didalam proses PBT untuk pemeriksaan ditapak. Status hak milik tanah masih didalam proses pemindahan hak milik.

SIAP(DLP)

• PROJEK PEMBANGUNAN RMK 10(DE)



PEMBINAAN PUSAT LATIHAN STAF DAN PUSAT KEGIATAN LUAR PELAJAR (PUSKEP) DI TANJONG LABOH UTHM.

Peraksana	: UTHM
Jenis Tender	: Tender Terbuka
Tarikh Mula	: 01 / 6 / 2013 - 22 / 11 / 2014
Tarikh Siap	: EOT No. 1 : 9hb Januari 2014 EOT No. 2: 28hb April 2015 EOT No. 3: 25hb Disember 2015
Nama Kontraktor	: KOSMO SETEGAS SDN BHD
Kos Projek	: RM 11,844,037.28
Kemajuan Kerja (J / S)	: 100%
Status	: Tarikh CPC telah disyorkan oleh pihak perunding bermula 20/4/2016. Pemeriksaan bangunan didalam Tempoh Tanggungan Kecacatan.

LAWATAN KERJA BAHAGIAN PEMBANGUNAN (BP), UTHM KE JABATAN PEMBANGUNAN DAN PENYENGGARAAN (JPP) DI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, KEDAH

Bahagian Pembangunan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Johor telah mengadakan sesi lawatan kerja ke Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan (JPP), Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah pada tarikh 19 dan 20 Disember 2016 yang lepas. Lawatan kerja yang pertama kali diadakan ke Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan khususnya dan UUM umumnya itu telah disertai seramai 14 orang staf terdiri dari staf Bahagian Pembangunan, staf Pentadbiran Hartabina dan staf Bahagian Pengurusan Kontrak serta diketuai oleh Pengarah Bahagian Pembangunan, Ir. Dr. Raha Binti Abd Rahman. Lawatan kerja ini bertujuan untuk berkongsi maklumat dan informasi berkaitan pembangunan organisasi dan infrastruktur yang boleh digunapakai di UTHM kerana UUM mempunyai pembangunan yang kukuh dan sistematik untuk kemudahan semua warganya serta kampus.

Pada hari pertama lawatan, delegasi UTHM diberi sambutan hormat di Anjung Tamu UUM sebagai

tempat yang mesti di singgah sebelum ke kampus UUM. Kemudian delegasi di bawa ke Bangunan JPP untuk sesi taklimat tentang pembangunan di dalam UUM oleh Pengarah JPP, Ir. Md. Uzairin Bin Saidin. Di antara projek pembangunan yang diterangkan adalah pembinaan hotel EDC UUM, Varsity Mall dan yang terbaru dan masih dalam perancangan adalah Restoran Ikan Bakar Terapung di kawasan tasik UUM sebagai tarikan. Selesai taklimat, pihak UTHM dan UUM menyampaikan cenderahati sebagai kenang-kenangan.

Pada hari kedua, sesi lawatan diteruskan ke Hotel *Executive Development Centre* (EDC UUM) seterusnya ke *U-Assist* (Pusat khidmat pelajar antarabangsa), *Varsity Mall* (Kompleks Membeli belah Universiti), Masjid dan Pusat Islam, kandang burung unta, kandang rusa dan lapang sasaran. Lawatan ini turut disertai oleh staf JPP untuk memberi penerangan kepada para delegasi sepanjang lawatan.



Lawatan kerja ke Universiti Utara Malaysia

PENGURUSAN FASILITI**Senarai Kontraktor Penyelenggaraan Awam 2016-2017**

Bil	Tajuk	Tarikh Mula	Tarikh Tamat	Kontraktor	Status
1.	Kerja-kerja Penyelenggaraan Bangunan dan Infra Zon A di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	16 Sep 2016	15 Sep 2018	MYS Construction Sdn Bhd	Sedang berjalan
2.	Kerja-kerja Penyelenggaraan Bangunan dan Infra Zon B di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	16 Sep 2016	15 Sep 2018	Gunung Rezeki Sdn Bhd	Sedang berjalan
3.	Perkhidmatan Operasi dan Penyelenggaraan Sistem Pembentungan Zon A Selama 2 Tahun di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	1 Sep 2015	30 Ogos 2017	Beau-Charm Sdn Bhd	Sedang berjalan
4.	Perkhidmatan Operasi dan Penyelenggaraan Sistem Pembentungan Zon B Selama 2 Tahun di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	1 Sep 2015	30 Ogos 2017	Sinar Nusantara Enterprise	Sedang berjalan

Senarai Kontraktor Penyelenggaraan Berkala Elektrik 2016/2017

Bil	Tajuk	Tarikh Mula	Tarikh Tamat	Kontraktor	Status
1.	Kerja-kerja Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kerosakan Telefon Berkala Untuk Tempoh 24 Bulan di UTHM. (2015 – 2017)	1 Sep 2016	31 Ogos 2018	Alur Bina	Sedang berjalan
2.	Kerja-kerja Penyelenggaraan Dan Pembaikan Sistem Telefon Untuk Tempoh 24 Bulan di UTHM. (2015 – 2017)	1 Sep 2015	30 April 2017	Dearina Enterprise	Sedang berjalan
3.	Kerja-Kerja Perkhidmatan Pemeriksaan Berkala Pemasangan Elektrik (untuk tempoh 2 tahun) oleh Jurutera Perkhidmatan Elektrik atau Jurutera Elektrik Kompeten di UTHM. (2016-2018)	1 Ogos 2016	31 Julai 2018	TRMS Engineering Sdn Bhd	Sedang berjalan
4.	Perkhidmatan Senggaraan Pencawang Elektrik Voltan Tinggi 33/11KV dan 11/KV0.433KV (Berkala) Untuk Tempoh 36 Bulan Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.	1 Okt 2016	30 Sept 2019	Constant Resources	Sedang berjalan
5.	Perkhidmatan dan Kerja-kerja Penyelenggaraan Elektrik (Berkala) untuk tempoh 36 bulan (2016 – 2019) di zon A [Blok A, B, C, D, E, F, J, K dan Q] di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.	1 Okt 2016	30 Sept 2019	R&A Power Industrial	Sedang berjalan
6.	Perkhidmatan dan Kerja-kerja Penyelenggaraan Elektrik (Berkala) untuk tempoh 36 bulan (2016 – 2019) di zon B [BLOK Blok G, H, L, I, M, R, Recess, Suksis, Palapes, Kampus Bandar, Kampus Kluang] di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.	1 Okt 2016	30 Sept 2019	HDK Potential	Sedang berjalan
7.	Perkhidmatan selenggaraan berkala selama dua tahun (2015 – 2016) Janakuasa Tunggu sedia (Blok A5 PTM, C2 Server PTM, C17 PE-07, D15 HEP/PKU, G1 FKEE, G2 FKMP, G6 PMU, G3 KDK, G4 KKTDI, G5 KKTF, SSU-01, PE-01, L Perpustakaan, I Masjid, R DSI, P FSKTM, J FPTP, K FPTV, M FKAAS, Q FKEE, Kompleks Sukan dan Mobil 60kVA, di UTHM.	16 Januari 2015	15 Januari 2017	Sinar Alfa Electric	Sedang berjalan

Senarai Kontraktor Penyelenggaraan Berkala Mekanikal 2016/2017

Bil	Tajuk	Tarikh Mula	Tarikh Tamat	Kontraktor	Status
1.	Kerja-kerja servis dan senggaraan bulanan sistem hawa dingin dan pengudaraan selama 2 tahun di Dewan Sultan Ibrahim (DSI), UTHM.	1/7/15	30/6/17	ENERGY INTELLIGENT SDN BHD	Sedang berjalan
2.	Kerja-kerja servis dan penyenggaraan sistem hawa dingin dan pengudaraan selama 2 tahun di Zon A (Blok A hingga Blok F), UTHM	1/10/16	30/9/18	IZMAL ENTERPRISE	Sedang berjalan
3.	KERJA-KERJA SERVIS DAN PENYENGGARAAN SISTEM HAWA DINGIN DAN PENGUDARAAN SELAMA DUA (2) TAHUN DI ZON B (BLOK G DAN FSKTM), UTHM	1/10/16	30/9/18	HAK TECHNOLOGY ENTERPRISE	Sedang berjalan
4.	Kerja-kerja servis dan penyenggaraan sistem hawa dingin dan pengudaraan selama 2 tahun di Zon C (Perpustakaan, Masjid, Pejabat Bahagian Pembangunan & Pengurusan Fasilitas, Dewan Sultan Ibrahim, RELASIS, RECESS, PALAPES) UTHM	1/10/16	30/9/18	MN&F ENTERPRISE	Sedang berjalan
5.	Kerja-kerja servis dan penyenggaraan sistem hawa dingin dan pengudaraan selama 2 tahun di Zon E (Blok J,K,M DAN Blok Q)	1/7/16	30/6/18	ERICOOOL ENGINEERING SDN. BHD	Sedang berjalan
6.	Kerja-kerja servis dan penyenggaraan sistem hawa dingin dan pengudaraan selama 2 tahun di Zon D (FKAAS, FPTV DAN FPTP), UTHM	13/11/16	14/11/18	PERINTIS KEMBARA SDN. BHD.	Sedang berjalan
7.	Kerja-kerja servis dan penyenggaraan sistem hawa dingin dan pengudaraan selama 2 tahun di Zon F (Kampus Bandar, SUKSIS, PALAPES, Kolej Kediaman Luar, dan Pusat Kokurikulum).	1/1/16	31/12/17	JASS AIR CONDITIONING & REFRIGERATOR SERVICES	Sedang berjalan
8.	Kerja-kerja servis dan pencegahan kebakaran di FSKTM (ADDRESSABLE SYSTEM) selama 2 tahun, UTHM	19/11/14	18/11/16	QYAM ENTERPRISE	Tamat Kontrak
9.	Perkhidmatan servis dan penyelenggaraan bulanan sistem pencegahan kebakaran (ADDRESSABLE SYSTEM) selama 2 tahun di FKAAS, UTHM	16/1/15	15/1/17	TECHNOGRESS SDN BHD	Sedang berjalan
10.	Perkhidmatan servis dan penyelenggaraan bulanan sistem pencegahan kebakaran selama 2 tahun di FPTV DAN FPTP, UTHM	15/5/15	14/5/17	POWEREC TECHNOLOGY SERVICES	Sedang berjalan
11.	Kerja-kerja servis dan senggaraan bulanan sistem lif di DSI, F2 dan E6 selama 12 bulan	1/10/15	30/9/17	SIGMA ELEVATOR (M) SDN BHD	Sedang berjalan
12.	Kerja-kerja servis dan senggaraan bulanan sistem mesin angkat selama 2 tahun di bangunan FPTP, UTHM	15/1/15	14/1/17	FUJITECH (M) SDN BHD	Sedang berjalan
13.	Kerja-kerja servis dan senggaraan bulanan sistem mesin angkat (lif) jenama Mitsubishi di UTHM selama 2 tahun	1/4/15	31/3/17	RYODEN BUILDING MACHINERY SDN BHD	Sedang berjalan
14.	Perkhidmatan servis dan penyelenggaraan bulanan sistem pam kumbahan, tebatan banjir dan loji rawatan kumbahan selama 2 tahun UTHM	16/1/15	15/1/17	SINAR NUSANTARA ENTERPRISE	Sedang berjalan
15.	Perkhidmatan servis dan penyelenggaraan berkala sistem pam penggalak (penggalak, landskap & pengairan) selama 2 tahun UTHM	16/1/15	15/1/17	SABAS ENGINEERING	Sedang berjalan

Senarai Kontraktor Pembersihan Kawasan Dan Penyelenggaraan Landskap 2016/2017

Bil	Tajuk	Tarikh Mula	Tarikh Tamat	Kontraktor	Status
1.	Perkhidmatan Bagi Kerja-Kerja Pembersihan Kawasan Dan Penyelenggaraan Landskap (Pakej A) Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	15 Okt 2016	14 Okt 2018	PENGURUSAN SHAH	Sedang berjalan
2.	Perkhidmatan Bagi Kerja-Kerja Pembersihan Kawasan Dan Penyelenggaraan Landskap (Pakej B) Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	15 Okt 2016	14 Okt 2018	VET-FINE (M) SDN BHD	Sedang berjalan
3.	Perkhidmatan Bagi Kerja-Kerja Pembersihan Kawasan Dan Penyelenggaraan Landskap (Pakej C) Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	1 Dis 2016	30 Nov 2018	PERSADA WARISAN (M) SDN BHD	Sedang berjalan
4.	Perkhidmatan Bagi Kerja-Kerja Pembersihan Kawasan Dan Penyelenggaraan Landskap (Pakej D) Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	14 Okt 2016	15 Okt 2018	AREMES (M) SDN BHD	Sedang berjalan

Senarai Kontraktor Pembersihan 2016

Bil	Tajuk	Tarikh Mula	Tarikh Tamat	Kontraktor	Status
1.	Perkhidmatan pencucian dan pembersihan bangunan zon B (keseluruhan blok E dan G) secara berkala di UTHM	1/10/16	31/1/17	ETIKA SUTERA SDB. BHD.	Dalam Perkhidmatan
2.	Perkhidmatan pencucian dan pembersihan bangunan zon D (Perpustakaan, Masjid, DSI, Pusat Koko & Kolam Renang, Pusat Sukan & Stadium, PALAPES, Kabin (palapes, suksis, sispca, relasis), Blok F dan Kampus Bandar secara berkala di UTHM	1/10/16	31/1/17	FOURDEAL RESOURCES SDN. BHD.	Dalam Perkhidmatan
3.	Perkhidmatan menyedia dan menyenggara Floor Mat zon A di UTHM	1/1/2015	31/12/16	BUDAYA MAHIR	Selesai
4.	Perkhidmatan menyedia dan menyenggara Floor Mat zon B di UTHM	1/1/2015	31/12/16	BUDAYA MAHIR	Selesai
5.	Perkhidmatan pembasmian dan pencegahan haiwan perosak dan serangga zon A di UTHM	1/1/2015	31/12/16	JAFEM ENVIRONMENT SOLUTION SERVICES	Selesai
6.	Perkhidmatan pembasmian dan pencegahan haiwan perosak dan serangga zon B di UTHM	1/1/2015	31/12/16	JAFEM ENVIRONMENT SOLUTION SERVICES	Selesai

Senarai Kontraktor Seksyen perkhidmatan AV

Bil	Tajuk	Tarikh Mula	Tarikh Tamat	Kontraktor	Status
1.	Membekal, menghantar, memasang dan mengujilari sistem siaraya di ruang bekang dewan sultan Ibrahim Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	23/11/2015	31/01/2016	Cemerlang Niaga	selesai
2.	Kerja-kerja pendawaian semula punca kuasa bagi paparan skrin dinding di dewan sultan Ibrahim Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	26/09/2016	28/09/2016	Netsinity Sdn. Bhd	Selesai
3.	Perkhidmatan Penyewaan Set Sistem Pencahayaan Bagi Perasmian Majlis Konvokesyen Ke-16, UTHM	19/09/2016	20/09/2016	Grand Artisan Sdn. Bhd.	Selesai
4.	Perkhidmatan Penyewaan Set Sistem Siaraya Bagi Perarakan Town n Gown Sempena Pelancaran Majlis Konvokesyen Ke-16, UTHM (Di Dataran Penggaram, Batu Pahat).	19/09/2016	20/09/2016	Grand Artisan Sdn. Bhd.	Selesai
5.	Perkhidmatan Penyewaan LCD/Plasma TV dan LED Video Wall Sempena Majlis Konvokesyen Ke-16 Di Dewan Konvokesyen DSI (Luar Bangunan),UTHM	07/10/16	11/10/16	Cemerlang Niaga	Selesai
6.	Perkhidmatan Penyewaan Set Sistem Siaraya Untuk Kegunaan Peralatan Muzik Sempena Majlis Konvokesyen Ke-16 Di Dewan Sultan Ibrahim, UTHM.	05/10/16	11/10/16	Grand Artisan Sdn. Bhd.	Selesai

Senarai Kontraktor Penyelenggaraan berkala Seksyen Kemudahan Pengajaran dan Pembelajaran Februari 2016-Januari 2018

Bil	Tajuk	Tarikh Mula	Tarikh Tamat	Kontraktor	Status
1.	Perkhidmatan dan kerja-kerja penyelenggaraan alat bantuan mengajar bagi bilik/dewan kuliah (berkala) tempoh 24 bulan di zon A, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	1 Feb 2016	31 Jan 2018	Netsinity Sdn. Bhd	Sedang berjalan
2.	Perkhidmatan dan kerja-kerja penyelenggaraan alat bantuan mengajar bagi bilik/dewan kuliah (berkala) tempoh 24 bulan di zon B, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	1 Feb 2016	31 Jan 2018	Netsinity Sdn. Bhd	Sedang berjalan

Kerja-Kerja Ubahsui dan Naiktaraf

Sepanjang tahun 2016, Unit Ubahsui Bahagian Pengurusan Fasiliti telah mendapat sebanyak 38 permohonan bagi kerja-kerja ubahsui dan naiktaraf daripada Pusat-pusat Tanggungjawab

di dalam kampus Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Secara keseluruhan, projek-projek ubahsui serta naiktaraf telah melibatkan sebanyak RM 1,591,671.54.

KERJA UBAHSUI DAN NAIKTARAF 2016		
SKOP KERJA	BILANGAN KERJA	AMAUN (RM)
SENIBINA	15 (selesai)	RM 1,065,353.00
MEKANIKAL	9 (selesai)	RM 231,105.34
ELEKTRIK	14 (selesai)	RM 295,213.20
JUMLAH KONTRAK KESELURUHAN	38 (selesai)	RM1,591,671.54

ICT

Pusat Teknologi Maklumat telah membangunkan sebanyak 7 sistem baru yang dibangunkan secara inhouse. Sistem yang dibangunkan memberi impak kepada proses tadbir urus universiti yang terlibat di pejabat, pusat dan fakulti. Sistem baru yang telah dibangunkan adalah :

1. Sistem Permohonan Kemasukan Pascasiswazah

- i. Sistem permohonan bagi program pascasiswazah. Menyokong proses pengambilan 4 kali setahun oleh pascasiswazah dan sistem ini dibuka sepanjang tahun.
- ii. Memberi ruang kepada pemohon untuk membuat pilihan kemasukan bagi program pascasiswazah yang lebih fleksibel.

2. Sistem Maklumat Penerbitan Universiti

- i. Sistem yang dibangunkan untuk proses kemasukan dan pengesahan maklumat rekod penerbitan oleh pensyarah.
- ii. Mempunyai fungsi untuk memuatnaik bahan bukti bagi setiap penerbitan yang dimasukkan oleh staf.
- iii. Perubahan proses kerja pengesahan kepada perpustakaan.
- iv. Telah digunakan oleh staf pada September 2016.

3. Sistem E-Prestasi V2.0

- i. Pembangunan sistem penilaian prestasi yang baharu merangkumi Sasaran Kerja Tahunan(SKT) dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan(LNPT).
- ii. SKT telah mula digunakan oleh pengguna pada awal, pertengahan dan akhir tahun.
- iii. Pembangunan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) bagi staf bukan akademik, staf akademik Gred 41 – 48, Gred 51 – 54.
- iv. LNPT bagi staf akademik Gred 41 – 48, Gred 51 – 54 mengambilkira kriteria penilaian :
 - i. Pengajaran
 - ii. Penyeliaan
 - iii. Penyelidikan

iv. Penerbitan

v. Kegiatan dan Khidmat Profesional

vi. Kualiti Peribadi

vii. Kepimpinan

v. Mula digunakan pada April 2016 untuk SKT dan pada Januari 2017 untuk LNPT.

4. Sistem Pengurusan Pekerja Luar

- i. Sistem yang dibangunkan untuk bahagian keselamatan bagi tujuan merekodkan maklumat pendaftaran pekerja luar yang bertugas di Universiti.

5. Sistem Kepakaran Staf

- i. Sistem yang membenarkan proses permohonan, lantikan dan perekodan keahlian staf akademik sebagai Penyelidik Utama dan penyelidik bersama bagi Center of Excellence(COE), Center of Research(COR) dan Focus Group.

6. Sistem Pangkalan Data Khidmat Masyarakat

- i. Sistem proses merekodkan maklumat khidmat masyarakat yang dilaksanakan oleh fakulti dan pusat di Universiti.

7. Sistem E-LPU

- i. Sistem yang merekodkan maklumat lantikan ahli lembaga pengarah universiti.

Penambahbaikan yang dilaksanakan oleh PTM melibatkan 15 sistem sedia. Sebanyak 59 penambahbaikan yang dilaksanakan bagi tahun 2016. Sistem yang terlibat adalah :

1. Research Management System (RMS)
2. Sistem Pengurusan Latihan Industri (e-LI)
3. Sacad Online
4. Sistem Maklumat Alumni
5. Sistem Pelekat Kenderaan
6. Sistem Pengiraan Beban
7. Sistem Pengurusan Pengangkutan Universiti
8. Sistem Permohonan Pelajar Undergraduate
9. Sistem Jawatan Giliran Universiti
10. Sistem Maklumat Kerjasama Universiti
11. Sistem Maklumat Penerbitan Universiti
12. Sistem Penilaian Pengajaran Staf Akademik dan Kursus.
13. ISMS – ecuti
14. MyMOHES
15. Total Campus Integrated System(TCiS)

Jaringan Industri dan Hubungan Komuniti

JARINGAN INDUSTRI DAN HUBUNGAN KOMUNITI

Bengkel Strategi Usahawan Mikro

Program bertujuan membimbing para usahawan untuk membantu memaju perniagaan usahawan kecil dan sederhana. Antara yang dititikberatkan

adalah kaedah pengiklanan yang disesuaikan untuk memperkenalkan produk yang diniagakan oleh peniaga-peniaga tersebut.

Program Kulinari dan Housekeeping Homestay Daerah Kluang

Program yang bertempat di Kampung Dato' Ibrahim Majid, Simpang Renggam, Johor dirasmikan oleh YB ADUN Machap, YB Tuan Hj Abd Taib Bin Abu Bakar. Peserta seramai 50 orang Penduduk Kampung yang merupakan pengusaha Homestay dan mereka yang berminat untuk menceburi bidang ini. Program

bertujuan untuk membantu masyarakat dalam membangunkan program homestay dan mempelajari selok belok homestay bagi memastikan pelancaran pengurusan homestay yang mereka uruskan. Fasilitator pula terdiri daripada Pensyarah dan pelajar FPTV bidang Katering dan Kulinari, UTHM.

Friday Night Fever Mobile Fiesta Carboot Sales UTHM 2016

Program yang bertempat di kawasan letak kereta bersebelahan padang kawad UTHM dengan sasaran sebanyak 1000 kereta dirasmikan oleh PM Dr. Mohd Ezree bin Abdullah, wakil Penolong Naib Canselor (Hubungan Industri dan Masyarakat) UTHM. Program bertujuan untuk memberi pendedahan dan peluang aktiviti keusahawanan kepada pelajar dan masyarakat khususnya di UTHM dan Batu Pahat serta sekitarnya dan memberi pendedahan kepada pelajar dan masyarakat tentang konsep perniagaan menggunakan kenderaan sendiri yang lebih mudah, efektif dan moden.

3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
25 MAR	29 APR	27 MAY	24 JUN	29 JUL	26 AUG	30 SEP	28 OCT	25 NOV	30 DEC
• Barang Terpakai	• Prelove	• Kraftangan	• Jualan Baru & Terpakai	• Pelbagai Jenis Pakatan	• Pameran	• Produk IKS	• Kosmetik	• Produk Kesihatan	• Pelbagai Jenis Aksesori
						• Foodtruck & Karavan	• Persembahan Santai Busker & Band	• Aktiviti Permainan	• Pameran Collector scarves Team Bola
									• Perkhidmatan

Majlis Pelancaran Homestay Kluang

Program yang bertempat di Kampung Dato' Ibrahim Majid berlangsung dari jam 2.30 petang dirasmikan oleh Pegawai Daerah Kluang, Tuan Hj Muhamad Fuad bin Haji Radzuan dihadiri oleh Penolong Naib Canselor (Hubungan Industri dan Masyarakat) dan Ketua Jabatan Pembangunan Sosial Masyarakat, PHUM. Program bertujuan

memperkenalkan dan membimbing para usahawan untuk membantu memaju perniagaan homestay mereka. Antara yang dititikberatkan adalah kaedah pengiklanan yang disesuaikan untuk memperkenalkan homestay oleh usahawan tersebut dan teknik pengurusan homestay yang lebih berkesan.

Majlis Penyerahan KIOSK Puyuh – Projek Mentor-Mentee Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor



Program yang bertempat di Kampung Parit Hassan, Machap, Kluang dirasmikan oleh Pegawai Daerah Kluang, Tuan Hj Muhamad Fuad bin Haji Radzuan dihadiri oleh Penolong Naib Canselor (Hubungan Industri dan Masyarakat) dan Ketua Jabatan Pembangunan Sosial Masyarakat, PHUM. Sebuah badan koordinasi gerak kerja berkaitan industri burung puyuh bakal ditubuhkan di negeri ini dalam

usaha membangunkan industri berpotensi itu. Badan tersebut akan bertindak sebagai pemudah cara untuk menguruskan perkara seperti memberi pinjaman kepada usahawan yang berminat. Kerjasama dengan UTHM untuk membantu dalam hal berkenaan mencari lokasi penternakan burung puyuh yang sesuai dan bagaimana industri ini boleh menarik minat golongan belia negeri untuk turut terlibat.

Projek Student-Community Engagement Pembangunan Laman Web dan Viral Video

Program kerjasama Jabatan Pengurusan dan Teknologi Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan telah menjemput pengusaha homestay sekitar daerah Kluang, Parit Raja, Batu Pahat, Muar dan Pagoh untuk menyertai projek ini. Sebanyak 123 laman web dan viral video homestay sedang diusahakan oleh pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi UTHM dan akan diletakkan dibawah portal mymalaysiaatravel.com dengan bantuan pakar viral video En Saidi Muhammad dan dibawah seliaan Puan Anim Zalina Azizan, Ketua Jabatan Pembangunan Ekonomi Masyarakat, PHUM.



Bengkel Penulisan Kertas Kerja dan Pemantauan Geran Komuniti

Program yang bertempat di Bilik Latihan UCTC, Universiti Putra Malaysia (UPM) berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang anjuran Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), UPM dihadiri oleh Pengarah PHUM, Ketua-ketua Jabatan PHUM dan lima (5) orang staf UTHM yang lain. Program bertujuan untuk membantu peserta memahami lebih jelas kaedah permohonan dan teknik penulisan kertas kerja serta permohonan geran komuniti, memberi pemahaman kepada

peserta mengenai kaedah penulisan kertas kerja berimpak tinggi supaya meningkatkan peluang kejayaan dalam permohonan geran dan meningkatkan kesedaran peserta dalam proses pemantauan dan penilaian projek komuniti berimpak tinggi. Penceramah dan fasilitator yang berpengalaman dalam menulis kertas kerja turut berkongsi tips dan membantu peserta dalam proses penulisan kertas kerja permohonan masing-masing.

Majlis Penyerahan Rumah Komuniti dan Rumah Golongan Asnaf



Program yang bertempat di Kg. Aur Gading, Kuala Lipis, Pahang dirasmikan oleh ADUN Padang Tengku, YB Mustapa bin Long bermula jam 10.00 pagi dihadiri oleh Penolong Naib Canselor (Hubungan Industri dan Masyarakat) UTHM, Prof. Dato' Dr. Abd. Razak bin Omar. Turut hadir Pengarah PHUM, En. Abd Hamid bin Yusof bersama tiga (3) orang staf PHUM

yang lain. Majlis bertujuan untuk membuat penyerahan secara rasmi rumah komuniti dan rumah golongan asnaf daripada UTHM kepada pihak yang memerlukan. Selain daripada itu, pemberian rumah komuniti tersebut diharap dapat dimanfaatkan oleh penduduk kampung secara menyeluruh dan tidak dibiarkan menjadi gajah putih.

Program NBOS “My Best Buy”



Majlis bertempat di hadapan dewan F2 anjuran bersama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Johor. Terdapat lebih kurang 30 buah khemah dan satu (1) bas bergerak FAMA disediakan untuk dikunjungi oleh orang ramai. Program “My Best Buy” ini berkonsepkan seperti Mini Pasar Tani sebagai salah satu daripada mekanisma untuk menangani kos sara

hidup golongan pelajar di IPTA yang saban hari kian meningkat. Dengan terdapatnya jualan harga yang berpatutan seperti ini, ianya akan menjadi pilihan kepada golongan pelajar untuk mendapatkan makanan disamping mereka juga boleh terlibat untuk menjadi pembantu kepada usahawan yang terlibat bagi mengisi masa lapang dan menambah wang saku mereka.

Program Motivasi Bersama Sekolah Menengah Daerah Batu Pahat

Program yang bertempat di Dewan F2, UTHM adalah dengan kerjasama Universiti Malaya (UM) diadakan dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Program melibatkan lebih kurang 500 orang peserta terdiri daripada pelajar sekolah menengah sekitar daerah Batu Pahat. Program

bertujuan untuk membantu pelajar membina keyakinan diri dalam menghadapi peperiksaan besar yang akan mereka alami. Selain daripada itu, para pelajar juga diberi sedikit teknik dan kaedah yang berkesan dalam menjawab peperiksaan.

Program Bantuan Sabil Al-Hikmah bersama PHUM dan Puyuh Best

Program kerjasama Pejabat Hubungan Universiti dan Masyarakat telah menjemput Syarikat Puyuh Best Sdn Bhd untuk menyertai bantuan kepada projek Sabil Al Hikmah UTHM. Seramai 200 pelajar telah menikmati produk Puyuh Berempah antara senarai produk keluaran syarikat berkenaan. Produk-produk yang lain antaranya adalah Satay Puyuh, Berger Puyuh, Puyuh Percik, Frozen Puyuh dan banyak lagi. Puyuh Best adalah merupakan syarikat yang bekerjasama dalam

Projek Pembangunan Daerah Kluang bersama Pejabat Daerah Kluang di bawah kluster eko pelancongan Pelan Strategik Pembangunan Negeri Johor. Peranan PHUM adalah membantu dalam peningkatan perniagaan dalam sektor keusahawanan iaitu dengan mewujudkan perniagaan berkonsepkan franchise. Untuk memenuhi hasrat tersebut, sebuah MotorNiaga UTHM diperkenalkan dan telah digunakan semasa bantuan Sabil Al Hikmah di UTHM.

Pelancaran Ole-Ole Kluang



Majlis bertempat di Bangunan Transformasi UTHM-Kluang telah dilancarkan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara yang juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah UTHM bermula jam 10.00 pagi. Majlis tersebut turut dihadiri oleh Naib Canselor UTHM, Pegawai-pegawai kanan universiti, Pegawai Daerah Kluang, dan industri-industri kecil sederhana di kawasan Kluang. Pihak Pejabat HUM, telah

ditugaskan bagi mereka dan membentuk prototype bungkusan yang boleh digunakan oleh Daerah Kluang untuk mengisi produk-produk IKS tempatan dalam program-program yang akan dianjurkan oleh pihak daerah Kluang pada masa yang akan datang. Prototype bagi bungkusan tersebut telah dilancarkan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa.

Program EasyMath 2016

Majlis Penutup dirasmikan oleh Pengarah Pejabat Hubungan Universiti dan Masyarakat dan disertai oleh Pengetua Sekolah Menengah Agama Parit Raja (SMAPR). Program EasyMath adalah kerjasama PHUM bersama Sekolah Menengah Agama Parit Raja (SMAPR). Program ini telah melibatkan 200 pelajar-pelajar Tingkatan 5 yang akan mengambil Matematik Tambahan dalam peperiksaan SPM 2016. Sebanyak 8 sekolah menengah sekitar

Parit Raja dan Batu Pahat telah mengambil bahagian dalam program dua hari ini. Program ini berbentuk Bengkel Penyelesaian Masalah Matematik Tambahan oleh pakar matematik. Ia memberikan pendedahan kepada peserta cara atau skill untuk memperoleh gred terbaik dalam mata pelajaran, serta mewujudkan suasana daya saing antara pelajar-pelajar dan juga mendedahkan peserta terhadap persediaan menghadapi peperiksaan.

Majlis Penyampaian Sumbangan Hari Raya

Pejabat Hubungan Universiti dan Masyarakat UTHM telah menganjurkan Majlis Penyampaian Sumbangan Hari raya pada 23 Jun 2016 bertempat di Surau Taman Kota, Yong Peng Batu Pahat Johor. Dalam Majlis Sumbangan Hari Raya ini, seramai 55 keluarga telah mendapat sumbangan yang terdiri dari fakir miskin dan ibu tunggal di kawasan Yong Peng seperti dari Taman Melor, Taman Kota Impian, Kg Jalan Lama, Taman JPN 1 & 2, dan kampung berhampiran.

Barangan Hari Raya adalah hasil sumbangan dan tajaan dari beberapa buah syarikat di Batu Pahat. Klinik Normah, Pakar Mata dan Sugeru Sdn. Bhd telah menyumbangkan 60 kampil beras, Koleksi NKH telah menyumbangkan pakaian, Syarikat Selera Impian telah menyumbangkan barangan dapur, Norlie Cookies menyumbangkan kuih hari raya dan Patma Cookies telah menyumbangkan kurma.

Program Bimbingan Motivasi dan Peluang Kerjaya

Program sumbangan Hari Raya merupakan program khidmat masyarakat yang dilaksanakan oleh Pejabat HUM bagi membuka minda dan menyentuh hati pelajar agar lebih bermotivasi untuk belajar dan membina kejayaan dalam pelajaran dan seterusnya dalam kehidupan disamping mengetahui bidang-bidang yang

ditawarkan di UTHM. Seramai 169 orang pelajar calon SPM dan 8 orang guru dari Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar T6 terlibat dalam program tersebut. Majlis turut dihadiri oleh Pengarah PHUM, wakil staf PPA, Perpustakaan, PPD dan FSTPI.

Program Jalinan Sekolah Kluster Kecemerlangan – UTHM 2016

Program Jalinan UTHM bersama Sekolah Kluster Kecemerlangan 2016 anjuran Pejabat Hubungan Universiti dan Masyarakat dibawah portfolio Penolong Naib Canselor (Hubungan Universiti dan Masyarakat) telah dilaksanakan pada 18-20 Ogos 2016 melibatkan 16 buah sekolah SK, SMK dan SMKA sekitar negeri Johor berbanding 8 buah sekolah tahun lepas 2015. Tahun ini aktiviti memfokuskan kepada 5 Kebitaraan Akademik iaitu Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Bahasa Melayu, dan Bahasa Arab. Ia juga memfokuskan kepada 8 Kebitaraan Kokurikulum iaitu Bola Sepak, Bola Jaring,

Badminton, Golf, Catur, Rekacipta, Robotik, dan Alam Sekitar. Semua aktiviti-aktiviti ini adalah berbentuk praktikal dan amali. Keseluruhan penyertaan adalah seramai 360 pelajar dan 44 guru sekolah. Seramai 60 fasilitator dan jurulatih dari kalangan staf dan pelajar UTHM terlibat secara langsung dalam pemindahan ilmu dan menyumbangkan kepakaran kepada komuniti sekolah ini. Program ini mendapat kerjasama dari 5 Pusat Tanggungjawab UTHM yg terlibat dalam menjayakan program ini iaitu FSTPI, FKKE, Pusat Pengajian Bahasa, Pusat Sukan, dan Pusat Kokurikulum.

Program Khidmat Masyarakat dan Korban Kemboja

Program anjuran Pejabat Hubungan Universiti dan Masyarakat (PHUM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang bertujuan mengeratkan kerjasama serantau dalam kalangan negara ASEAN ini mendapat kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, serta Pusat Kesihatan Universiti. Tempat yang dipilih untuk program khidmat masyarakat antarabangsa ini adalah Madrasah Islamiah Chakiakon yang telah dibangunkan sejak tahun 2006 dan kini mempunyai seramai 116 murid dan tujuh orang ustaz/ustazah yang diketuai oleh seorang Guru Besar. Madrasah ini yang berusia hampir 10 tahun merupakan satu-satunya sekolah sekitar Khum

Seda Srok Dambia yang menggunakan kaedah Iqra' dan menjalankan sistem pendidikan sekolah rendah yang ditetapkan oleh Menteri Pendidikan Kemboja.

Selain daripada ibadah korban, program berkhidmat juga telah dilaksanakan kepada 36 murid dan anak-anak Kemboja melalui bantuan komuniti oleh Pusat Kesihatan Universiti, UTHM. Program berkhidmat ini adalah pertama sekali dilaksanakan di Madrasah ini dan akan diteruskan pada masa hadapan kerana ianya mendapat sambutan yang kuat dengan penyertaan seramai lebih 50 murid yang inginkan berkhidmat.

Explorace Arabic SMK Maahad Muar

Program telah dilaksanakan di Tanjung Emas, Muar yang melibatkan 150 murid sekolah tingkatan 1 bersama 3 pelajar antarabangsa daripada UTHM usahasama dengan Pejabat Antarabangsa.

Aeronautic Exposure SK Tunku Mahmood 1, Kluang

Program ini melibatkan 80 murid sekolah dalam mengenali program aeronautik juruterbang komersial bersama Jabatan Kejuruteraan Aeronautik, FKMP, UTHM. Disamping menjadi peserta dalam aktiviti NLP dan lawatan ke Perpustakaan Tun Aminah.

Fiesta Sinergy Ekonomi Komuniti

Program bertempat di Panchor, Pagoh dirasmikan oleh YB Ismail Mohamad, Exco Pertanian dan Asas Tani Negeri Johor. Majlis turut dihadiri oleh Ybng. Profesor Dr. Ahmad Tarmizi bin Abd Karim, Penolong Naib Canselor (Pembangunan, Pengurusan Fasilitas dan ICT) sebagai wakil Naib Canselor. Program bertujuan untuk mewujudkan jalinan dan jaringan dalam hubungan dua hala antara Universiti dengan Pejabat Daerah

Muar, mengeratkan dan mengukuhkan kerjasama antara universiti dengan masyarakat serta agensi yang terlibat, meningkatkan imej serta nama universiti di peringkat global dan meningkatkan ekonomi dan sosial peniaga-peniaga mikro-niaga sekitar muar. Majlis dihadiri seramai 400 orang terdiri daripada orang-orang kampung di sekitar Panchor.

Program Pembangunan Ekonomi Komuniti Muar

Dalam usaha membangunkan bidang agrotourism dan keusahawanan bagi memacu pembangunan ekonomi daerah Muar, Pejabat Hubungan Universiti dan Masyarakat dan Briged RELA Siswa Siswi (RELASIS) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) negeri Johor berganding bahu menjayakan program Pembangunan Komuniti Muar (PPKM) yang berlangsung pada 8 hingga 11 Disember lalu bertempat di Tanjung Emas dan Tanjung Ketapang, Muar.



PPKM diharap menjadi pembuka mata dan pemacu kepada beberapa aktiviti ekonomi yang membantu daerah Muar membangunkan sektor pelancongan dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan. Di samping memberi peluang perniagaan kepada peniaga di Muar melalui Carboot Sale, konsep Car Boot Sale diketengahkan untuk memberi ruang perniagaan kepada peniaga kecil yang mula bertapak dalam bidang perniagaan.

UTHM turut membantu masyarakat menghargai alam sekitar melalui Projek Kelestarian Hutan Bakau. Bagi tujuan itu, Majlis Perbandaran Muar telah menderma 250 batang benih pokok bakau yang ditanam oleh Sukarelawan dari Kor RELASIS UTHM di kawasan paya bakau Tanjung Ketapang. Manakala bagi meningkatkan minat dan keprihatinan masyarakat tentang gaya hidup sihat, pihak penganjur berkerjasama dengan Pejabat Kesihatan Daerah Muar menganjurkan Program Berjalan 10,000 Langkah mengelilingi kawasan persisir pantai. Kira-kira 500 orang peserta dari berbagai golongan telah mengambil bahagian dalam acara yang

dilepaskan oleh Penolong Naib Canselor (Industri dan Masyarakat), Profesor Dato' Dr. Abdul Razak Omar.

Lebih menarik lagi seramai 80 orang pelajar UTHM telah membentangkan hasil dapatan dari 25 buah kajian yang berkisar tentang potensi bidang keusahawanan di Muar, seiring dengan hasrat untuk memacu pembangunan ekonomi daerah yang terkenal sebagai bandar perabut dan nurseri terbesar di negara ini. Sementara itu, beberapa kajian dan produk UTHM telah dipamerkan oleh Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC), di samping pameran peluang pengajian di UTHM diketengahkan oleh Unit Promosi Pejabat Pengurusan Akademik. Majlis Perasmian Penutup Program Pembangunan Ekonomi telah disempurnakan oleh Exco Pembangunan Wanita, Keluarga Masyarakat Negeri Johor, YB Hajah Asiah Md Ariff pada 11 Ogos 2016 dan turut dihadiri oleh Profesor Dr. Wahid Razzaly, Menjalankan Fungsi Sebagai Naib Canselor merangkap Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa).

KARNIVAL KEMAS 4U & UTHM 2U
9HB & 10HB DISEMBER 2016
JUMAAT & SABTU
DATARAN TANJUNG EMAS, MUAR
8.30 PAGI hingga 12 MALAM

HIMPUNAN "BOOTSALÉ" TERBESAR MUAR

#PRELOVE #BUNDLE #BARANGTERPAKAI #IKS #KOSMETIK
 #NEW ITEMS
 #PERKHIDMATAN #FOODTRUCK #AKSESORI WANITA/LELAKI

MANFAATKAN "BOOT KERETA" TU BRO!!
JOM SANTI!
DI PESTA JUALAN BUT KERETA SEKARANG!!!

011-22621358 ☎ 011-21631211 & 011-10796484

Dengan kerjasama

Logos: UTHM, MF Management, and other partners.

Technically Above The Rest

Senarai Memorandum Persefahaman dan Memorandum Perjanjian**Pecahan Hubungan Kerjasama**

Jenis Hubungan Kerjasama	Dalam Negara	Luar Negara	JUMLAH
Memorandum Persefahaman (MoU)	37	21	58
Memorandum Perjanjian (MoA)	11	2	13
JUMLAH	48	23	71

Memorandum Perjanjian (MoA)

Bil	Organisasi	Bidang Kerjasama	Tempoh Perjanjian	Pusat Tanggungjawab
1.	Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ)	Penyelidikan Biodiversiti	03/11/12 - 03/11/17 5 tahun	FSTPi
2.	F.I.T Center Sdn. Bhd.	Pembangunan Teaching Factory UTHM	20/05/15 – 20/05/18 3 tahun	FFTP
3.	Universiti Malaya	Penyelidikan Sains dan Teknologi	12/03/13 – 12/03/16 3 tahun	FSTPi
4.	Universitas Lancang Kuning	Penyelidikan Tenaga Kerja Indonesia	05/04/16 – 05/04/18 2 tahun	FSTPi
5.	Johor Petroleum Development Corporation Berhad	Penyedia Latihan Sektor Minyak dan Gas	04/04/16 – 04/04/19 3 tahun	FTK
6.	Telkom University, Indonesia	Penyelidikan IT	04/06/15 – 04/06/18 3 tahun	FSKTM
7.	Gates It Solution Sdn. Bhd.	Penyelidikan IT	30/08/15 – 30/08/18 3 tahun	FSKTM
8.	Halton Manufacturing	Penyelidikan		FKMP
9.	Malaysian Software Testing Board	Latihan Profesional ICT		FSKTM
10.	Universiti Malaysia Pahang	MTUN Showcase		ORICC
11.	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	MTUN Showcase		ORICC
12.	Universiti Malaysia Perlis	MTUN Showcase		ORICC
13.	Open Learning Global (M) Sdn Bhd	Pembelajaran Secara MOCC		CAD



MoA UTHM - JPDC



MoA Bersama Telkom University dan MoU Bersama Universitas Sebelas Maret

Memorandum Persefahaman (MOU)

Bil	Organisasi	Bidang Kerjasama	Tempoh Persefahaman	Pusat Tanggungjawab
1.	Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ)	Penyelidikan Biodiversiti	15/06/09 - Tiada Tempoh	FKAAS
2.	Kyushu University, Japan	Akademik	22/02/13 – 22/02/16 3 tahun	FKAAS
3.	Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	Program Rakan Alam Sekitar	01/10/13 – 01/03/16 3 tahun	FKAAS
4.	Solid Waste and Public Cleansing Management Corporation	Penyelidikan Teknologi Hijau	02/04/14 – 02/04/17 3 tahun	FKAAS
5.	University College of Technology Sarawak	Penyelidikan Kejuruteraan	20/08/14 - 20/08/17 3 tahun	FKAAS
6.	Tigers Polymer (M) Sdn. Bhd.	Penyelidikan Kejuruteraan	08/09/14 – 08/09/17 3 tahun	FKAAS
7.	Universitas Katolik Parahyangan	Akademik	21/10/14 – 21/10/17 3 tahun	FKAAS
8.	Malaysian Structural Steel Association	Penyelidikan Kejuruteraan	11/02/14 – 11/02/19 5 tahun	FKAAS
9.	International Press In - Association	Penyelidikan Kejuruteraan	20/05/15 – 20/05/18 3 tahun	FKAAS
10.	Saga University	Penyelidikan Kejuruteraan	06/12/15 – 06/12/18 3 tahun	FKAAS
11.	Universitas Brawijaya Indonesia	Penyelidikan Kejuruteraan	24/12/13 – 24/12/16 3 tahun	FKEE
12.	UM Power Energy Dedicated Advanced Center (UMPEDAC)	Penyelidikan Kejuruteraan	12/05/14 – 12/05/17 3 tahun	FKEE
13.	Ho Hai University		13/04/15 – 13/14/18 3 tahun	FKEE
14.	Rohde & Schwarz Malaysia Sdn. Bhd.	Penyelidikan Kejuruteraan	13/08/15 – 13/08/18 3 tahun	FKEE
15.	Toyohashi University of Technology, Japan	Penyelidikan Kejuruteraan	29/10/13 – 29/10/16 3 tahun	FKMP
16.	Fujitsu Component (M) Sdn. Bhd. Kali ke – 2	Penyelidikan Kejuruteraan	19/02/14 – 19/02/14 3 tahun	FKMP
17.	Ample Green Coating Enterprise Sdn. Bhd.	Penyelidikan Kejuruteraan	20/05/14 – 20/05/17 3 tahun	FKMP
18.	Universitas Hasanuddin, Indonesia	Penyelidikan Kejuruteraan	13/08/14 – 13/08/17 3 tahun	FKMP
19.	Malaysian Airline System Berhad	Akademik	02/11/14 – 02/11/17 3 tahun	FKMP
20.	Makhostia Sdn. Bhd.	Penyelidikan Kejuruteraan	02/12/14 – 02/12/17 3 tahun	FKMP
21.	Nagaoka University of Technology		07/07/15 – 07/07/18 3 tahun	FKMP
22.	ZFH Industries Sdn. Bhd.	Penyelidikan Kejuruteraan	29/09/15 – 29/09/18 3 tahun	FKMP
23.	Universitas Muhammadiyah Surakarta	Akademik	02/08/16 – 02/08/19 3 tahun	FKMP
24.	Asia Pacific Flight Training	Akademik	01/07/09	FKMP
25.	Johor Biotechnology & Biodiversity Corporation	Penyelidikan Sains dan Teknologi	21/10/13 – 21/10/16 3 tahun	FSTPi

26.	Naresuan University, Thailand	Akademik	10/04/14 – 10/04/17 3 tahun	FSTPI
27.	Jabatan Perangkaan Malaysia	Penyelidikan Statistik	05/12/14 – 05/12/17 3 tahun	FSTPI
28.	Institut Sosial Malaysia	Penyelidikan Sains Sosial	13/10/15 – 13/10/18 3 tahun	FSTPI
29.	Universitas Lancang Kuning, Pekanbaru-Riau, Indonesia	Akademik	02/03/16 – 02/03/19 3 tahun	FSTPI
30.	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)	Penyelidikan Sains Sosial	28/07/16 – 28/07/19 3 tahun	FSTPI
31.	Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia	Akademik	13/10/11 – 13/10/16 5 tahun	FPTV
32.	Colorado State University	Akademik	21/09/13 – 21/09/16 3 tahun	FPTV
33.	Universitas Negeri Yogyakarta	Akademik	05/10/13 – 05/10/16 3 tahun	FPTV
34.	Universitat Bremen Germany	Akademik	01/09/14 – 01/09/17 3 tahun	FPTV
35.	National Institute of Occupational Safety and Health	Penyelidikan	20/08/14 – 20/08/17 3 tahun	FTK
36.	ThinkPlus Consulting Sdn. Bhd.	Akademik	15/03/15 – 15/03/18 3 tahun	FTK
37.	Gates It Solution Sdn. Bhd.	Penyelidikan IT	01/03/14 – 01/03/17 3 tahun	FSKTM
38.	The University of A La Rochelle	Akademik	14/11/08	FSKTM
39.	Universiti Malaysia Pahang	Akademik	10/04/14 – 10/04/17 3 tahun	FFTP
40.	The Asian Institute of Technology (AIT), Thailand	Akademik	15/05/14 – 15/05/17 3 tahun	FFTP
41.	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	Akademik	12/02/15 – 12/02/18 3 tahun	FFTP
42.	University of Missouri – Kansas City	Akademik	30/01/15 – 30/01/18 3 tahun	FFTP
43.	University of Va'asa	Akademik dan Penyelidikan	09/04/15 – 09/04/18 3 tahun	FFTP
44.	Malaysian Association of Facility Management	Penyelidikan Pengurusan Fasilitas	20/12/15 – 20/12/18 3 tahun	FFTP
45.	Teak Ltd, Finland	Penyelidikan	07/03/16 – 07/03/19 3 tahun	FFTP
46.	Heitech Padu Berhad	Penyelidikan	5/12/16 - 5/12/19 3 tahun	FFTP
47.	Institut Pertanian Bogor	Akademik	28/12/13 – 28/12/16 3 tahun	PPD
48.	Majlis Agama Islam Negeri Johor	Kerjasama Program ASWAJA	17/11/15 – 17/11/18 3 tahun	ASWAJA
49.	Universiti Teknologi Malaysia	Penyelidikan	02/11/14 – 02/11/17 3 tahun	PNC HIM
50.	Universiti Sains Islam Malaysia	Penyelidikan	02/11/14 – 02/11/17 3 tahun	PNC HIM
51.	Majlis Penyelaras Gabungan NGO Melayu Negeri Johor	Kerjasama Program Car Booth Sales	26/12/15 – 26/12/16 1 tahun	PNC HIM
52.	Universiti Teknologi Malaysia	Rakan Penyelidik RU	13/05/15 – 13/05/18 3 tahun	ORICC

53.	Trio Innovation Sdn. Bhd.	Penyelidikan Kejuruteraan	29/09/15 – 29/09/18 3 tahun	ORICC
54.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	Akademik	21/02/12 – 21/02/17 5 tahun	CAD
55.	Universitas Gadjah Mada Indonesia	Akademik	05/10/13 - -5/10/16 3 tahun	PPUK
56.	Persekutuan Silat Melayu Netherland	Penganjuran Kejohanan Silat	06/11/13 – 06/11/16 3 thun	PS
57.	Dewan Bahasa dan Pustaka	Penerbitan	04/11/14 – 04/11/17 3 tahun	PENERBIT
58.	Malaysian Division of China Scholarship Council	Akademik	13/04/15 – 13/04/18 3 tahun	IO

Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah

Institit Ahli Sunnah Wal Jamaah

Bengkel Pembinaan Modul dan Penyediaan Kertas Kerja Program Pengkaderan Ahli Sunnah wal Jamaah

Bengkel ini telah diadakan pada 6-7 Januari 2016 di Makmal Bahasa 2, UTHM. Bengkel membabitkan penyertaan Ketua Jabatan IASWJ, pensyarah-pensyarah Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan serta Ustaz Sabaruddin bin Isnin dari Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) yang bertindak sebagai fasilitator. Tujuan bengkel ini dilaksanakan adalah bagi membina modul-modul yang akan digunakan

dalam program pengkaderan Ahli Sunnah Wal Jama'ah peringkat Negeri Johor dan menyediakan satu kertas kerja program untuk perhatian dan kelulusan MAIJ. Antara dapatan hasil daripada bengkel ini adalah Penyelarasan tajuk-tajuk modul pengkaderan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan penyediaan kertas kerja Program Pengkaderan Ahli Sunnah wal Jamaah

Kunjungan Hormat dan Perbincangan Pimpinan Al- Khidmah Indonesia Institut Ahli Sunnah wal Jamaah

Pimpinan Yayasan Al-Khidmah Indonesia telah mengadakan kunjungan hormat dan perbincangan dengan Y.Bhg Datuk Naib Canselor UTHM dan Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah pada 3 Februari 2016 bertempat di Pejabat Naib Canselor UTHM. Delegasi pimpinan Yayasan Al-Khidmah seramai 10 orang dan diketuai oleh Kiyai Hasanuddin manakala IASWJ

diwakili oleh Ketua Jabatan Prof. Madya Sr. Dr. Wan Zahari Wan Yusof dan Prof. Madya Dr. Syed Muhammad Dawilah Al-Edrus. Kedua-dua pihak iaitu Yayasan Al-Khidmah dan IASWJ UTHM bersetuju untuk bekerjasama mengadakan Majlis Hol Allahyarham Tun Hussein Onn pada bulan Mei 2016.



Majlis Sambutan Maulidur Rasul anjuran bersama Persatuan Qurra' Negeri Johor dan IASWJ

Sambutan Majlis Maulidur Rasul anjuran bersama Persatuan Qurra' Negeri Johor dan IASWJ telah diadakan pada 12 Februari 2016. Penceramah undangan adalah YBhg. Datuk Ustaz Badlishah bin Hj. Alaudin, Ketua Penolong Pengarah,

Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau Negeri Pahang. Majlis turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan pegawai-pegawai kanan Universiti yang lain serta ketua-ketua masyarakat setempat.

3rd International Conference on Muslim Community Development in Asean

'3rd International Conference on Muslim Community Development in Asean' telah diadakan pada 26 Mac 2016 bertempat di Dewan Kuliah 2, UTHM. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Dekan Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan (FSTPi) manakala ucaptama disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Syed Muhammad Dawilah Al-Edrus dari IASWJ. Seramai 36 peserta dari UTHM dan beberapa Universiti dari negara-negara ASEAN telah membentangkan kertas kerja dalam

persidangan ini. Persidangan ini merupakan kerjasama antara UTHM dengan Universitas Muhammadiyah, Malang Indonesia dan anjuran bersama FSTPi, IASWJ dan Asian Muslim Conference Association (AMCA). Persidangan ini telah mewujudkan hubungan kerjasama dalam bentuk ilmiah khususnya dalam bidang penyelidikan dan penerbitan. Selain itu, ianya memberi peluang kepada staf-staf akademik UTHM untuk membentangkan hasil penyelidikan mereka di peringkat antarabangsa.



Majlis Hol Allahyarham Tun Hussein Onn

Majlis Hol Allahyarham Tun Hussein Onn telah diadakan pada 22 Mei 2016 bertempat di Masjid Sultan Ibrahim, UTHM. Majlis ini turut dihadiri oleh Menteri Pertahanan Malaysia merangkap Menteri Mentor UTHM, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein dan keluarga. Turut hadir Timbalan Menteri Pengangkutan YB Dato' Aziz Kaprawi, Speaker Dewan Negeri Johor YB

Tan Sri Mohamad Aziz, Naib Canselor UTHM dan kenamaan-kenamaan lain. Seramai 2000 orang terdiri daripada staf, pelajar dan masyarakat sekitar menghadiri majlis ini. Bacaan tahlil dan doa dipimpin oleh YB Sahibus Samahah Dato' Md. Tahrir bin Dato' Kiyai Haji Samsudin, Mufti Kerajaan Negeri Johor.

Seminar Serantau Pemantapan Akidah Ahli Sunnah wal Jamaah

Seminar Serantau Pemantapan Akidah Ahli Sunnah wal Jamaah telah diadakan pada 22 Mei 2016 bertempat di Dewan Seminar Al-Farabi, Masjid Sultan Ibrahim UTHM. Seminar bertujuan memberi kefahaman berkaitan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah kepada peserta yang terdiri daripada peserta Malaysia dan Indonesia. Sebanyak 4 kertas kerja telah dibentangkan

dalam seminar ini yang terdiri daripada pembentang dari Malaysia dan Indonesia. Pembentang dari Malaysia ialah YB Sahibus Samahah Dato' Md Tahrir bin Dato' Kiyai Haji Samsudin, Mufti Kerajaan Negeri Johor dan Prof. Madya Dr. Syed Muhammad Dawilah Al-Edrus dari Institut Ahli Sunnah wal Jamaah.

Majlis Kerjasama Wakaf Majlis Agama Islam Johor dan Institut Ahli Sunnah wal Jamaah dengan Madrasah Tahfiz Al-Quran Al-Muttaqin

Majlis Kerjasama Wakaf diadakan di Kompleks Mayang Sari, Bukit Pasir Muar pada 2 Julai 2016 bersamaan 27 Ramadan 1437 Hijrah. Majlis ini diadakan bagi menyempurnakan sesi penyerahan harta wakaf berupa sebidang tanah seluas 2.5 ekar dan bangunan 2 tingkat yang digunakan sebagai madrasah tahfiz oleh pemilik Syarikat Mayang Sari Ekspres, YBhg Dato' Haji Azman bin Mohd Arof kepada Majlis Agama Islam Johor (MAIJ). Institut Ahli Sunnah wal Jamaah telah dilantik untuk menguruskan harta

wakaf ini oleh MAIJ. Turut menyaksikan majlis penyerahan ini adalah Penasihat MAIJ, YB Dato' (Dr) Haji Nooh bin Gadot, Mufti Johor YB SS Dato' Haji Mohd Tahrir bin Dato' Samsudin, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr. Wahid bin Razaly, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Dr. Hashim bin Saim dan Penolong Naib Canselor (Hubungan Industri dan Masyarakat) Prof. Dato' Dr. Abdul Razak bin Haji Omar.



Lawatan Kerja Majlis Agama Islam Johor dan Institut Ahli Sunnah wal Jamaah ke Sekolah Menengah Imtiyaz Ulul Albab Melaka

Lawatan kerja Majlis Agama Islam Johor dan Institut Ahli Sunnah wal Jamaah ke Sekolah Menengah Imtiyaz Ulul Albab Melaka pada 25 Julai 2016 bertujuan untuk melihat kurikulum dan pengurusan sekolah berkenaan untuk dijadikan contoh dalam pengurusan Ma'had Tahfiz Al-Quran Al-Muttaqin. Turut serta dalam lawatan ini ialah YB Dato' (Dr) Haji Nooh bin

Gadot, Timbalan Mufti Johor YB Dato' Haji Yahya bin Ahmad, Pemangku Pengarah IAWSJ YBhg Prof. Dato' Dr Abdul Razak bin Haji Omar dan Penasihat Ma'had YBhg Dato' Haji Azman bin Mohd Arof. Rombongan disambut oleh Setiausaha Lembaga Pengurusan Sekolah YBhg. Dato' Hisham bin Abd Majid dan Pengetua Encik Azharizan bin Yaacob.



Majlis Penyerahan Bangunan Pondok Universiti II

Majlis Penyerahan Bangunan Pondok Universiti II telah diadakan bersekalikan dengan Jamuan Raya Syarikat Mayang Sari Ekspres di Kompleks Mayang Sari, Bukit Pasir Muar pada 27 Julai 2016. Tetamu majlis adalah YBhg Tan Sri Syed Hamid Jaafar Albar, Pengerusi SPAD. Pemilik Syarikat Mayang Sari Ekspres YBhg. Dato' Haji Azman bin Mohd Arof telah memberikan kebenaran

kepada Institut Ahli Sunnah wal Jamaah untuk menggunakan bahagian bawah Kompleks Mayang Sari bagi menjalankan program Pondok Universiti II dan program-program ilmu yang lain. Setelah selesai majlis telah diadakan mesyuarat penyelarasan terakhir bersama tenaga pengajar Pondok Universiti II di Bilik Mesyuarat Kompleks Mayang Sari.



Bengkel Pembentukan Kurikulum Ma'had Tahfiz Al-Quran Al-Muttaqin

Bengkel Pembentukan Kurikulum Ma'had Tahfiz Al-Quran Al-Muttaqin diadakan di Bilik Mesyuarat As-Shafie, Pusat Islam pada 29 Julai 2016 bermula jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Bengkel ini membincangkan pembentukan kurikulum Ma'had Tahfiz Al-Quran Al-Muttaqin. Turut hadir

dalam bengkel ini ialah Ahli Majlis Agama Islam Johor Tuan Syed Ahmad bin Syed Abdullah, dua orang fasilitator dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) iaitu Prof. Madya Dr. Ahamad Asmadi bin Sakat dan Dr Wan Nasyruddin bin Wan Abdullah.

Bengkel Johor Tahfiz Quality Assurance (JTQA)

Bengkel Johor Tahfiz Quality Assurance (JTQA) telah diadakan di Bilik Perbincangan Pusat Islam pada 29 Julai 2016 bermula jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Bengkel ini membincangkan pembinaan dokumen Johor Tahfiz Quality Assurance (JTQA). Turut hadir dalam bengkel ini adalah Ketua Pegawai Eksekutif MARSAAH Prof. Dr. Md Som bin Sujimon, Ketua Jabatan Tahfiz

MARSAAH Ustaz Omar bin Mukhti, pensyarah-pensyarah MARSAAH, Dekan dan Timbalan Dekan Pusat Pembangunan Latihan dan Akademik UTHM Prof. Dr. Azme bin Khamis dan Prof. Madya Dr. Alina binti Shamsudin. IASWJ telah dilantik sebagai badan pemantau pelaksanaan JTQA ini apabila dilancarkan kelak.

Lawatan Kerja Institut Ahli Sunnah wal Jamaah dan Majlis Agama Islam Johor ke Yayasan Restu dan Kolej Restu

Lawatan Kerja Institut Ahli Sunnah wal Jamaah bersama Majlis Agama Islam Johor ke Yayasan Restu dan Kolej Restu di Kompleks Taman Seni Islam, Shah Alam, Selangor pada 22 Ogos 2016 mulai jam 2.00 petang hingga 5.00 petang. Lawatan ini disertai oleh delegasi dari Institut Ahli

Sunnah wal Jamaah dan Majlis Agama Islam Johor yang diketuai oleh YB Dato' (Dr) Haji Nooh bin Gadut. Delegasi lawatan telah disambut oleh Pengerusi Yayasan Restu, YBhg. Dato' Abdul Latif Mirasa yang turut menyampaikan taklimat berkaitan Yayasan Restu.

Lawatan Kerja Institut Ahli Sunnah wal Jamaah dan Majlis Agama Islam Johor ke Pusat Pengajian Al-Barakah, Ipoh, Perak

Lawatan Kerja Institut Ahli Sunnah wal Jamaah bersama Majlis Agama Islam Johor ke Pusat Pendidikan Al-Barakah bertempat di Kampung Manjoi, Ipoh, Perak pada 23 Ogos 2016 mulai jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang. Lawatan ini disertai oleh delegasi dari Institut Ahli Sunnah wal Jamaah dan Majlis Agama Islam Johor yang diketuai oleh YB Dato' (Dr) Haji Nooh bin Gadut. Delegasi lawatan telah disambut oleh Pengetua

Pusat Pendidikan Al-Barakah, YBhg. Datuk Ustaz Kazim Elias Al-Hafiz yang sudi meluangkan masa memberikan taklimat dan membawa delegasi lawatan ke seluruh kawasan Pusat Pendidikan Al-Barakah. Sempena dengan lawatan ini satu mini forum telah diadakan dengan panel terdiri daripada Penasihat MAIJ YB Dato' (Dr) Haji Nooh bin Gadot dan Mufti Johor YB Sahibus Samahah Dato' Haji Md. Tahrir bin Dato' Kiyai Haji Samsudin.



Lawatan Hormat Institut Ahli Sunnah wal Jamaah dan Majlis Agama Islam Johor kepada YB Menteri Pendidikan Malaysia

Lawatan Hormat Institut Ahli Sunnah wal Jamaah dan Majlis Agama Islam Johor kepada Menteri Pendidikan Malaysia, YB Dato' Seri Mahadzir Khalid telah diadakan di Pejabat Menteri Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya pada 29 Ogos 2016 mulai jam 10.30 pagi. Turut menyertai lawatan hormat ini adalah Penasihat MAIJ, Timbalan Mufti Johor dan

Pengarah Jabatan Agama Islam Johor. IASWJ diwakili oleh Pemangku Pengarah dan Ketua Jabatan. Sempena dengan lawatan hormat ini telah diadakan perbincangan dengan Menteri Pendidikan yang memfokuskan kepada pembangunan pendidikan Islam di Negeri Johor khususnya.



Program Diskusi Buku

Program Diskusi Buku telah dapat dilaksanakan sebanyak dua kali iaitu pada 21 Ogos 2016 dan 30 Oktober 2016. Pendiskusi jemputan ialah Ustaz Nur Hidayat Muhammad dari Ahli Sunnah Research Group Johor Bahru. Beliau telah mengupas dua buku tulisannya yang bertajuk

Menjawab Pertuduhan Buku Hadis Palsu Popular Dalam Masyarakat Melayu dan Tarekat dari Neraca Syariat. Kupasan yang dibuat menjawab terus kepada persoalan-persoalan yang selalu dikaitkan dengan kefahaman dan pengamalan para pengikut Ahli Sunnah wal Jamaah.

Program Pondok Universiti Musim Ketiga

Program Pondok Universiti Musim Ketiga telah dilaksanakan pada setiap hari Khamis mulai 10 Mac 2016 hingga 29 Disember 2016. Program ini dilaksanakan di Dewan Seminar Al-Farabi dan Ruang Solat Utama, Masjid Sultan Ibrahim UTHM mulai jam 2.00 petang hingga 4.00 petang. Murabbi Pondok Universiti Musim Ketiga terdiri daripada Kiyai Haji Suhaili bin Solihin, Ustaz Abu Zaki bin Yusof Al-Hadhrami dan Ustaz Yaakub bin Muhammad. Sepanjang pelaksanaan program ini telah diadakan dua Edisi Khas Pondok Universiti melibatkan Kiyai Muhammad Idrus Ramli pada

31 Mac 2016 dan Syeikh Muhammad Nuruddin Marbu Al-Banjari Al-Makki pada 8 September 2016. Program ini telah berjaya memberikan pendidikan berkonsepkan pengajian kitab secara bertalaqqi sebagaimana diamalkan di pondok-pondok dan pesantren seluruh dunia. Pengajian pondok ini melibatkan 3 asas utama agama Islam iaitu akidah, syariah dan akhlak kepada staf, pelajar dan masyarakat setempat sekitar UTHM dengan menjadikan kitab-kitab turath sebagai rujukan utama.



Program Pondok Universiti II di Kompleks Mayang Sari, Bukit Pasir Muar

Program Pondok Universiti II telah dilaksanakan di Kompleks Mayang Sari, Bukit Pasir, Muar bermula pada 1 Ogos 2016 hingga 28 November 2016. Program telah dilaksanakan pada waktu malam mulai jam 9.00 malam hingga 10.30 malam melibatkan masyarakat sekitar dan para pelajar Ma'had Tahfiz Al-Quran Al-Muttaqin. Murabbi Pondok Universiti II terdiri daripada Ustaz Ahmad

bin Tunggal, Ustaz Ishak Hanis bin Asmail, Ustaz Syed Esaanageb bin Syed Yassin, Ustaz Mohd Shahrin bin Yasin dan Ustazah Hajah Asinah binti Abdul Rahman. Sebuah kitab telah berjaya dikhatamkan iaitu kitab Safinatun Naja' yang dibawa oleh Ustaz Syed Esaanageb bin Syed Yassin.

Forum Perdana Ehwat Islam Bersama Datuk Ustaz Kazim Elias dan Dato' (Dr) Haji Nooh bin Gadot

Forum Perdana Ehwat Islam dengan tajuk Pendidikan Tahfiz Sebagai Pemangkin Aqidah Ahli Sunnah wal Jamaah telah diadakan pada 20 Oktober 2016 di Kompleks Mayang Sari, Bukit Pasir, Muar. Panel forum terdiri daripada YBhg. Datuk Ustaz Kazim Elias dan YB Dato' (Dr) Haji Nooh bin Gadot. Program ini anjuran bersama Institut Ahli Sunnah wal Jamaah, Pejabat Daerah

Muar, Majlis Perbandaran Muar, Syarikat Mayang Sari Ekspres, NGO Gabungan Melayu Johor, Ma'had Tahfiz Al-Quran Al-Muttaqin, Pejabat Kadi Daerah Muar dan beberapa jabatan kerajaan daerah Muar. Program ini telah berjaya menarik kehadiran seramai 10,000 orang yang terdiri daripada masyarakat sekitar daerah Muar dan daerah yang berdekatan.



Bengkel Pemurnian Modul dan Kursus Asas Pengkaderan Ahli Sunnah wal Jamaah

Bengkel Pemurnian Modul dan Kursus Asas Pengkaderan Ahli Sunnah wal Jamaah telah diadakan pada 22 dan 23 Oktober 2016 bertempat di Hotel Zamsaham, Senai, Johor. Bengkel ini telah dikendalikan sepenuhnya oleh Kiyai Muhammad Idrus bin Ramli, Penasihat Ahli Sunnah wal Jamaah Negeri Johor dan dihadiri seramai 30 orang terdiri daripada staf dan pelajar UTHM. Program ini telah mencapai dua matlamat utama iaitu membuat semakan terhadap modul adaptasi bagi kursus pengkaderan Ahli Sunnah wal Jamaah yang dihasilkan oleh pensyarah-pensyarah panel pengajian Islam UTHM. Semakan juga telah

dibuat oleh Kiyai Muhammad Idrus dan diterima dan akan digunapakai dalam kursus-kursus pengkaderan anjuran Majlis Agama Islam Johor dan Jabatan Agama Islam Johor. Matlamat kedua dari bengkel ini adalah melahirkan kader-kader yang akan keluar kepada masyarakat untuk memberikan penerangan berkaitan ahli sunnah wal jamaah. Perasmian penutup bengkel telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIJ, Tuan Haji Rofki bin Dato' Kiyai Haji Samsudin. Turut hadir dalam majlis penutup adalah YB Sahibus Samahah Dato' Haji Md. Tahrir bin Dato' Kiyai Haji Samsudin.

Bengkel Pembangunan Elemen Paradigma Tauhid UTHM

Bengkel Pembangunan Elemen Tauhid UTHM telah diadakan pada 23 November 2016 dan 28 Disember 2016 bertempat di Dewan Seminar Al-Farabi, Masjid Sultan Ibrahim UTHM. Bengkel ini bertujuan untuk menghasilkan elemen-elemen paradigma tauhid UTHM. Peserta bengkel terdiri daripada felo-felo penyelidik IASWJ serta wakil-

wakil daripada Pusat Tanggungjawab yang berkaitan. Bengkel ini telah berjaya menghasilkan elemen-elemen paradigma tauhid UTHM dan akan dinilai terlebih dahulu oleh pakar-pakar dari luar UTHM sebelum dibawa ke pengurusan tertinggi UTHM untuk dipersetujui.

Perpustakaan Tunku Tun Aminah

PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Perkhidmatan perpustakaan merupakan salah satu sektor yang penting dalam pendidikan tinggi. Peningkatan dalam kualiti perkhidmatan seharusnya diberi perhatian dalam usaha menjadikan Perpustakaan sebagai pusat pengetahuan dan pembangunan intelektual. Langkah ini seiring dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi serantau. Bagi memastikan Perpustakaan berupaya melaksanakan langkah-langkah meningkatkan kualiti perkhidmatannya Perpustakaan mestilah bersedia untuk berhadapan dengan pelbagai cabaran. Pada masa kini pihak pengurusan Perpustakaan Akademik di Malaysia sedang berhadapan dengan cabaran kekangan kewangan. Perpustakaan perlu mengurus peruntukan secara berhemah dan mengoptimumkan sumber sedia ada. Antara langkah-langkah yang perlu diambil bagi menangani cabaran ini adalah melalui penjana pendapatan. Pelbagai kaedah untuk penjana pendapatan perlu dilaksanakan termasuklah sewaan ruang dan peralatan, perkhidmatan sokongan akademik, penjualan cenderamata, perkhidmatan pakej maklumat dan sebagainya. Selain dari itu, Perpustakaan juga perlu mengoptimumkan penggunaan staf, pembelian bahan rujukan dan melaksanakan pelan penjimatan tenaga dan utiliti.



Perpustakaan perlu bergerak seiring dengan perkembangan teknologi maklumat bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan terus relevan dan berdaya saing. Ruang fizikal yang ada perlu dioptimumkan penggunaannya untuk aktiviti akademik, sosial, keusahawanan dan kemasyarakatan. Disamping itu menaik taraf ruang sedia ada perlu dilaksanakan sesuai dengan keperluan pengguna dan trend semasa. Selain itu Perpustakaan juga perlu meningkatkan perkhidmatan secara atas talian dan penyediaan bahan digital untuk

memperkasakan akses maklumat secara maya, persidangan video, komunikasi melalui media sosial dan sebagainya dapat dilaksanakan. Pembangunan koleksi Perpustakaan perlu berpaksi kepada permintaan pengguna dari pelbagai latar belakang dan tahap pendidikan. Keperluan maklumat bagi setiap pengguna adalah berbeza antara satu sama lain. Oleh yang demikian, Perpustakaan perlu memenuhi kepelbagaian keperluan pengguna ini dalam membangunkan koleksi sama ada versi bercetak, sumber atas talian dan bahan-bahan yang didigitalkan dari koleksi penulisan ilmiah universiti seperti kertas persidangan, laporan penyelidikan, artikel jurnal, tesis dan sebagainya.



Trend penggunaan Perpustakaan ternyata telah berubah terutamanya dari kalangan generasi muda. Keperluan maklumat pengguna pada masa kini lebih kompleks, memerlukan perkhidmatan Perpustakaan yang lebih cekap dan responsif. Secara relatif, pada masa kini pengguna lebih cenderung untuk mengakses secara atas talian berbanding mengunjungi Perpustakaan secara fizikal. Pengguna lebih selesa menggunakan telefon pintar, tablet PC, 'laptop' dan lain-lain gajet serta media sosial seperti facebook, twitter, blog dalam mendapatkan maklumat dan berinteraksi dengan pihak Perpustakaan. Oleh yang demikian pihak Perpustakaan perlu mengambil inisiatif membangun dan menyediakan perkhidmatan digital secara terancang, sistematik dan bersepadu dengan mengambil kira keperluan pengguna dan perkembangan teknologi semasa dalam pemilihan perkakasan, perisian, teknologi dan sistem Perpustakaan yang bersesuaian.

Perpustakaan perlu meningkatkan kolaborasi diperingkat antarabangsa dan nasional bagi menyebarkan luas peranannya melalui penglibatan dalam Conference of South East Asia Libraries

(CONSAL), International Federation of Library Association (IFLA), Majlis Ketua Pustakawan (MKP), Working Group of Private University (KKPI), Conference of National & Universities Library (PERPUN) dan Special Libraries Committee (SLC). Kolaborasi perlu dijalinan dengan fakulti, institusi pendidikan, Perpustakaan, agensi kerajaan, swasta dan industri serta badan NGO. Antara kolaborasi yang boleh dijalankan adalah perkongsian sumber rujukan, pengetahuan dan pengalaman, pusat rujukan bersama, pembangunan staf dan perkongsian fasiliti.



Perubahan dalam bidang pendidikan tinggi dan kemajuan teknologi pada masa kini memerlukan pustakawan memberikan perkhidmatan yang cemerlang. Oleh itu,

pihak perpustakaan perlu membangunkan kemahiran staf dalam mengesan dan mencapai maklumat, menyampaikan maklumat dengan berkesan dan berkeupayaan memberikan khidmat rundingan yang memuaskan kepada pengguna. Pengguna Perpustakaan sama ada staf akademik, penyelidik dan pelajar akan menilai kemampuan Perpustakaan berdasarkan kepada kualiti perkhidmatan yang diberikan. Oleh itu, pihak Perpustakaan perlu menyediakan sumber maklumat yang berkualiti, penyampaian perkhidmatan yang terbaik, menjalinan kerjasama dengan fakulti dan pusat kecemerlangan dan sebagainya.

Perpustakaan akan terus menerajui pembangunan harta intelek dan menyokong program keserjanaan Universiti. Antara langkah yang perlu diperluaskan adalah dengan menjadikan Perpustakaan sebagai pusat rujukan yang terlibat secara aktif dalam proses pengumpulan, pemuliharaan dan penyebaran koleksi harta intelek para ilmuwan. Oleh itu para ilmuwan perlu dilibatkan sebagai pakar rujuk dalam pembangunan koleksi khusus. Pustakawan juga perlu berperanan dalam penyebaran maklumat yang berkaitan dengan hak cipta, lesen dan perjanjian agar pengguna mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.



PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH, UTHM

Perkembangan Perpustakaan Tunku Tun Aminah

Koleksi

Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA) UTHM menyediakan koleksi rujukan yang pelbagai kepada para pengguna untuk membuat rujukan. Sehingga Disember 2016, jumlah koleksi

PTTA UTHM adalah sebanyak 271,975 naskah monograf dan audio visual, 15,721 judul tesis, 57 judul bahan serial dan 167,482 judul koleksi atas talian.

Pendaftaran Keahlian

Pihak PTTA UTHM akan mendaftarkan semua pelajar dan staf UTHM sebagai ahli. Pelajar dan staf baru dinasihatkan agar menyemak akaun pengguna melalui laman web PTTA UTHM. Pihak PTTA UTHM memuat-turun rekod pelajar/staf dari sistem maklumat pelajar/staf ke dalam sistem PTTA UTHM dari semasa ke semasa. Sekiranya rekod tersebut masih belum terdapat dalam sistem, pengguna hendaklah mengisi borang pendaftaran keahlian di Kaunter Sirkulasi. Kelayakan peminjaman bagi setiap ahli akan ditentukan mengikut kategori pengguna. Ahli masyarakat di luar kampus boleh memohon keahlian luar untuk bersama memanfaatkan sumber maklumat, perkhidmatan dan kemudahan.



Peminjaman Dan Pemulangan

Peminjaman bahan PTTA UTHM boleh dilakukan di Kaunter Sirkulasi atau di mesin pinjaman layan diri. Pengguna perlu membawa kad pelajar/staf semasa berurusan di kaunter atau mesin pinjaman. Pengguna dilarang menggunakan kad pengguna lain. Setiap transaksi peminjaman bahan akan disertakan slip peminjaman. Pengguna dinasihatkan menyemak tarikh pemulangan bahan pada slip tersebut atau melalui rekod pinjaman dalam akaun pengguna bagi mengelakkan dendaan lewat memulangkan bahan. Kadar dendaan lewat adalah mengikut kategori bahan. Pemulangan bahan perpustakaan boleh dilakukan di Kaunter Sirkulasi atau melalui Book Drop. Setiap transaksi pemulangan bahan akan disertakan slip pemulangan. Pengguna dinasihatkan menyimpan slip tersebut sehingga rekod pinjaman dalam akaun pengguna disemak dan dipastikan telah dikemaskini.

Perkhidmatan Penghantaran

Perkhidmatan penghantaran bahan PTTA UTHM adalah untuk staf akademik dalam kawasan kampus sahaja. Perkhidmatan ini meliputi penghantaran bahan yang ditempah iaitu buku koleksi akses terbuka, bahan audio visual dan bahan yang dimohon melalui perkhidmatan pinjaman antara perpustakaan. Bahan yang dimohon akan direkodkan dalam akaun pengguna pemohon dan akan dihantar ke pejabat pemohon. Pengguna juga boleh memohon untuk memulangkan bahan melalui perkhidmatan ini.

Pangkalan Data Atas Talian

Pangkalan data atas talian adalah salah satu kemudahan yang di sediakan oleh PTTA UTHM bagi memenuhi keperluan akademik di Universiti. Subjek bidang yang disediakan dalam pangkalan data ini meliputi bidang kejuruteraan, sains, pengurusan, ekonomi, pendidikan, teknologi dan sebagainya. Akses pangkalan data ini adalah secara atas talian dan boleh dicapai oleh pengguna di dalam atau luar kawasan UTHM. Pangkalan data ini menyediakan akses teks penuh yang boleh dibuka melalui format PDF atau HTML.

Jurnal Elektronik

Sehingga Disember 2016, sebanyak 81 judul jurnal terdapat di dalam koleksi PTTA UTHM. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 64 judul disediakan pautan dalam versi elektronik yang boleh diakses secara teks penuh manakala 17 judul adalah dalam bentuk bercetak. Judul elektronik ini boleh dicapai di dalam kawasan kampus dan menggunakan EzProxy bagi luar kampus.

Buku Elektronik

PTTA UTHM telah memperoleh dan melanggan tiga (3) pangkalan data yang menyediakan kemudahan e-buku iaitu Ebrary, Knovel dan IGI Global InfoSci. Selain itu, pengguna juga dapat mengakses eBook Collection (EBSCOhost) dan World Scientific e-Books langganan Pusat Sitasi Malaysia. Sebanyak 142,480 judul e-buku telah disediakan dan boleh diakses oleh pengguna 24 jam sehari, 7 hari seminggu. e-buku ini menggunakan format PDF dan boleh diakses di dalam kawasan kampus dan luar kampus dengan menggunakan EzProxy.

Perkhidmatan Rujukan

Pengguna yang ingin mendapatkan bahan untuk penyelidikan dinasihatkan berjumpa pustakawan di meja rujukan (Aras 1). Pengguna boleh berbincang dengan pustakawan yang bertugas untuk mendapatkan panduan berkenaan kaedah pencarian bahan yang sesuai dengan keperluan pengguna. Pustakawan akan mengenalpasti keperluan sebenar pengguna sebelum mencadangkan beberapa sumber maklumat yang boleh digunakan.



Kelas Kemahiran Literasi Maklumat

Kelas ini adalah program bimbingan khusus mengenai penggunaan perkhidmatan dan kemudahan di PTTA UTHM. Pustakawan akan mengendalikan kelas pada tarikh yang telah ditentukan pada setiap semester. Topik perbincangan meliputi teknik pencarian bahan melalui katalog perpustakaan dan pencarian maklumat melalui pangkalan data atas talian. Dengan mengikuti kelas ini, pengguna berpeluang mempraktikkan teknik pencarian maklumat dengan bimbingan pustakawan. Sehingga Disember 2016, kelas kemahiran yang diadakan oleh PTTA UTHM adalah berjumlah 63 sesi dengan kehadiran 6,133 peserta.

Pinjaman Antara Perpustakaan

Perkhidmatan ini membantu pengguna mendapatkan bahan yang tiada dalam koleksi PTTA UTHM tetapi terdapat di perpustakaan universiti tempatan yang lain dan di British Library. Bahan rujukan yang dibenarkan dipinjam melalui perkhidmatan ini adalah buku, artikel jurnal, kertas persidangan dan piawai sahaja. Tiada bayaran perkhidmatan dikenakan kepada pengguna. Tempoh pinjaman bahan yang dimohon adalah tertakluk kepada peraturan yang dikenakan oleh perpustakaan pembekal. Pengguna dikehendaki mengisi maklumat bahan yang dimohon dengan lengkap dalam borang permohonan PAP yang boleh didapati di Kaunter Sirkulasi atau melalui laman web PTTA UTHM. Status permohonan akan dimaklumkan kepada pengguna melalui e-mail atau telefon.

Penyebaran Maklumat Terpilih

Perkhidmatan ini meliputi penghantaran halaman kandungan jurnal terkini dan senarai bahan baru. Perkhidmatan halaman kandungan jurnal terkini adalah untuk staf akademik sahaja dimana halaman kandungan jurnal yang dipilih akan dihantar terus kepada pemohon melalui e-mail. Perkhidmatan senarai bahan baru disediakan untuk memaklumkan kepada pengguna mengenai bahan-bahan terkini di PTTA UTHM. Senarai ini diedarkan kepada pelajar dan staf.

Kemudahan-Kemudahan Lain

Katalog Perpustakaan

Pengguna boleh mengakses katalog perpustakaan (OPAC) melalui laman web PTTA UTHM menggunakan komputer yang disediakan di setiap aras. Melalui OPAC, pengguna boleh melakukan carian rekod bibliografi dan status bahan rujukan yang terdapat di PTTA UTHM. Pengguna juga boleh menyemak akaun perpustakaan menggunakan komputer ini.

Loker

Pengguna boleh menyimpan barang di dalam lima ratus (500) unit loker terbuka yang disediakan berhampiran pintu masuk utama PTTA UTHM. Pengguna dinasihatkan tidak menyimpan barangan berharga. Pihak PTTA UTHM tidak bertanggungjawab keatas sebarang kehilangan barang persendirian milik pengguna.

Karel Terbuka

Pengguna yang memerlukan privacy untuk belajar boleh menggunakan karel terbuka. Terdapat seratus (100) unit karel terbuka disediakan di setiap aras.

Kunci Laptop

Kunci laptop disediakan untuk memastikan keselamatan laptop pengguna semasa berada di dalam PTTA UTHM. Pengguna yang membawa laptop dinasihatkan menggunakan kemudahan ini. Permohonan untuk meminjam kunci laptop boleh dilakukan di Kaunter Sirkulasi (Aras 1).



Wi-Fi Access

Bangunan PTTA UTHM dilengkapi dengan kemudahan mengakses internet tanpa wayar atau Wi-Fi.

Mesin Pinjaman Layan Diri

Pengguna boleh meminjam buku koleksi Akses Terbuka tanpa perlu beratur di Kaunter Sirkulasi dengan menggunakan lima (5) unit mesin pinjaman layan diri yang disediakan.

Book Drop

Tiga (3) unit Book Drop disediakan di aras bawah Bangunan PTTA UTHM, Arked dan Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail untuk pemulangan buku yang beroperasi 24 jam.



Bilik Iqra'

Seratus (100) unit bilik karel yang dinamakan Bilik Iqra', disediakan untuk kemudahan pengguna yang memerlukan lebih privacy untuk belajar bersendirian. Bilik-bilik tersebut yang dilengkapi dengan network point dan electric socket terletak di Aras 2 dan Aras 4. Kadar sewaan adalah sebanyak RM10.00/ bulan.

Bilik Hikmah Dan Eksplorasi

Empat puluh (40) unit bilik untuk kemudahan pengguna mengadakan perbincangan dan pembelajaran secara berkumpulan disediakan di Aras 2 dan Aras 3. Bilik-bilik ini dinamakan Bilik Hikmah dan Bilik Eksplorasi. Bilik Hikmah boleh memuatkan sehingga 6 orang pengguna, manakala Bilik Eksplorasi pula sehingga 10 orang pengguna. Bilik-bilik tersebut dilengkapi dengan network point dan electric socket. Tempahan boleh dilakukan di Kaunter Sirkulasi (Aras 1).

Bilik Lestari

Dua (2) unit bilik disediakan untuk kemudahan pengguna mengadakan persidangan dan perbincangan ilmiah di Aras 3. Bilik-bilik ini dinamakan Bilik Lestari. Ia boleh memuatkan sehingga 80 orang pengguna bagi setiap bilik dan dilengkapi dengan projektor LCD dan skrin. Tempahan boleh dilakukan di Kaunter Sirkulasi (Aras 1).

Bilik pencarian maklumat

Pengguna boleh menggunakan lima puluh (50) unit komputer yang disediakan di dalam Bilik Pencarian Maklumat yang terletak di Aras 2 untuk mengakses online databases, e-journals, e-books dan katalog perpustakaan. Melayari internet hanya dibenarkan untuk tujuan penyelidikan dan akademik sahaja. Bilik ini dilengkapi dengan pencetak laser. Bayaran bagi mencetak sehelai kertas bersaiz A4 ialah RM0.20 untuk cetakan hitam dan putih dan RM0.50 untuk cetakan warna.

Bilik Sarjana Al-Shirazi

Bilik Sarjana Al-Shirazi disediakan khas untuk kegunaan pelajar pasca ijazah dan staf akademik. Ia terletak di Aras 3 dan boleh memuatkan sehingga 100 orang pengguna. Bilik ini dilengkapi dengan tiga puluh (30) unit komputer, sofa, TV, karek, electric socket dan network point.

Bilik Bacaan 24 Jam

Bilik Bacaan 24 Jam boleh digunakan untuk aktiviti pembelajaran semasa dan selepas waktu pembukaan perpustakaan. Ia dilengkapi dengan electric sockets dan wireless internet access, dan mampu memuatkan sehingga 500 orang pengguna.

Bilik Jurnal

Bilik Jurnal menempatkan koleksi jurnal dan majalah yang dilanggan oleh PTA UTHM. Koleksi ini adalah untuk bacaan dalaman sahaja. Ia terletak di Aras 3 dan boleh memuatkan sehingga 50 orang pengguna.

Bilik Rujukan Terhad

Bilik Rujukan Terhad disediakan untuk kegunaan pengguna merujuk bahan-bahan koleksi rujukan, koleksi akses terhad, koleksi khas dan akhbar harian. Bahan-bahan tersebut adalah untuk bacaan dalaman sahaja. Bilik ini terletak di Aras 1 dan boleh memuatkan sehingga 140 orang pengguna.

Auditorium Al-Jazari



Auditorium Al-Jazari boleh memuatkan sehingga 150 orang pengguna terletak di Aras 3 dengan dilengkapi projektor LCD dan skrin. Ia boleh digunakan untuk tayangan video akademik yang berkaitan dengan program pengajaran dan pembelajaran di universiti. Tempahan boleh dilakukan di Kaunter Sirkulasi (Aras 1).

Ruang Bacaan Terbuka

Ruang bacaan terbuka terdapat di Aras 2, 3 dan 4. Meja bacaan untuk 2 dan 4 pengguna dan karek disediakan. Electric socket dan network point juga disediakan disebahagian ruang tersebut.

Ruang Galeri Dan Pameran

Ruang galeri dan pameran terletak di Aras 1 berhampiran Kaunter Sirkulasi. Pengguna boleh mendapatkan maklumat mengenai perkhidmatan PTTA UTHM, pengetahuan am dan isu semasa dengan mengunjungi ruang ini.

Kiosk Maklumat

Kiosk Maklumat adalah touch screen directory yang membolehkan pengguna mendapatkan maklumat mengenai PTTA UTHM seperti pelan lantai, lokasi bilik-bilik, waktu perkhidmatan, koleksi, perkhidmatan, kemudahan dan direktori staf. Ia ditempatkan di Aras 1 berhadapan dengan pintu masuk utama PTTA UTHM.

Lawatan Pihak Luar dan Program Kemasyarakatan

Lawatan Daripada Pihak Luar

Sepanjang tahun 2016, Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA) UTHM telah menerima lawatan seramai sekurang-kurangnya 2,500 orang pelawat dari 51 organisasi dalam dan luar Negara.

BIL.	BULAN	ORGANISASI/PROGRAM	JUMLAH PELAWAT
1	Februari	Pusat Perantaraan Bahasa UMS	13
2		Lawatan Staf Indonesia	100
3	Mac	KKTM Ledang	23
4		Kolej Matrikulasi Teknikal Johor	39
5		Politeknik Port Dickson	24
6		Sekolah Agama Parit Sulong	43
7		Kolej Matrikulasi Johor	39
8		SMK Bandar Seri Alam	44
9		Sek. Ren. Perempuan Kluang	44
10	April	Lawatan dari UTEM	28
11		SMK USJ 13	176
12		Kolej Vokasional Segamat	31
13		Sek. Men. Keb. Banang Jaya	44
14	Mei	Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Puncak Perdana	38
15		Majlis Profesor Malaysia (Program FPTV)	5
16		Fakulti Pengurusan Industri, UMP	24
17		Rukun Tetangga, Parit Raja	18
18		Institut Latihan Kemahiran Belia Negara	44
19		Sek. Men. Keb. (P) Temenggong Ibrahim, Batu Pahat	48
20		Sek. Men. Keb. (FELDA) Tenggaroh, Mersing	44
21		Perkampungan Orang Asli Tanah Gembur, SK Bekoh, Tangkak	44
22		Sek. Keb. Seri Kampung Tengah, Kluang	46
23		Sek. Men. Agama Kerajaan Johor, Kluang	58
24		Sek. Men. Keb. Layang-Layang, Kluang	44
25	Jun	Kolej Profesional MARA, Melaka	20

26	Ogos	Kolej Vokasional Batu Pahat	64
27		Politeknik Mersing	24
28		Politeknik Port Dickson (Program FKEE)	34
29		Kursus Teknologi Elektronik, Kolej Vokasional Batu Pahat	64
30		Sek. Men. Keb. Gajah Berang, Melaka	77
31		Sek. Men. Keb. Seri Medan, Batu Pahat	51
32	September	Universitas Muhammadiyah Surabaya, Indonesia	18
33		Kursus Teknologi Elektrik, Kolej Vokasional Batu Pahat	35
34		Sek. Keb. Seri Manggis, Parit Raja, Batu Pahat	21
35		Politeknik Mersing	22
36		Sek. Keb. Tengku Mahmud 1, Kluang	84
37	Oktober	Institut Pertanian Bogor, Indonesia	87
38		Universiti Malaysia Pahang	27
39		Universitas Muhammadiyah Surabaya, Indonesia	26
40		Sek. Men. Agama Lughatul Quran, Kesang Tasek, Sungai Mati, Tangkak	44
41		Sek. Men. Keb. Seri Intan, Jalan Intan 1, Taman Intan, Kluang	42
42		Sek. Men. Keb. Dato' Hj. Hassan Yunos, Renggam, Kluang	44
43	November	MARA Japan Industrial Institute	21
44		KKTM Kuantan	27
45		Lawatan universiti dari Sri Lanka	23
46		Osnabrueck University of Applied Sciences, Germany – Prof. Dr. Ing. Joerg Hoffman	2
47		Lawatan Penanda Aras PTTA dari UiTM Melaka	35
48		Sek. Men. Keb. Dato' Sulaiman, Parit Sulong, Batu Pahat	55
49		Sek. Men. Keb. Tun Ismail, Parit Raja	200
50		Sek. Men. Keb. Bandar Maharani, Jalan Ismail, Muar	40
51		Sek. Men. Keb. Tun Ismail, Parit Raja	39
52		Sek. Men. Keb. Sri Gading, Batu Pahat	36
53		Kolej Vokasional Batu Pahat	30
54		Sekolah Agama Kenangan Dato' Onn	26
55	Disember	Persatuan Anak-Anak Yatim Kedah (Program MPP UTHM)	20
56		Program Kem Pelajar di PULMAS (Program Pusat Islam dan Pejabat Pendaftaran)	122
57		Shizuoka University, Jepun	6
58		Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS)	10
JUMLAH			2,537

Program Kemasyarakatan

PTTA UTHM turut terlibat di dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan bagi mengembangkan fungsi dan peranannya sebagai gedung ilmu, yang bukan hanya tertumpu kepada warga kampus malah kepada suatu kelompok yang lebih besar dalam kalangan masyarakat setempat,

khususnya golongan yang sedang dahagakan ilmu pengetahuan. Sepanjang tahun 2016, PTTA UTHM telah menganjurkan 6 program khidmat masyarakat di sekitar Johor dan Kelantan, termasuk program yang dijalankan di PTTA sendiri.

BIL.	NAMA PROGRAM	TARIKH	PENGISIAN PROGRAM	PESERTA
1.	Sumbangan Bahan Bacaan sempena Majlis Pempugaran Nilam SK. (P) Bandar Kluang (Integ), Johor	24 April 2016	<ul style="list-style-type: none"> Menambah koleksi bahan bacaan untuk sekolah yang terlibat Menjadikan murid banyak membaca bukan sahaja pembacaan yang berorientasikan peperiksaan Menggalakkan sekolah terus menjana idea kreatif dan inovatif bagi menyertai tabiat membaca 	4 orang staf Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM
2.	Program Perpustakaan Angkat Sekolah Kebangsaan Bandar Paloh	9 November 2016	<ul style="list-style-type: none"> Sumbangan buku dan komputer terpakai Menjalankan aktiviti menghias pusat sumber sekolah Menjalankan aktiviti bersama pelajar untuk menggalakkan penggunaan pusat sumber dan cintakan aktiviti membaca 	20 orang AJK Program Khidmat Masyarakat Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM
3.	Sumbangan Bahan Bacaan Sekolah Agama Parit Sulong	20 Disember 2016	<ul style="list-style-type: none"> Menambah koleksi bahan bacaan untuk sekolah yang terlibat Menjadikan murid banyak membaca bukan sahaja pembacaan yang berorientasikan peperiksaan Menggalakkan sekolah terus menjana idea kreatif dan inovatif bagi menyertai tabiat membaca 	4 orang staf Perpustakaan Tunku Tun Aminah
4.	Sumbangan Bahan Bacaan Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra, Pengkalan Chepa, Kelantan	20 Disember 2016	<ul style="list-style-type: none"> Menambah koleksi bahan bacaan untuk sekolah yang terlibat. Menjadikan murid banyak membaca bukan sahaja pembacaan yang berorientasikan peperiksaan Menggalakkan sekolah terus menjana idea kreatif dan inovatif bagi menyertai tabiat membaca 	4 orang staf Perpustakaan Tunku Tun Aminah
5.	Bengkel dan Pertandingan Batu Seremban	6 Disember 2016	<ul style="list-style-type: none"> Memartabatkan TVET bersama pelajar-pelajar DUN Parit Raja melalui batu seremban. 	2 orang staf Perpustakaan Tunku Tun Aminah dan 6 orang Pelajar Sarjana Pesisir Semester 4, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV)
6.	Bengkel Lipatan Asas Origami	6 Disember 2016	<ul style="list-style-type: none"> Memartabatkan TVET bersama pelajar-pelajar DUN Parit Raja melalui lipatan asas origami. 	2 orang staf Perpustakaan Tunku Tun Aminah dan 6 orang Pelajar Sarjana Pesisir Semester 4, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV)

Aktiviti Promosi Dan Pameran

Pelbagai aktiviti telah dirancang oleh pihak Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA) UTHM bagi menyemarakkan lagi program promosi perpustakaan kepada semua warga universiti. Antara aktiviti yang telah diadakan sepanjang tahun 2016 ialah Program Hari Bersama Pelanggan dan pameran sama ada pameran buku atau pameran berkaitan perkhidmatan dan kemudahan PTTA UTHM serta pengetahuan am bagi menyampaikan mesej penting kepada pengguna dengan cara yang lebih praktikal dan efisien. Objektif utama pelaksanaan Program Hari Bersama Pelanggan ialah bagi

memberi peluang kepada pengguna PTTA UTHM menggunakan perkhidmatan yang disediakan secara lebih cepat dan mudah. Di samping itu, ia juga dapat meningkatkan kesedaran pengguna dengan mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan terbaru yang disediakan oleh pihak PTTA UTHM. Justeru, hubungan yang lebih mesra antara staf PTTA UTHM dengan pengguna sama ada staf atau pelajar dapat diwujudkan. Sepanjang tahun 2016, pihak PTTA UTHM telah melaksanakan empat (4) Program Hari Bersama Pelanggan dan tujuh (7) pameran di sekitar UTHM.



Lawatan di Perpustakaan Tunku Tun Aminah



Kejayaan, Pencapaian Dan Pengiktirafan

Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA) UTHM telah memperolehi beberapa pencapaian/kejayaan pada tahun 2016. Antaranya ialah mendapat tempat pertama dalam Audit Dalaman Amalan 5S bagi Kategori Pejabat Perkhidmatan Siswa/ Kolej Kediaman. Di samping itu, tiada ketidakpatuhan dalam auditan ISO 9001:2008 – Recertification Audit Plan oleh SIRIM terhadap Pusat Tanggungjawab ini. Sepanjang tahun 2016 juga, PTTA UTHM juga telah membantu fakulti dalam proses pengiktirafan daripada Malaysian Qualification Agency (MQA) bagi 10 program terpilih sebagaimana butiran berikut:

- i) Program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik
- ii) Program Sarjana Muda Pemesinan Am
- iii) Program Sarjana Muda Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara

- iv) Program Sarjana Muda Kimpalan dan Fabrikasi Logam
- v) Program Sarjana Muda Binaan Bangunan
- vi) Program Sarjana Muda Multimedia Kreatif
- vii) Program Sarjana Muda Katering
- viii) Program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan
- ix) Program Sarjana Muda Matematik Gunaan dan Statistik Industri
- x) Program Sarjana Muda Fizik Gunaan

Berdasarkan kepada maklum balas pihak audit MQA, keupayaan PTTA UTHM dalam persediaan koleksi, kemudahan dan perkhidmatan kepada keperluan pelajar berada di tahap terbaik.

Laporan Kewangan

LAPORAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2016

PENDAPATAN MENGURUS


Bagi tahun 2016 jumlah pendapatan mengurus UTHM adalah sebanyak RM289,393,441 berbanding dengan RM295,706,229 pada tahun 2015 iaitu penurunan sebanyak RM6,312,788 (2.1%). Penurunan ini adalah disumbangkan oleh pengurangan geran kerajaan sebanyak RM11,468,251 (4.8%). Pemberian kerajaan yang diterima bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM229,665,949 (79.4%) berbanding RM241,134,200 (81.5%) pada tahun 2015, penurunan sebanyak

4.8%. Sumber dalaman UTHM bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM59,727,492 (20.6%) berbanding dengan RM54,572,029 (18.5%) pada tahun 2015 iaitu peningkatan sebanyak RM5,155,463 (9.4%). Butiran dan peratusan jumlah pendapatan mengurus ini bagi tahun 2016 dan 2015 dapat dilihat dalam Jadual 21 manakala pecahan pendapatan mengurus bagi tahun 2016 ditunjukkan dalam Rajah 18.

Sumber Pendapatan	Tahun 2016		Tahun 2015	
	RM '000	%	RM '000	%
Pemberian Kerajaan	229,666	79.4	241,134	81.5
Sumber Dalaman	59,727	20.6	54,572	18.5
Jumlah Pendapatan	289,393	100.0	295,706	100.0
Perincian Sumber Dalaman:				
Yuran Pengajian	34,193	11.8	33,967	11.5
Pendapatan daripada Pelaburan	23,130	8.0	18,193	6.2
Sewaan, Jualan Barang dan Perkhidmatan	742	0.2	741	0.2
Denda	760	0.3	837	0.3
Bayaran Balik	902	0.3	834	0.3
Jumlah Sumber Dalaman	59,727	20.6	54,572	18.5

Nota : Sebahagian maklumat telah dikelaskan semula

Jadual 21 : Perbandingan Pendapatan Mengurus




Rajah 18 : Pecahan Pendapatan Mengurus 2016

PERBELANJAAN MENGURUS

Jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus UTHM pada tahun 2016 adalah sebanyak RM 258,184,660 berbanding dengan RM 272,535,693 pada tahun 2015, penurunan sebanyak RM 14,351,033 (5.3%) mengambilkira pengoptimuman perbelanjaan kesan daripada waran sekatan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Pecahan perbelanjaan adalah disumbangkan oleh pembayaran emolumen sebanyak RM 159,735,756 (61.9%), perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM 80,609,472 (31.2%),


pemberian dan kenaikan bayaran tetap sebanyak RM 6,475,435 (2.5%) dan perbelanjaan lain berjumlah RM 11,363,997 (4.4%). Pecahan perbelanjaan mengurus dapat dilihat dalam Rajah 19. Jadual 22 pula menunjukkan perbandingan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2016 dan 2015. Perbandingan antara pendapatan dan perbelanjaan mengurus bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2012 sehingga 2016 pula ditunjukkan dalam Rajah 20.



Rajah 19 : Pecahan Perbelanjaan Mengurus 2016

Perbelanjaan	Tahun 2016		Tahun 2015	
	RM '000	RM '000	RM '000	%
Emolumen	159,736	61.9	148,697	52.2
Perkhidmatan dan Bekalan	80,610	31.2	105,377	40.5
Pemberian dan Kenaan Tetap	6,475	2.5	6,909	2.5
Perbelanjaan Lain	11,364	4.4	11,553	4.8
Jumlah	258,185	100.0	272,536	100.0

Jadual 22 : Perbandingan Perbelanjaan Mengurus



Rajah 20 : Perbandingan Pendapatan Dan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2012 - 2016

GERAN PEMBANGUNAN

Jumlah keseluruhan geran pembangunan UTHM bagi tahun 2016 daripada kerajaan adalah sebanyak RM50,400,000 berbanding RM65,144,628 pada tahun 2015, penurunan sebanyak RM14,744,628 (22.6%). Daripada jumlah yang diterima, sebanyak RM42,000,000

merupakan geran pembangunan manakala sebanyak RM8,400,000 adalah geran PFI. Butiran dan peratusan jumlah geran pembangunan bagi tahun 2016 dan 2015 dapat dilihat dalam Jadual 3.

Sumber	Tahun 2016		Tahun 2015	
	RM'000	%	RM'000	%
Geran Pembangunan Kerajaan	42,000	83.3	54,000	82.9
Geran PFI	8,400	16.7	11,145	17.1
Jumlah	50,400	100.0	65,145	100.0

Jadual 23 : Perbandingan Pendapatan Pembangunan

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Perbelanjaan pembangunan direalisasikan pada tahun 2016 ialah sebanyak RM47,400,843 berbanding dengan RM45,779,526 pada tahun 2015, peningkatan sebanyak RM1,621,317 (3.5%). Perbelanjaan tunai sebenar daripada peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM35,561,812 berbanding RM17,770,464 pada tahun 2015, peningkatan sebanyak RM17,791,348 (100.2%).


Perbandingan perbelanjaan pembangunan direalisasikan bagi tahun 2016 dan 2015 adalah seperti di dalam Jadual 24. Perbandingan pecahan perbelanjaan mengikut projek bagi tahun 2016 dan 2015 adalah seperti Jadual 25 manakala perbandingan pendapatan dan perbelanjaan pembangunan dari tahun 2012 sehingga 2016 dapat dilihat dalam Rajah 21.

Perbelanjaan	Tahun 2016		Tahun 2015	
	RM'000	%	RM'000	%
Belanja Susutnilai	46,273	97.6	43,708	95.5
Perbelanjaan Operasi Tidak Dipermodalkan	1,128	2.4	2,071	4.5
Jumlah	47,401	100.0	45,779	100.0

Jadual 24 : Perbandingan Perbelanjaan Pembangunan Direalisasi

Perbelanjaan Mengikut Projek	Tahun 2016		Tahun 2015	
	RM'000	%	RM'000	%
Peralatan Bangunan Mint-SRC dan JRC (FKAAS)	210	0.6	-	-
Pembelian Perabot dan Peralatan Bangunan Baru	4,246	11.9	2,105	11.8
Projek Tebatan Banjir	5,820	16.4	-	-
Pembinaan Bangunan Akademia FKEE	19,957	56.1	-	-
Perolehan Peralatan RP-4	729	2.1	1,786	10.1
Peralatan MTUN	369	1.0	776	4.4
Projek Infrastruktur	4,230	11.9	13,103	73.7
Jumlah	35,561	100.0	17,770	100.0

Jadual 25 : Perbandingan Pecahan Perbelanjaan Mengikut Projek



Rajah 21 : Perbandingan Terimaan Geran Tunai Dan Perbelanjaan Pembangunan Bagi Tahun 2012 – 2016

GERAN TERTUNDA

Mulai tahun kewangan 2016, UTHM telah menggunakan piawaian *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) yang melibatkan perubahan dalam persembahan geran pembangunan, geran penyelidikan dan terimaan amanah daripada pihak Kerajaan. Mengikut MPERS, semua terimaan daripada

pihak kerajaan perlu diiktiraf sebagai Geran Tertunda. Baki Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Penyelidikan dan Tabung dan Amanah perlu dikelaskan semula sebagai Geran Tertunda di bawah Liabiliti Jangka Panjang. Perbandingan pecahan Geran Tertunda mengikut kategori adalah seperti di Jadual 26.

Geran Tertunda	Tahun 2016	Tahun 2015
	RM'000	RM'000
Kumpulan Wang Pembangunan	990,221	1,004,431
Kumpulan Wang Penyelidikan	29,584	31,846
Tabung dan Amanah	15,103	16,240
Jumlah	1,034,908	1,052,517

Jadual 26 : Perbandingan Pecahan Geran Tertunda



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 26.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian yang ketara berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30), saya juga melaporkan perkara berikut:


- a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).
- b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 7 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.
- c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.
- d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

Hal-hal Lain

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 3 kepada penyata kewangan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Lembaga Pengarah terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terikat untuk melaporkan angka perbandingan yang dinyatakan semula dan tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini,

termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.


- b. Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(LIM SOK KIANG)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
16 JUN 2017



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
PENYATA Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami, **TAN SRI (DR.) IR. JAMILUS MD HUSSIN** dan **PROFESSOR DR. WAHID BIN RAZZALY**, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA dan KUMPULAN pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,



TAN SRI (DR.) IR. JAMILUS MD HUSSIN

Pengerusi



PROFESSOR DR. WAHID BIN RAZZALY

Naib Canselor

Batu Pahat, Johor

Bertarikh : 12 JUN 2017

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS
PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, **AZIZAH BINTI NASRI (K/P No: 700827-01-5612)**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas,)
di Batu Pahat dalam Negeri Johor)
pada **12 JUN 2017**)



.....
AZIZAH BINTI NASRI
Bendahari

Di hadapan saya,



No. K4 Jalan Emas,
Kg. Kenangan Dato' Onn
83000 Batu Pahat Johor.

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

NOTA	2016 RM	KUMPULAN 2015 RM Seperti Dinyatakan Semula	01.01.2015 RM	2016 RM	UTHM 2015 RM Seperti Dinyatakan Semula	01.01.2015 RM
ASET BUKAN SEMASA						
Hartanah, Loji & Peralatan	5	1,021,011,282	1,068,324,633	1,012,385,960	1,059,475,134	1,059,475,134
Projek Dalam Kemajuan	6	12,167,269	9,559,367	12,167,269	9,559,367	9,559,367
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	7	-	-	4,000,000	2,500,000	2,500,000
Aset cukai tertunda		248,000	248,000	-	-	-
		<u>1,033,426,551</u>	<u>1,078,132,000</u>	<u>1,028,553,229</u>	<u>1,071,534,501</u>	<u>1,071,534,501</u>
ASET SEMASA						
Penghutang, Deposit dan Hasil Akan Diterima	8	32,211,745	18,794,700	30,882,875	17,695,917	17,695,917
Deposit di Bank dan Tunai	9	658,236,246	597,079,151	655,831,140	595,255,015	595,255,015
		<u>690,447,991</u>	<u>615,873,851</u>	<u>686,714,015</u>	<u>612,950,932</u>	<u>612,950,932</u>
JUMLAH ASET		<u>1,723,874,542</u>	<u>1,694,005,851</u>	<u>1,715,267,244</u>	<u>1,684,485,433</u>	<u>1,684,485,433</u>
EKUITI						
Kumpulan Wang Mengurus	10	334,017,683	303,954,136	334,017,683	303,954,136	303,954,136
Kumpulan Wang Tambahan	11	52,997,200	35,888,732	52,997,200	35,888,732	35,888,732
Kumpulan Wang Hartanah, Loji dan Peralatan	12	137,024,983	140,655,540	137,024,983	140,655,540	140,655,540
Tabung dan Akaun Amanah	13	123,860,879	119,944,195	123,860,879	119,944,195	136,184,728
Keuntungan Berkumpul Syarikat Subsidiari	14	844,146	763,436	763,436	-	-
Kumpulan Wang Pembangunan		-	-	723,254,351	-	723,254,351
Kumpulan Wang Penyelidikan		-	-	29,319,415	-	29,319,415
		<u>648,744,891</u>	<u>601,206,039</u>	<u>1,653,723,414</u>	<u>600,442,603</u>	<u>1,652,959,978</u>
LIABILITI JANGKA PANJANG						
Pinjaman		3,685,918	4,234,634	-	-	-
Geran Tertunda	15	1,034,908,500	1,052,517,375	1,034,908,500	1,052,517,375	-
Manfaat Pekerja	16	4,113,894	3,752,407	4,113,894	3,752,407	3,752,407
Pendapatan Tertunda	17	15,774,830	15,465,343	15,774,830	15,465,343	15,465,343
		<u>1,058,483,142</u>	<u>1,075,969,759</u>	<u>23,452,384</u>	<u>1,071,735,125</u>	<u>19,217,750</u>
LIABILITI SEMASA						
Pemiutang		8,235,176	5,529,664	8,035,486	5,481,206	5,481,206
Pemiutang Pelbagai	18	5,546,469	7,407,207	4,200,922	5,640,073	5,640,073
Pinjaman		1,351,691	1,102,995	-	-	-
Manfaat Pekerja	19	332,867	1,186,426	332,867	1,186,426	1,186,426
Peruntukan Cukai		1,180,306	1,603,761	-	-	-
		<u>16,646,509</u>	<u>16,830,053</u>	<u>12,569,275</u>	<u>12,307,705</u>	<u>12,307,705</u>
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		<u>1,723,874,542</u>	<u>1,694,005,851</u>	<u>1,715,267,244</u>	<u>1,684,485,433</u>	<u>1,684,485,433</u>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	NOTA	KUMPULAN		UTHM	
		2016 RM	2015 RM Seperti Dinyatakan Semula	2016 RM	2015 RM Seperti Dinyatakan Semula
Pendapatan	20	380,613,992	367,088,959	375,645,765	363,801,688
Tolak:					
Kos perkhidmatan dan perundingan		3,436,932	3,289,483	-	-
Perbelanjaan Operasi		269,686,178	273,804,217	269,182,792	274,606,725
Susutnilai		60,195,094	57,791,794	59,745,106	57,393,949
Jumlah perbelanjaan		333,318,204	334,885,495	328,927,898	332,000,674
Lebih Pendapatan daripada Operasi		47,295,788	32,203,465	46,717,867	31,801,014
Kos Pembiayaan		(280,009)	(237,447)	-	-
Lebih Pendapatan daripada Operasi Sebelum Cukai		47,015,779	31,966,018	46,717,867	31,801,014
Perbelanjaan Cukai		(144,200)	(735,455)	-	-
LEBIHAN PENDAPATAN SELEPAS CUKAI		46,871,579	31,230,563	46,717,867	31,801,014

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

KUMPULAN

	Kumpulan Wang Mengurus	Kumpulan Wang Pembangunan	Kumpulan Wang Tambahan	Kumpulan Wang Penyelidikan dan Peralatan	Kumpulan Wang Hartanah, Loji dan Peralatan	Tabung dan Akaun Amanah	Keuntungan Syarikat Subsidiari	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 31 Disember 2014	286,032,595	703,889,249	25,658,871	27,834,344	392,094,162	122,761,663	1,433,887	1,559,704,771
Pelarasan Antara Kumpulan Wang / Tabung	-	281,176,972	-	2,123,786	(283,300,758)	-	-	-
Pada 1 Januari 2015	286,032,595	985,066,221	25,658,871	29,958,130	108,793,404	122,761,663	1,433,887	1,559,704,771
- Seperti Dinyatakan Semula	(1,224,581)	-	-	(506,399)	-	-	-	(1,730,980)
Pelarasan Tahun Lepas	50,000	-	-	-	-	-	(50,000)	-
Pelarasan Baki Awal Tahun (Dividen)	23,170,536	-	8,630,478	2,393,789	-	-	(620,451)	33,574,352
Lebihan Bersih Bagi Tahun Pindahan	(4,074,414)	19,365,102	1,599,383	-	31,862,136	13,423,065	-	62,175,272
Pelarasan Ke Geran Tertunda	303,954,136	1,004,431,323	35,888,732	31,845,520	140,655,540	136,184,728	763,436	1,653,723,415
Pada 31 Disember 2015	303,954,136	1,004,431,323	35,888,732	(31,845,520)	140,655,540	(16,240,533)	-	(1,052,517,376)
- Seperti Dinyatakan Semula	-	-	35,888,732	-	140,655,540	119,944,195	763,436	601,206,039
Pelarasan Tahun Lepas	357,973	-	-	-	-	-	-	357,973
Pada 31 Disember 2016	304,312,109	31,208,783	35,888,732	140,655,540	119,944,195	763,436	601,564,012	601,564,012
Lebihan Bersih Bagi Tahun Pindahan	(1,503,211)	-	15,509,085	-	-	-	153,710	46,871,578
		-	1,599,383	-	(3,630,557)	3,916,684	(73,000)	309,301
Pada 31 Disember 2016	334,017,683	52,997,200	137,024,983	123,860,879	844,146	648,744,891	648,744,891	648,744,891

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

UTHM

	Kumpulan Wang Mengurus RM	Kumpulan Wang Pembangunan RM	Kumpulan Wang Tambahan RM	Kumpulan Wang Penyelidikan RM	Kumpulan Wang Hartanah, Loji dan Peralatan RM	Tabung dan Akaun Amanah RM	Jumlah RM
Pada 31 Disember 2014	286,082,595	703,889,249	25,658,871	27,834,344	392,094,162	122,761,663	1,558,320,884
Pelarasan Antara Kumpulan Wang / Tabung	-	281,176,972	-	2,123,786	(283,300,758)	-	-
Pada 1 Januari 2015	286,082,595	985,066,221	25,658,871	29,958,130	108,793,404	122,761,663	1,558,320,884
- Seperti Dinyatakan Semula	(1,224,581)	-	-	(506,399)	-	-	(1,730,980)
Pelarasan Tahun Lepas	23,170,536	-	8,630,478	2,393,789	-	-	34,194,803
Lebihan Bersih Bagi Tahun Pindahan	(4,074,414)	19,365,102	1,599,383	-	31,862,136	13,423,065	62,175,272
	303,954,136	1,004,431,323	35,888,732	31,845,520	140,655,540	136,184,728	1,652,959,979
Pelarasan Ke Geran Tertunda	-	(1,004,431,323)	-	(31,845,520)	-	(16,240,533)	(1,052,517,376)
Pada 31 Disember 2015	303,954,136	-	35,888,732	-	140,655,540	119,944,195	600,442,603
- Seperti Dinyatakan Semula	357,973	-	-	-	-	-	357,973
Pelarasan Tahun Lepas	304,312,109	-	35,888,732	-	140,655,540	119,944,195	600,800,576
Lebihan Bersih Bagi Tahun Pindahan	31,208,783	-	15,509,085	-	-	-	46,717,868
	(1,503,209)	-	1,599,383	-	(3,630,557)	3,916,684	382,301
Pada 31 Disember 2016	334,017,683	-	52,997,200	-	137,024,983	123,860,879	647,900,745

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	KUMPULAN		UTHM	
	2016 RM	2015 RM Seperti Dinyatakan Semula	2016 RM	2015 RM Seperti Dinyatakan Semula
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI				
Lebih Pendapatan	47,015,779	31,966,018	46,717,867	31,801,014
Pelarasan:-				
Susutnilai/Pelunasan Aset	59,992,829	57,791,794	59,542,841	57,393,949
Hapuskira Aset	(2,775)	-	(2,775)	-
Peruntukan Manfaat Pekerja	960,914	813,693	960,914	813,693
Faedah Diterima	(23,179,036)	(18,193,391)	(23,130,540)	(18,193,391)
Pelarasan Tahun Lepas	357,973	(1,224,581)	357,973	(1,224,581)
Lebih Pendapatan Sebelum Perubahan Modal Kerja	85,145,684	71,153,533	84,446,280	70,590,684
Tambahan Dalam Penghutang	(13,127,595)	(1,309,257)	(12,877,470)	(1,808,549)
Kurangan Dalam Pemiutang	(660,767)	(5,570,713)	(337,856)	(6,114,844)
Cukai dibayar	(565,419)	(625,858)	-	-
Tunai Bersih Dari Aktiviti Operasi	70,791,903	63,647,705	71,230,954	62,667,291
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN				
Suntikan Modal	-	-	(1,500,000)	-
Belian Aset Tetap	4,167,277	(55,084,241)	4,393,089	(54,251,238)
Kerja Dalam Pembinaan	(19,451,884)	(3,799,428)	(19,451,884)	(3,799,428)
Faedah Diterima	23,369,603	18,193,391	23,130,540	18,193,391
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan	8,084,996	(40,690,278)	6,571,745	(39,857,275)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Bayaran Dividen Oleh UTHM Holdings	(23,000)	-	-	-
Tambahan Pinjaman	-	2,174,169	-	-
Bayaran Balik Pinjaman dan Sewa Beli	(470,230)	(1,973,727)	-	-
Tambahan/(Kurangan)Dalam Pelbagai Tabung	3,916,684	(2,817,468)	3,916,684	(2,817,468)
(Tambahan)/Kurangan Dari Pelbagai Kumpulan Wang	(3,534,383)	29,387,105	(3,534,383)	29,387,105
(Kurangan)/Tambahan Geran Tertunda Kumpulan Wang	(17,608,875)	37,493,024	(17,608,875)	37,493,024
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pembiayaan	(17,719,804)	64,263,103	(17,226,574)	64,062,661
Tambahan Bersih Dalam Aliran Tunai	61,157,095	87,220,530	60,576,125	86,872,677
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	597,079,151	509,858,621	595,255,015	508,382,338
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	658,236,246	597,079,151	655,831,140	595,255,015
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Terdiri Daripada:-				
Deposit dibank dan syarikat kewangan berlesen	591,643,222	538,703,445	591,500,000	538,000,000
Baki bank dan tunai	66,593,024	58,375,706	64,331,140	57,255,015
	658,236,246	597,079,151	655,831,140	595,255,015

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN- 31 DISEMBER 2016

1. MAKLUMAT UMUM

- a. Penubuhan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) pada asalnya merupakan sebuah Politeknik yang terletak di Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Pada 16 September 1993, Politeknik ini secara rasminya telah ditukarkan menjadi Pusat Latihan Staf Politeknik (PLSP). Pusat ini telah ditukar kepada Institut Teknologi Tun Hussein Onn (ITTHO) pada 12 April 1996. Pada 30 September 2000, ITTHO telah dinaik taraf kepada sebuah Kolej Universiti yang dikenali sebagai Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.
- b. Pertukaran Nama
Pada 1 Februari 2007, KUiTTHO telah dinaik taraf kepada sebuah Universiti yang dikenali sebagai UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM) di bawah subseksyen 6(1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).
- c. Aktiviti Utama
UTHM adalah sebuah Universiti yang mengkhusus dalam bidang Sains, Teknologi dan Kejuruteraan. Aktiviti syarikat subsidiari pula mengkhusus dalam bidang pengkomersilan hasil R & D, perundingan, pengujian dan penyewaan bangunan.
- d. Kelulusan Penyata Kewangan
Penyata Kewangan Universiti bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 12 Jun 2017.

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Dasar Universiti adalah untuk memastikan risiko pasaran, risiko kredit dan risiko kecairan diuruskan bagi menjaga kepentingan Universiti dan mengawal risiko bagi memaksimumkan pulangan dan mengekalkan keutuhan kewangan Universiti.

- a. Risiko Pasaran
Secara prinsipnya Risiko Pasaran wujud daripada perubahan harga dalam ekuiti. Pelaburan dalam saham amanah dikelaskan sebagai pelaburan jangka panjang dan pihak pengurusan akan memastikan bahawa sebarang pelupusan saham akan mendapat pulangan yang maksimum.
- b. Risiko Kredit
Risiko Kredit wujud bila sesuatu pendahuluan, sewaan atau yuran/caj yang dikenakan dibuat secara kredit. Risiko Kredit dikawal dan diuruskan dengan membuat penilaian dan pemantauan baki kredit bagi setiap penghutang.
- c. Risiko Kecairan
Risiko Kecairan diambilkira untuk memastikan kecairan tunai memadai bagi memenuhi tuntutan perbelanjaan dan pemiutang melalui langkah kawalan kredit, penerimaan hasil dan geran.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

- a. Asas Perakaunan
Penyata Kewangan UTHM telah disediakan mengikut konvensyen kos asal dan mengikut piawaian-piawaian yang diluluskan.

Mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, UTHM telah menggunakan piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) menggantikan piawaian

Private Entities Reporting Standard (PERS) menerusi kelulusan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 5/2016.

b. Asas Penyatuan

Mulai tahun 2004, akaun Kumpulan meliputi semua Kumpulan Wang Universiti dan syarikat subsidiari yang disediakan pada setiap akhir tahun kewangan.

Semua urusan di antara Kumpulan telah dihapuskan semasa penyatuan dan akaun yang disatukan mengambilkira urusan luaran sahaja. Kaedah untuk menyatukan akaun Universiti dengan akaun syarikat subsidiari ialah dengan menggunakan kaedah ekuiti.

c. i. Peruntukan Hutang Ragu

- a. Peruntukan umum sebanyak 2.5% dibuat bagi hutang ragu berdasarkan kepada penyemakan akhir tahun ke atas akaun penghutang selepas mengambilkira amaun yang dihapuskan. Akaun penghutang dinyatakan pada nilai yang telah diambilkira selepas peruntukan hutang ragu.
- b. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil 1/2016 telah meluluskan pindaan pada polisi untuk pengakaunan peruntukan hutang ragu berkuatkuasa mulai Penyata Kewangan tahun 2015, di mana amaun yang perlu diperuntukkan sebagai hutang ragu hendaklah diambil daripada jumlah hutang yang melebihi tempoh 3 tahun selaras dengan pelaksanaan agen kutipan hutang oleh Universiti.

ii. Hapuskan

- a. Peruntukan Hapuskan dibuat selepas semua langkah-langkah berikut telah diambil bagi memungut semula hutang:-
 - i. mengeluarkan notis peringatan (pertama, kedua dan terakhir)
 - ii. rundingan atau penimbangtaraan ke atas hutang yang dipertikaikan;
 - iii. tindakan undang-undang (memfail guaman sivil, memperolehi penghakiman daripada mahkamah dan melaksanakan penghakiman itu); dan
 - iv. agen kutipan hutang.

d. Pelaburan

Pelaburan saham tidak disebut harga, pelaburan dalam subsidiari-subsidiari dan lain-lain pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosot nilai. Semasa pelupusan pelaburan, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Peruntukan akan dibuat apabila terdapat penurunan nilai yang kekal dalam pelaburan tersebut.

e. Pengiktirafan Pendapatan

- i. Pemberian kerajaan untuk belanja mengurus diiktiraf berasaskan akaun dan dinyatakan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.
- ii. Pemberian Kerajaan untuk belanja pembangunan diiktiraf sebagai Geran Tertunda dan akan dilunaskan mengikut belanja susutnilai projek yang telah disiapkan dan aset yang dibeli serta belanja operasi yang tidak dimodalkan.
- iii. Pemberian untuk projek-projek penyelidikan jangka pendek dan jangka panjang diakaunkan sebagai Geran Tertunda Penyelidikan dan dilunaskan mengikut belanja susutnilai aset dan belanja terus lain.
- iv. Geran yang diterima dalam bentuk aset diakaunkan sebagai pendapatan tertunda dan diiktiraf sebagai pendapatan sepanjang tempoh hayat aset tersebut.
- v. Pendapatan daripada yuran pengajian pelajar akan diakaunkan dan diiktiraf sebagai hasil mengikut setiap semester pengajian.

vi. Pendapatan Faedah dan Dividen

Pendapatan faedah meliputi hasil faedah daripada pelaburan dalam simpanan tetap dan faedah pinjaman yang diiktiraf sebagai hasil dan dinyatakan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif berasaskan kaedah akruan.

vii. Pendapatan sewaan diiktiraf berdasarkan asas akruan selepas invoice dikeluarkan kepada pihak penyewa.

f. Hartanah, Loji dan Peralatan

i. Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul kecuali bagi tanah milik bebas. Pembelian harta modal yang berharga RM3,000 dan ke atas bagi setiap unit manakala pembaikan bangunan yang kosnya melebihi RM 50,000 akan dipermodalkan.

ii. Pembelian buku yang bernilai RM3,000 dan ke atas bagi sebuah buku atau satu set adalah dikategorikan sebagai harta modal atau aset tetap mulai tahun kewangan 2009.

iii. Semua pembelian perabot adalah dikategorikan sebagai belanja tidak luak atau inventori sahaja tanpa mengira nilai belian dan tidak lagi dipermodalkan sebagai aset mulai tahun 2009.

g. Susutnilai

Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan dikira mengikut kaedah garis lurus berdasarkan jangkaan hayat aset berkenaan dan dikenakan kepada kumpulan wang masing-masing. Tanah milik bebas adalah tidak dilunaskan.

Kadar susutnilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut :-

Bangunan	2%
Kemudahan/Infrastruktur	10%
Kenderaan	20%
Alat-Alat Kelengkapan	25%
Alat-Alat Yang Didermakan	25%
Alat-alat Penyelidikan	25%
Komputer	25% - 33.3%

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil 1/2016 telah meluluskan perubahan pada kadar susutnilai tahunan yang digunakan bagi peralatan komputer daripada 25% (4 tahun) kepada 33.3% (3 tahun). Bagi tujuan pengiraan susutnilai, hanya perolehan komputer bagi tahun 2015 akan menggunakan kadar susutnilai baru tersebut.

h. Projek Dalam Kemajuan

Kerja-kerja dalam kemajuan meliputi projek pembinaan bangunan dan infrastruktur yang sedang didirikan dan lain-lain aset yang belum disempurnakan. Susutnilai tidak dikenakan ke atas kerja-kerja dalam kemajuan.

Kos pembinaan akan dipindahkan ke dalam aset tetap apabila Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Sebarang bayaran tambahan akan dicaj terus kepada aset berkenaan dalam tahun kewangan.

i. Manfaat Pekerja

i. Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan majikan dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Bayaran ganjaran cuti rehat bagi pekerja tetap

dan kontrak serta ganjaran kepada pekerja kontrak yang akan tamat tempoh perkhidmatan pada tahun kewangan berikutnya diakaunkan sebagai manfaat jangka pendek.

ii. **Manfaat Pekerja Jangka Panjang**

Piawaian dan bayaran manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan dalam Penyata Pendapatan tahun semasa sebagai perbelanjaan manfaat pekerja di dalam Lembaran Imbangan sebagai liabiliti dan dikenali sebagai Manfaat Pekerja Jangka Panjang.

Jenis manfaat jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran gantian cuti rehat untuk pekerja tetap yang telah mencapai umur 50 tahun dengan andaian seseorang pekerja akan mengumpulkan cuti tahunannya sebanyak 15 hari setahun sehingga mencapai maksima 150 hari semasa tarikh persaraan. Kadar gaji semasa telah digunakan untuk mengira amaun liabiliti tersebut.

Bayaran ganjaran bagi pekerja kontrak yang akan tamat pada dua dan tiga tahun berikutnya sebagai Perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif dan liabiliti jangka panjang dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

iii. **Pelan Caruman Tetap**

UTHM membuat caruman kepada KWSP bagi pekerja yang memilih faedah KWSP atau Tabung Amanah Pencen Kerajaan bagi staf yang memilih skim pencen. Sumbangan majikan tersebut diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif apabila perbelanjaan dilakukan dalam tahun kewangan berkenaan.

j. **Liabiliti Cukai Pendapatan**

UTHM adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah Perenggan 13 Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 kecuali bagi pendapatan dividen.

k. **Pajakan**

- i. Terdapat 2 jenis pajakan aset iaitu pajakan kewangan (*finance lease*) dan pajakan operasi (*operation lease*). Pengkelasan pajakan aset ini adalah berdasarkan kepada pemilikan aset tersebut di akhir tempoh pajakan.
- ii. Pajakan kewangan (*finance lease*) adalah pajakan yang mana pemilikan aset pada akhir tempoh pajakan adalah milik Universiti. Aset ini perlu dipermodalkan di bawah Harta Universiti dan tanggungan yang sepadan diperlakukan sebagai liabiliti. Susutnilai aset pajakan akan diambilkira dalam Penyata Kewangan sepanjang tempoh pajakan berdasarkan kaedah garis lurus.
- iii. Pajakan operasi (*operation lease*) pula adalah pajakan yang mana pemilikan aset pada akhir tempoh pajakan adalah milik pemberi sewa. Bayaran yang dibuat di bawah pajakan ini dimasukkan ke dalam penyata pendapatan sebagai bayaran sewa pajakan sepanjang tempoh pajakan.
- iv. Sewa beli (*Lease To Own*) pula merupakan kaedah sewa di mana pada akhir tempoh sewaan harta tersebut akan menjadi milik Universiti. Terdapat dua (2) kaedah pengakaunan sewa beli iaitu sebagai Harta Modal jika harta melebihi RM3,000.00 seunit dan akan dikelaskan sebagai Inventori jika nilai harta kurang daripada RM3,000.00. Penetapan nilai harta boleh dibuat mengikut nilai pasaran semasa oleh pihak yang mempunyai kepakaran.

l. **Cukai Pendapatan**

Universiti telah diberi pengecualian daripada cukai pendapatan di bawah perenggan 13 Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967.

Cukai dalam Penyata Kewangan anak syarikat terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jangkaan cukai yang perlu dibayar terhadap pendapatan boleh cukai pada

tahun semasa, menggunakan kadar cukai yang diterima pakai atau sebahagian besarnya diterima pakai pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, dan apa-apa pelarasan ke atas cukai perlu dibayar bagi tahun-tahun sebelumnya.

Cukai tertunda diperuntukkan di bawah kaedah liabiliti untuk semua perbezaan sementara yang timbul akibat perbezaan asas cukai dengan nilai dibawa sesuatu aset dan liabiliti di dalam Penyata Kewangan.

